

**KONSEP MONOTEISME DALAM ALIRAN SAIVISME : ANALISIS  
MENURUT PERSPEKTIF ISLAM**

**SAMSUDDIN ABD HAMID**

**ACADEMY OF ISLAMIC STUDIES  
UNIVERSITY OF MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2012**

**KONSEP MONOTEISME DALAM ALIRAN SAIVISME : ANALISIS  
MENURUT PERSPEKTIF ISLAM**

**SAMSUDDIN ABD HAMID**

**DISSERTATION SUBMITTED IN PARTIAL FULFILMENT OF THE  
REQUIREMENTS FOR THE DEGREE OF MASTER OF USULUDDIN**

**ACADEMY OF ISLAMIC STUDIES  
UNIVERSITY OF MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2012**

## **ABSTRAK**

Agama Hindu merupakan agama yang menyembah tuhan yang satu iaitu Tuhan Brahma yang dilihat mempunyai tiga fungsi dan sifat yang berbeza iaitu Pencipta, Pemelihara dan Pemusnah yang dicernakan melalui tanggungjawab yang dipikul oleh Dewa Brahma sebagai Pencipta, Dewa Vishnu sebagai Pemelihara dan Dewa Siva sebagai Pemusnah. Kepercayaan agama Hindu ini dikenali sebagai trimurti atau *thirumoorthi* yang ditampilkan dalam bentuk estetika iaitu tuhan yang satu digambarkan dalam bentuk yang indah bersesuaian dengan sifat-sifat tuhan yang pelbagai. Konsep keyakinan kepada tuhan yang satu turut dicernakan dalam kepercayaan setiap aliran yang wujud dalam ajaran Hindu. Antara alirannya yang menyerlah adalah aliran Saivism yang mengkhususkan kepercayaan kepada tuhan Siva. Keyakinan aliran Saivism ini dirujuk sebagai monoteisme iaitu keyakinan kepada tuhan yang satu. Keyakinan ini diperkuuhkan dengan hujah-hujah yang bersumberkan teks-teks agama Hindu. Ia turut dicerakinkan dalam ritual keagamaan aliran Saivism yang memangkinkan para penganutnya kepada jalan kebenaran ke arah tuhan yang satu. Berasaskan konsep monoteisme ini, ajaran Hindu meyakini bahawa asas agamanya adalah benar kerana turut meyakini tuhan yang satu sepetimana ajaran agama yang lain khususnya agama samawi; Islam yang berpegang kepada konsep ketauhidan Allah S.W.T. Bagi menjelaskan perkara tersebut, beberapa metodologi digunakan bagi menghasilkan kajian ini meliputi kajian perpustakaan dan kajian lapangan termasuklah mengadakan temubual bersama beberapa orang penganut agama Hindu dan ilmuwan yang pakar mengenai agama tersebut. Berdasarkan kajian ini, tuntasnya penilaian menurut perspektif Islam terhadap konsep monoteisme yang diyakini oleh ajaran Hindu dan lebih khusus aliran Saivism adalah berbeza dengan konsep tauhid menurut Islam yang menekankan keesaan Allah. Ini kerana terminologi dan epistemologi satu dan esa adalah berbeza dan tersendiri dan pastinya semua ini berkait rapat dengan falsafah dan tuntutan ajaran masing-masing.

## **ABSTRACT**

Hinduism worshipping the Lord Brahma, the one seen with three different functions and character through the responsibility of Lord Brahma as the Creator, Lord Vishnu as the Sustainer and Lord Siva as the Destroyer. The Hinduism belief also known as trimurty or thirumooorthi displayed in the form of an aesthetic that is a god illustrated in the beautiful form in accordance with the various attribute of god. The belief of one God or monotheism exists in every stream in Hinduism, for example the Saivism. The Saivism is being emphasized as believe in the only god which is the God Siva. This has been explained and stressed in the Hinduism text as well as in their daily ritual. Based on the concept of monotheism, Hinduism believe that their basic teaching is true like other monotheism religion especially Islam. Some of the methodology used to clarify this research, includes library research and field studies, including an interview with some of Hindus" and scholars who are experts on Hinduism. Thus, the concept of monotheism in Hinduism, particularly in the teaching of Saivism is different from the concept of „*Tawhīd*“ in Islam. This is because the terminology and epistemological of one and „*esa*“ is different and sort of all of this is closely related to the differences of philosophy and teachings in each religion.

## **PENGHARGAAN**

Alhamdulillah, syukur ke hadrat ilahi kerana dengan limpah rahmatNya, disertasi yang bertajuk “Konsep Monoteisme Dalam Aliran Saivism: Analisis Menurut Perspektif Islam” ini telah berjaya disempurnakan.

Setinggi-tinggi penghargaan kepada ibu bapa saya, Haji Abd. Hamid bin Sanijan dan Hajah Rubisah binti Ibrahim yang menjadi pendorong untuk melanjutkan pengajian ke peringkat sarjana dan seterusnya memberi sokongan dan bantuan dari sudut spiritual dan fizikal. Doa dan redha kalian amat diperlukan sepanjang hidupku. Begitu juga buat isteri Pn. Nor Fadila binti Kasim dan seluruh ahli keluarga. Usaha memartabatkan ilmu pengetahuan adalah milik kita semua.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak pentadbiran Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) atas tajaan Biasiswa Skim Latihan Akademik Bumiputera terutamanya kepada Dekan Fakulti Sains Kemanusiaan, Prof. Dr. Zainudin bin Othman; Ketua Jabatan Pengajian Islam, Dr. Zanariah binti Noor dan pegawai serta staf sokongan di Bahagian Sumber Manusia dan Fakulti Sains Kemanusiaan.

Jutaan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Khadijah binti Mohd Khambali @ Hambali yang telah menyelia penulis dalam menghasilkan kajian ini sehingga selesai. Segala tunjuk ajar dan panduan yang diberikan kepada saya amat bermakna sama ada dalam menyempurnakan kajian ini mahu pun dalam kehidupan sebagai seorang penuntut. Segala pandangannya memberikan inspirasi untuk lebih cemerlang dalam segala cabang kehidupan yang dilalui di masa hadapan.

Selain itu, saya juga mengucapkan terima kasih buat individu yang terlibat secara langsung dalam menghasilkan kajian ini iaitu Dr. M. Rajenthaler, Pensyarah Jabatan Pengajian India, Universiti Malaya yang memberikan maklumat mengenai

rujukan berkaitan agama Hindu dan beberapa orang lagi yang meluangkan masa bersama penulis bagi menjelaskan mengenai keyakinan penganut agama Hindu khususnya aliran Saivism iaitu Prof Dr. N.S. Rajendran, Pengurus Persatuan Hindu Mamandram; Ustaz Hj Abd Latiff Satharan Abdullah dari Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia; Encik R. Kanagaratman, Setiausaha Persatuan Hindu Dharma Malaysia; Encik Syah Kirit Kalkulal Govindji, Pengarah Pusat Institut Islam & Dr. Balrama Applanaidu, pensyarah di Universiti Nottingham. Segala input dan maklumat serta kerjasama yang diberikan amat bermanfaat dalam kajian ini.

Ucapan terima kasih juga diucapkan kepada pensyarah-pensyarah di Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam iaitu Prof Madya Dr. Mohd Fauzi bin Hamat, Prof. Madya Dr. Che Zarrina binti Sa“ari, Prof. Madya Dr. Wan Suhaimi bin Wan Abdullah, Prof. Madya Dato“ Dr. Fakhrudin bin Abdul Mukti, Dr. Mohamad Kamil bin Hj. Abd Majid, Dr. Faizuri bin Abd Latif, Prof Madya Dr. Wan Zailan Kamaruddin bin Wan Ali, Dr. Ahmad Zuhdi bin Majid, Dr. Wan Adli bin Wan Ramli, Dr. Azmil bin Zainal Abidin dan Dr. Mahmud bin Ahmad. Sesungguhnya, segala ilmu yang disampaikan sama ada secara langsung atau pun tidak langsung dapat membantu saya memahami ilmu-ilmu Allah yang luas di alam ini. Terima kasih juga diucapkan kepada Puan Noor Haslinda binti Mohd Arif, selaku Pembantu Tadbir di Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam yang tidak jemu membantu melancarkan urusan-urusan rasmi berkaitan penyelidikan ini.

Tidak dilupakan juga ucapan terima kasih buat rakan-rakan seperjuangan yang sama-sama berlumba-lumba menitip ilmu dari para pensyarah di Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam serta rakan-rakan sepengajian di Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. Sumbangan kalian sama ada secara langsung atau tidak langsung juga telah membantu kajian ini disempurnakan dengan jayanya. Semoga kajian yang telah dilaksanakan ini turut memberikan manfaat kepada sidang pembaca semua.

Sekian, terima kasih.

Yang Benar,

Samsuddin bin Abd Hamid.

No. 12, Jalan Pantai Murni 5,

Pantai Dalam,

59200, Kuala Lumpur

Emel: syams\_addin@yahoo.com

## SENARAI KEPENDEKAN

S.W.T.	<i>Subhanahu wa ta'ala</i>
S.A.W.	<i>Sallallahu 'alaihi wa salam</i>
A.S.	<i>Alaihi salam</i>
R.A.	<i>Radiallahu 'anhu</i>
<i>Ibid.</i>	<i>Ibidem</i>
<i>Op. Cit.</i>	<i>Opera citato</i> (dalam bahan yang dirujuk)
<i>Et. al.</i>	<i>Et alia</i> (dan orang lain)
Jil.	Jilid
Terj.	Terjemahan
<i>Trans.</i>	<i>Translate</i>
Cet.	Cetakan
Co.	<i>Company</i>
h.	halaman
Ltd.	<i>Limited</i>
H.	Hijrah
M.	Masihi
t.t.	tanpa tahun
T.N.	Tanpa nama
T.P.	Tanpa penerbit

## PANDUAN TRANSLITERASI<sup>1</sup>

Jawi	Rumi	Jawi	Rumi
أ	A/“	ض	D
ب	B	ط	T
ت	T	ظ	Z
ث	Th	ع	_“
ج	J	غ	Gh
ح	H	ف	F
خ	Kh	ق	Q
د	D	ك	K
ذ	Dh	ل	L
ر	R	م	M
ز	Z	ن	N
س	S	و	W
ش	Sy	ه	H
ص	S	ي	Y

<sup>1</sup> TN (tt). *Buku Panduan Penulisan Tesis/ Disertasi Ijazah Tinggi Akademi Pengajian Islam*. Universiti Malaya: Akademi Pengajian Islam

## DIFTONG

Diftong	Transliterasi
ও	Aw
ই	Ay
উ	Uww
্য	Iy/i

## **ISI KANDUNGAN**

<b>ABSTRAK</b>	.....	.iv
<b>PENGHARGAAN</b>	.....	.vi
<b>SENARAI KEPENDEKAN</b>	.....	.ix
<b>PANDUAN TRANSLITERASI</b>	.....	.x
<b>ISI KANDUNGAN</b>	.....	.xii

## **BAB 1: PENDAHULUAN**

1. Pengenalan	.....	1
2. Latar Belakang Kajian	.....	2
3. Permasalahan Kajian	.....	5
4. Pengertian Tajuk	.....	10
5. Objektif Kajian	.....	13
6. Kepentingan Kajian	.....	13
7. Sorotan Kajian Lepas	.....	14
8. Metodologi Kajian	.....	19
9. Susunan Penulisan Kajian	.....	22

## **BAB 2: BAHAGIAN A – MONOTEISME**

1. Pengenalan	.....	24
2. Definisi Monoteisme	.....	24
3. Kategori Monoteisme	.....	25
4. Pandangan Umum Tentang Konsep Monoteisme	.....	29

**BAHAGIAN B – SEJARAH PERKEMBANGAN AJARAN DAN KETUHANAN  
DALAM AGAMA HINDU**

1.	Pengenalan Umum Hinduisme .....	35
2.	Sejarah Perkembangan Ajaran dan Ketuhanan Dalam Agama Hindu.....	38
2.1	Zaman Awal <i>Veda</i> .....	38
2.2	Zaman Kemunculan Agama <i>Heterodox</i> .....	43
2.3	Zaman Epik dan <i>Purana</i> .....	44
2.4	Zaman <i>Bhakti</i> .....	46
3.	Falsafah Utama Dalam Ajaran Hindu .....	49
4.	Sumber Bukti Ketuhanan Dalam Ajaran Hindu .....	50
4.1	<i>Sruti</i> .....	50
4.2	<i>Smrti</i> .....	51
5.	Falsafah Ketuhanan Dalam Ajaran Hindu .....	52
5.1	<i>Trimurty</i> .....	55
5.2	Monoteisme .....	57
6.	Kesimpulan .....	59

**BAB 3: KONSEP MONOTEISME SAIVISME**

1.	Pengenalan .....	61
2.	Perkembangan Aliran Saivism .....	62
3.	Konsep Monoteisme Saivism .....	62
4.	Bukti Monoteisme Ketuhanan Siva Dalam Teks Suci .....	66
4.1.	Sumber <i>Sruti</i> .....	66
4.2.	Sumber <i>Smrti</i> .....	69
5.	Monoteisme Siva Menurut Ilmuwan Saivism .....	71
5.1.	<i>Saiva Siddhanta</i> .....	74

5.2.	<i>Vira Saivism</i>	75
5.3.	<i>Kashmir Saivism</i>	76
6.	Monoteisme Melalui Nama dan Sifat Siva	77
6.1.	Nama Lain Bagi Siva	78
6.2.	Nama Dewa dan Dewi Berkait Dengan Siva	80
6.2.1.	Dewi Sakti	81
6.2.2.	Dewa Ganesha	82
7.	Monoteisme Dalam Ritual Penyembahan	84
7.1.	Objek Sebagai Gambaran Siva Dalam Ritual Penyembahan	86
7.2.	Falsafah dan Tujuan Ritual Penyembahan Siva	88
7.3.	Bentuk Penyembahan	90
8.	Kesimpulan	92

## **BAB 4: ANALISIS KONSEP MONOTEISME DALAM ALIRAN SAIVISME MENURUT PERSPEKTIF ISLAM**

1.	Pengenalan	94
2.	Konsep Monoteisme Saivism: Analisis Menurut Perspektif Islam	95
3.	Nama dan Sifat Tuhan Menurut Saivism: Analisis Menurut Perspektif Islam	
		110
4.	Ritual Penyembahan Menurut Saivism: Analisis Menurut Perspektif Islam	
		119
5.	Kesimpulan	131

## **BAB 5: KESIMPULAN**

1.	Kesimpulan	132
2.	Saranan	141

<b>BIBLIOGRAFI</b>	.....	148
--------------------	-------	-----

University Of Malaya

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1. Pengenalan**

Kajian ini memfokuskan mengenai keyakinan terhadap tuhan menurut sebuah aliran dalam agama Hindu iaitu Saivism. Kefahaman mengenai konsep ketuhanan merupakan perkara asas bagi keimanan dan keyakinan penganut sesebuah agama. Oleh kerana wujud pelbagai agama di dunia, maka terdapat interpretasi yang berlainan terhadap suatu konsep ketuhanan. Bagi umat Islam, keyakinan kepada konsep tauhid atau keesaan Allah menjadi tonggak utama keimanan. Berlainan pula penganut agama Kristian yang meyakini konsep *trinity* atau tiga dalam satu. Manakala bagi penganut agama Hindu yang menjadi fokus kajian ini, umumnya meyakini konsep *trimurti*. Pengukuhan terhadap keyakinan setiap penganut agama tersebut mempunyai sandaran masing-masing. Namun demikian, keyakinan tersebut perlulah sentiasa jelas dan sempurna agar tidak tersesat dan menyeleweng. Maka, amat wajar jika setiap ajaran dalam agama diperhalusi dengan baik.

Justifikasi kajian mengenai keyakinan terhadap tuhan menurut aliran Saivism ini diuraikan secara terperinci di dalam bahagian ini meliputi latar belakang kajian, permasalahan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, definisi tajuk, dan metodologi kajian. Kajian-kajian terdahulu yang berkaitan juga dimasukkan di dalam bahagian ini. Ia menjelaskan mengenai skop kajian dan pemilihan mengenai konsep ketuhanan dalam aliran Saivism.

## 2. Latar Belakang Kajian

Agama Hindu dikenali sebagai agama yang mempunyai nama tuhan yang pelbagai. Antaranya Brahma, Vishnu, Siva, Shakti, Rudra, Agni dan lain-lain lagi. Penganutnya pula menyembah tuhan berdasarkan keyakinan masing-masing yang dianuti turun temurun. Kepelbagaiannya ini dapat dilihat melalui penyembahan mereka terhadap tuhan yang mempunyai nama tertentu di kuil yang berbeza. Perbezaan di antara nama-nama tersebut seringkali dikaitkan dengan gambaran sifat bagi tuhan yang disembah. Secara umumnya, ketuhanan menurut kefahaman penganutnya berdasarkan konsep *The Divine Triad* atau *trimurty* iaitu Brahma yang dikenali sebagai tuhan yang sempurna (*The Absolute*), manakala Vishnu dikenali sebagai pemelihara (*The Protector*) dan Siva yang dikenali sebagai pemusnah (*The Destroyer*). Ketiga-tiganya mempunyai pengenalan khusus yang mampu dikenali melalui fungsi tertentu.

Di dalam agama Hindu, konsep ketuhanan dapat dirujuk melalui empat teks suci mereka iaitu *Rigveda*, *Yajurveda*, *Atharvaveda* dan *Samaveda*. Penulisan di dalam teks *Veda* tersebut menggunakan bahasa Sanskrit dan mempunyai gaya bahasa yang tinggi. Bagi memudahkan penganutnya memahami ajaran yang terdapat di dalamnya, konsep-konsep ketuhanan tersebut telah ditafsirkan oleh pentafsir teks suci agama Hindu yang digelar *Rsi*.<sup>1</sup> Teks ini terbahagi kepada dua kategori iaitu yang dikenali sebagai *Sruti* (yang didengari)<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Husainy Ismail (t.t.). *Konsepsi-Konsepsi Dasar Agama*. (T.P) h. 22. Ia juga disebut *Rishi*. Lihat Jean-Pierre Mialaret (1969). *Hinduism in Singapore: A Guide to the Hindu Temples of Singapore*. Singapore: Asia Pacific Press. h. 1

<sup>2</sup> *Sruti* ialah kumpulan teks *Veda* meliputi *Samhita* (koleksi-koleksi); *Brahmanas* (teks berkenaan ritual penyembahan); *Aranyaka* (penceritaan silam); dan *Upanishad* yang juga dipanggil *Vedanta* (*end of Veda*). Lihat Klaus K. Klostermaier (2000). *Hinduism A Short History*. USA: Oneworld Publications. h. 11.

dan *Smṛti* (yang diingati).<sup>3</sup> Selain bahasa Sanskrit, terdapat juga penggunaan bahasa lain untuk tafsiran teks suci tersebut seperti Bahasa Tamil dan lain-lain lagi. Golongan cendekiawan agama Hindu kebanyakannya menghuraikan teks suci tersebut dalam bentuk falsafah dan mistologi. Oleh kerana itu, teks suci yang asal dan pentafsirannya menjadi amat penting bagi penganut Hindu memahami agamanya.

Pentafsiran oleh para *Rsi* ini membawa kepada pelbagai huraian teori dan praktikal keagamaan mengikut kefahaman masing-masing. Ia menyebabkan timbul kefahaman yang berbeza dalam kalangan penganutnya dan mewujudkan beberapa pelaksanaan dalam urusan penyembahan.<sup>4</sup> Bertitik tolak dari kerencaman tersebut, terdapat pengkaji yang menyatakan bahawa Hinduisme itu sendiri merupakan suatu istilah yang memayungi kepelbagaian agama masyarakat India sejak bermulanya zaman *Vedic* atau tradisi India Kuno hingga kini yang bergantung kepada aspek tradisi masing-masing.<sup>5</sup> Terdapat banyak fasa perkembangan dalam ajaran ketuhanannya sehingga apabila berlaku pergerakan *Bhakti*,<sup>6</sup> nama tuhan Brahma, Vishnu dan Siva menjadi semakin penting. Pada satu dimensi, terdapat keyakinan bahawa Tuhan Brahma menguasai seluruh alam dan ia boleh menjelma dalam pelbagai rupa dan sifat yang diberi gelaran Vishnu atau Siva dan banyak nama-nama lain lagi. Pada dimensi yang lain pula, terdapat keyakinan bahawa tuhan itu berbilang-bilang dan mempunyai peranan dan tanggungjawab masing-masing. Perkara ini dapat

---

<sup>3</sup> *Smṛti* ialah kumpulan teks tradisi iaitu undang-undang seperti *Manu*; *Itihasa* (sejarah atau epik) yang terbahagi kepada *Ramayana* dan *Mahabharata*; dan *Purana* (buku tua) yang terpecah kepada *Maha-Purana*, *Upa-Purana* dan *Sthala-Purana*. Ia menerangkan mengenai penciptaan, undang-undang raja, dan mistologi dewa-dewa. Lihat *Ibid*.

<sup>4</sup> Istilah penyembahan di dalam Hindu ialah „*pooja*“ yang bermaksud pemujaan.

<sup>5</sup> Micheal Levine. Non-Theistic Conceptions of God dlm *The Routledge Companion to Philosophy of Religion*. h. 237

<sup>6</sup> Pergerakan *Bhakti* berlaku bermula pada tahun 1000 M. hingga 1400 M. Huraianya di dalam Bab ke-2.

dirujuk melalui penceritaan dalam epik kesusasteraan Hindu. Tuhan-tuhan ini dikatakan saling memberikan sumbangan antara satu sama lain terutama apabila diperlukan.<sup>7</sup> Manakala terdapat juga yang meyakini bahawa tuhan itu satu dan semua nama adalah sifat-sifat dan jelmaan daripadanya seperti ajaran yang terdapat dalam aliran Saivism melalui falsafahnya yang tertentu yang menyatakan bahawa nama-nama termasuk Brahma dan Vishnu adalah Siva semata-mata.

Keyakinan terhadap tuhan yang berlainan nama dan bentuk inilah yang telah menyebabkan pengikut Hindu terbahagi kepada beberapa kepercayaan. Menurut Adi Sankara iaitu salah seorang pentafsir teks *Veda*, terdapat enam kepercayaan terhadap tuhan yang utama dalam Hinduisme iaitu Siva,<sup>8</sup> Vishnu,<sup>9</sup> Ganesha, Sakti,<sup>10</sup> Kartikeya, dan Surya.<sup>11</sup> Di bahagian Asia, aliran Saivism lebih menyerlah dan mendominasi dengan mempunyai pengikut yang ramai. Pergerakan ini telah membantu memperkuuhkan semula

---

<sup>7</sup> Banyak kisah mengenai perperangan di antara tuhan atau dewa dengan entiti jahat di dalam sastera Hindu. Pada ketika itulah tuhan-tuhan ini saling memerlukan dan memberikan bantuan. Lihat Kurian Mathoutu (1974). *The Development of the Concept of Trimurti in Hinduism*. India: Sebastian Vayahil. h. 63

<sup>8</sup> Penyembah Siva digelar *Saiva*. Lihat *Ibid*. h. 110

<sup>9</sup> Penyembah Vishnu digelar *Vaisnava*. Lihat Kathleen M. Erndl (2007). *The Hindu World*. New York: Routledge. h. 140

<sup>10</sup> Penyembah *Mahadevî* (*Goddesses*) yang dikenali sebagai Sakti seperti Sarasvatî, Śrî Lakṣmî dan Parvatî digelar *Śakta*. Mereka yang menyembah Sakti tidak akan mengaitkannya dengan tuhan Siva atau Vishnu kerana meyakini konsep Dewi semata-mata. Sebaliknya penyembah tuhan Siva dan Vishnu akan meletakkan Dewi sebagai sebahagian daripada unsur ketuhanan. Lihat Hillary P. Rodrigues (2006). *Introducing Hinduism*. New York & London: Routledge Taylor & Francis Group. h. 180-181

<sup>11</sup> Aliran-aliran kepercayaan ini turut dijelaskan dalam temubual oleh Dr. Rajendran a/l Nagappan, Pengurus Persatuan Hindu Mamandram. Temubual pada 1 Ogos 2011, jam 9.00 pagi di Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak; En. R. Kanagaratman, Setiausaha Persatuan Hindu Dharma. Temubual pada 11 Ogos 2011, jam 8.00 malam di Pantai Dalam, Kuala Lumpur & Dr. Balrama Applanaidu, Profesor di Universiti Nottingham. Temubual pada 11 November 2011, jam 10.00 pagi di Universiti Nottingham, Semenyih.

ajaran Hindu setelah berlakunya penyebaran ajaran Buddha dan Jaina.<sup>12</sup> Keyakinan pengikutnya terhadap kekuasaan dan keesaan Siva berlainan dengan aliran-aliran lain. Walaupun terdapat banyak nama tuhan di dalam teks suci *Veda*, para sejarawan yakin bahawa penyembahan terhadap Siva lebih dahulu wujud dan telah disembah sejak zaman awal kewujudan teks *Veda* berdasarkan penemuan patungnya dalam bentuk *yoga* di Sungai Indus. Ia juga didorong oleh gambaran-gambaran terhadap Siva dan segala sifatnya yang meliputi keseluruhan tradisi India. Namanya dikatakan mempunyai susur galur dari bahasa Sanskrit dan Tamil, falsafah mengenainya dan mistologinya berkait rapat dengan budaya masyarakat *Dravidia* dan penyembahan terhadap Siva dalam bentuk *Linga* pula dikatakan telah diserap daripada kebudayaan masyarakat luar India.<sup>13</sup>

### 3. Permasalahan Kajian

Merujuk kepada doktrin ketuhanan, Agama Hindu telah diklasifikasikan dalam beberapa kategori menurut terminologi ilmu Perbandingan Agama. Kategori tersebut seperti politeisme,<sup>14</sup> panteisme, henoteisme dan monoteisme disandarkan kepada keyakinan penganut agama Hindu berdasarkan interpretasi tertentu. Pengkategorian ini menggunakan istilah yang dapat menghuraikan doktrin ketuhanan sesuatu agama atau menjelaskan mengenai suatu sistem kepercayaan dan amalannya.<sup>15</sup> Justifikasi pengkategorian bagi agama Hindu berdasarkan pelbagai aspek termasuklah elemen-elemen sinkritisme dan anthropomorphisme yang wujud dalam doktrin ketuhanannya. Perkaitan dengan sejarah

---

<sup>12</sup> Hillary P. Rodrigues (2006). *Op. Cit.* h. 173

<sup>13</sup> Klaus K. Klostermaier (2000). *Op. Cit.* h. 135-136

<sup>14</sup> Mohd Rosmizi Abd Rahman (2004). *Empat Agama Monotheisme*. Kuala Lumpur: PTS Publication. h. 5

<sup>15</sup> Laurel C. Schneider (2008). *Beyond Monotheism: A Theology of Multiplicity*. London: Routledge. h. 20

perkembangannya pula berdasarkan kepercayaan terhadap kuasa-kuasa alam sekitar. Konsep ketuhanannya juga digambarkan melalui kemunculan dewa yang pelbagai.

Terminologi ini juga dijustifikasikan bersandarkan kepada ritual atau praktikal penyembahan penganutnya. Bagi menjelaskan perkaitan ini dengan ringkas, politeisme wujud kerana secara praktikalnya, penganut Hindu menyembah tuhan yang dipersonafikasikan dengan pelbagai nama dan rupa bentuk. Menurut H.O.K. Rahmat, kepelbagaian kefahaman mengenai konsep monoteisme juga boleh membawa kepada faham politeisme kerana masing-masing akan menggabungkan tuhan-tuhan sebagaimana yang mereka fahami.<sup>16</sup> Seterusnya, konsep panteisme dikaitkan dengan kepercayaan kepada kekuasaan dewa-dewa. Micheal Levine mengulas mengenai panteisme dengan menyatakan bahawa ia merupakan suatu pertentangan ke atas kewujudan personal tuhan. Dari sudut lain, ia merupakan suatu bentuk *non-theistic monotheism*. Bertitik tolak daripada konsep tersebut, timbul pula konsep henoteisme yang bermaksud penyembahan kepada dewa tertentu tanpa menafikan kewujudan dewa-dewa lain.<sup>17</sup> Apabila merujuk kepada gelaran yang banyak ditujukan kepada satu kuasa sahaja, ia pula menunjukkan terdapatnya kepercayaan kepada tuhan yang satu. Bagi penganut Saivism, kefahaman ini telah ditanggapi selaras dengan konsep monoteisme. Kajian pensejarahan turut dijadikan sebagai asas terhadap unsur-unsur monoteisme dalam kepercayaan mereka. Huraian mengenai konsep monoteisme ini dengan jelas telah dipetik daripada pernyataan di dalam teks

---

<sup>16</sup> H.O.K Rahmat (1979). *Dari Adam Sampai Muhammad*. Kota Bahru: Pustaka Aman Press. h. 38

<sup>17</sup> Husainy Ismail (t.t). *Op. Cit.* h. 11. Menurut F. Max Muller, *henotheistic* berbeza dengan *polytheistic* kerana walaupun mereka mempercayai kewujudan banyak tuhan atau pelbagai nama, tuhan yang disembah adalah terpisah dengan tuhan-tuhan yang lain dan hanya tuhan yang disembah sahaja berada dalam minda ketika ritual penyembahan dilaksanakan. Lihat F. Max Muller (1972). *Introduction to the Science of Religion*. India: Bharata Manisha. h. 80

*Veda*.<sup>18</sup> Walaubagaimanapun, apabila ia diinterpretasikan mengikut aliran-aliran yang berbeza, masing-masing menghuraikan mengikut keutamaan alirannya.

Tidak dapat dinafikan, konsep *trimurty* dalam ketuhanan agama Hindu menjadi suatu pegangan yang kukuh kini. Ini dapat dibuktikan melalui penggunaan istilah *AUM* atau *OM* dalam *mantra*<sup>19</sup> yang menzahirkan ketuhanan Brahma, Vishnu dan Siva. Unsur ketigaan ini membawa kepada pengelasan terminologi yang pelbagai. Ini ditambah juga dengan kewujudan nama-nama tuhan yang lain. Walaubagaimanapun, keyakinan para penganut Hindu ini sebenarnya menjurus kepada kepercayaan bahawa tuhan itu satu. Keyakinan ini berdasarkan kepada beberapa pernyataan di dalam teks suci mereka. Antara *hymn* di dalam *Veda* ialah "*The Truth is one, but sages call it by various name*".<sup>20</sup>

Penganut aliran Saivismeyakini bahawa Siva adalah tuhan yang satu dan mutlak. Ia bertitik tolak dari penyebaran para ilmuwan dalam tradisi Saivism yang menyatakan bahawa Dialah tuhan pencipta, penjaga dan pemusnah. Malah penyelamatan mutlak hanya akan diperolehi oleh penyembah atau penganut Siva.<sup>21</sup> Terdapat falsafah daripada tradisi Saivism yang menghuraikan konsep ketuhanan dengan jelas seperti falsafah *Saiva*

---

<sup>18</sup> *Rigveda*. X.114.5. Lihat Kurian Mathoutu (1974). *Op. Cit.* h. 9

<sup>19</sup> *Mantra* ialah bahasa yang asli sebagai perkataan yang suci atau kudus dan disebutkan semasa pemujaan. Tujuan *mantra* ialah 1) mencapai pembebasan; 2) penyembahan kepada bentuk manifestasi ketuhanan; 3) penyembahan kepada tuhan pilihan; 4) berhubungan dengan para dewa; 5) suatu perolehan kuasa keajaiban bagi manusia; 6) makanan kepada roh nenek moyang dan tuhan-tuhan; 7) berhubungan dengan roh dan hantu-hantu; 8) mengawal dari pengaruh syaitan; 9) pengusiran syaitan; 10) penyembuhan penyakit; 11) penyediaan air jampi; 12) memusnahkan tanaman, binatang dan manusia; 13) menghilangkan keracunan di dalam badan; 14) mempengaruhi pemikiran dan perbuatan orang lain; 15) mengawal manusia, haiwan, dewa yang rendah serta hantu & 16) penyucian tubuh badan manusia. Lihat Alain Danielou (1963). *Hindu Polytheism*. London: Routledge & Kegan Paul. h. 337

<sup>20</sup> *Rigveda* 1.164.46; 10.114.5. Huraianya lihat Devapoopathy Nadarajah (1986). *The Strength of Shaivism*. Kuala Lumpur (T.P.). h. 66

<sup>21</sup> Kurian Mathoutu (1974). *Op. Cit.* h. 94. Juga lihat Klaus K. Klostermaier (2000). *Op. Cit.* h.142

*Siddhanta* yang menyatakan sifat unggul bagi tuhan ialah wujud secara tersendiri. Siva juga banyak dikaitkan dengan nama-nama lain dalam teks suci *Veda* termasuk tuhan di Zaman *Veda*. Antaranya seperti Agni, Rudra, Indra dan Varuna. Di dalam epik *Mahabharata* yang ditulis oleh Vyasa melalui perkenan Gaṇeśa<sup>22</sup> (anak Siva yang berkepala gajah) juga tercatat mengenai Arjuna dan Krisna menyembah Siva dan memperolehi kebaikan daripadanya. Manakala, di dalam epik *Ramayana*, terdapat penyerahan niat kepada Siva ketika Rama bertemu jodoh dengan Sita dan terdapat penceritaan Hanuman yang sering dikaitkan dengan Siva.<sup>23</sup>

Di India contohnya, terdapat ukiran patung berkepala tiga ditafsirkan sebagai wajah bagi tuhan Brahma, Vishnu dan Siva yang bersatu di dalam satu tubuh. Terdapat juga pengkaji yang menafikan dan menegaskan ia adalah manifestasi kesatuan Siva bersama gambaran sifat-sifatnya.<sup>24</sup> Sememangnya konsep ketuhanan dalam agama Hindu bersifat kompleks dan memerlukan kefahaman yang mendalam. F. Max Muller menyatakan pendapatnya mengenai konsep monoteisme bagi agama Hindu sebagaimana berikut :

*"The Gods of the Aryan phanteon assume an individuality so strongly marked and permanent, that with the Aryans, a transition to monotheism required a powerful struggle, and seldom took effect without iconoclastic revolutions or philosophical despair."*<sup>25</sup>

---

<sup>22</sup> Hillary Rodrigues. *Ibid.* h. 144-146

<sup>23</sup> *Ibid.* h. 139-141

<sup>24</sup> Patung tersebut digambarkan bermuka tenang sebagai tuhan pencipta, bermuka tersenyum sebagai tuhan pemelihara dan bermuka bengis sebagai tuhan pemusnah. Lihat Darlene Geis (1968). *Mari Kita Melawat India*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. h. 65

<sup>25</sup> F. Max Muller (1972). *Op. Cit.* h. 93-94

Merujuk kepada penggunaan istilah monoteisme pula, kebanyakan pengkaji cenderung menilai dan menghuraikan kepercayaan monoteisme secara konseptual tanpa merujuk kepada keseluruhan amalan dalam sesebuah agama. Oleh kerana itu, istilah ini menjadi suatu ukuran yang bersifat subjektif dari sudut praktikalnya. Walaupun dari sudut pengertian istilah monoteisme mengkhususkan kepada kepercayaan yang meyakini tuhan yang satu, tetapi penisahan ini turut disandarkan kepada agama-agama yang melakukan ritual keagamaan terhadap pelbagai bentuk gambaran tuhan. Oleh kerana itu keyakinan terhadap ketuhanan dalam agama Hindu ini turut dikategorikan sebagai monoteisme. Berdasarkan ukuran yang anjal, wujud pengkategorian lagi dalam konsep monoteisme iaitu monoteisme inklusif, monoteisme eksklusif atau monoteisme tulen.<sup>26</sup>

Sebagaimana telah dijelaskan, keyakinan penganut Hindu mempunyai dimensi berlainan dalam memahami ketuhanan Brahma, Vishnu dan Siva. Bagi pengikut Saivism, konsep ketuhanan dalam ajarannya mengukuhkan keyakinan mereka terhadap konsep monoteisme. Ini kerana elemen-elemen ketuhanan dalam ajarannya menjurus ke arah tuhan yang satu. Namun demikian, ia pasti mempunyai ruang-ruang perbezaan dengan agama-agama lain yang turut dikategorikan sebagai monoteisme seperti perbandingan yang boleh dibuat dengan konsep tauhid iaitu keesaan kepada Allah menurut ajaran Islam. Oleh kerana itu, pandangan mengenai doktrin monoteisme dalam agama Hindu perlu dilihat secara menyeluruh. Sekiranya penganutnya meyakini bahawa hanya wujud satu kuasa tuhan sahaja berpandukan pernyataan-pernyataan yang terdapat di dalam teks suci agamanya,

---

<sup>26</sup> Secara ringkasnya, monoteisme inklusif disandarkan kepada agama yang mengiktiraf kebenaran yang wujud dalam agama-agama lain berbanding monoteisme eksklusif, manakala monoteisme tulen disandarkan kepada agama yang dapat menerangkan konsep ketuhanan secara tuntas. Lihat Jan Assman (2010), *The Price of Monotheism* (trans.). California: Stanford University Press

maka kajian ini juga melihat dari sudut yang sama untuk memahami agama tersebut. Oleh kerana tidak dapat dinafikan penganut agama Hindu memahami ajaran agama mereka dalam bentuk falsafah dan mistologi, maka pendekatan yang sama juga harus dilihat untuk memahami keyakinan terhadap konsep ketuhanan. Malah, mereka juga meyakini bahawa kepelbagaiannya ritual penyembahan tetap menjurus kepada tuhan yang satu iaitu Siva. Oleh yang demikian, kajian ini turut meneliti perkaitan amalan-amalan tersebut dengan kefahaman terhadap konsep monoteisme.

Beberapa persoalan penting yang membentuk kajian ini ialah :

1. Apakah bentuk keyakinan penganut agama Hindu terhadap konsep ketuhanan?
2. Agama Hindu mempunyai aliran-aliran yang banyak dalam memahami konsep ketuhanan. Justeru bagaimanakah bentuk keyakinan dari perspektif aliran Saivism dan sumber-sumbernya?
3. Apakah falsafah di sebalik kewujudan nama-nama dan bentuk tuhan yang banyak dan perkaitannya dengan ketuhanan yang satu?
4. Oleh kerana keyakinan terhadap kewujudan tuhan yang satu dikatakan sebagai keyakinan yang bersifat universal, apakah perbezaan yang wujud dalam ajaran Hindu terhadap ketuhanan tersebut dengan ajaran Islam yang jelas meyakini konsep tauhid atau meyakini keesaan tuhan?

#### **4. Pengertian Tajuk**

Kajian ini bertajuk "Konsep Monoteisme Dalam Aliran Saivism: Analisis Menurut Perspektif Islam." Berdasarkan tajuk tersebut, terdapat beberapa perkataan yang menjadi

kata kunci kepada kajian ini. Ia dapat menjelaskan mengenai perkara-perkara utama yang ditekankan di dalam kajian. Definisi bagi setiap kata kunci tajuk adalah sebagaimana berikut :

#### **4.1 Monoteisme**

Monoteisme (BI: *Monotheism*) dari perkataan *mono-theos* iaitu *Mono* yang bermaksud satu dan *theos* bermaksud tuhan. Perkataan ini berasal dari Greek. Tambahan perkataan „isme“ dipenghujung perkataan bagi menunjukkan satu bentuk aliran kepercayaan. Kamus Dewan mendefinisikan monoteisme sebagai satu bentuk kepercayaan bahawa tuhan itu hanya satu.<sup>27</sup> Ia berlawanan dengan henoteisme dan politeisme.<sup>28</sup> Maka, jelaslah ia membawa maksud kepercayaan kepada tuhan yang satu. Terdapat banyak agama yang dikategorikan sebagai monoteisme seperti Islam, Kristian, Yahudi dan termasuk juga agama Hindu.<sup>29</sup> Oleh yang demikian, istilah dan kategori monoteisme turut diuraikan di dalam kajian ini.

#### **4.2 Saivism**

Saivism ialah istilah yang disandarkan kepada satu aliran kepercayaan yang meyakini ketuhanan Siva dalam agama Hindu. Perkataan yang dapat menghuraikan istilah ini ialah *Saiva* iaitu bermaksud kelompok atau golongan dari penganut agama Hindu yang percaya dan memfokuskan penyembahan kepada tuhan Siva. Maksud „isme“ (BI: *ism*) dalam perkataan Saivism pula ialah satu bentuk kepercayaan. Saivism merupakan salah satu daripada aliran kepercayaan terbesar yang wujud dalam agama Hindu. Mereka menyembah

---

<sup>27</sup> Noresah Baharom (2004). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. h. 1042

<sup>28</sup> Politeisme ialah kepercayaan kepada lebih dari satu tuhan. Lihat *Ibid*; John Bowker (1997). *The Oxford Dictionary of World Religions*. New York: Oxford University Press. h. 653 & S.G.F Brandon (1970) *A Dictionary of Comparative Religion*. London: Weindenfeld & Nicolson. h. 450-451.

<sup>29</sup> Lihat nota kaki no. 60

tuhan Siva atau salah satu daripada bentuknya atau simbolnya seperti *Linga*.<sup>30</sup> Ia mulai wujud dalam kebudayaan masyarakat pra-Arya di Lembah Indus dan dikaitkan dengan Rudra yang mempunyai ciri-ciri masyarakat selain masyarakat Arya.<sup>31</sup>

#### 4.3 Analisis

Analisis (BI: *Analysis*) bermaksud penyelidikan atau penghuraian sesuatu untuk mengetahui segala aspeknya secara terperinci dan mendalam.<sup>32</sup>

#### 4.4 Perspektif

Perspektif bermaksud pandangan atau pentafsiran yang wajar berkaitan sesuatu dengan memperkirakan bahagian-bahagiannya dalam hubungan keseluruhannya.<sup>33</sup>

#### 4.5 Islam

Pengertian Islam dari sudut bahasa ialah patuh. Sementara dari segi istilah membawa maksud kepatuhan dan penyerahan dengan penuh kesedaran.<sup>34</sup> Menurut Abdul Karim Zaidan dalam kitabnya Islam dan Da“wah,<sup>35</sup> Islam bermaksud *istislām* (menyerah diri), *khudu”* (patuh), *al-Inqiyād lillah* (taat kepada Allah) dan ianya berlaku dengan penuh kesedaran dan kerelaan, bukan terpaksa. Melalui ajaran Islam berdasarkan konsep tauhid,

---

<sup>30</sup> John Bowker (1997). *Op. Cit.* h. 840-841. *Linga* ialah reka bentuk yang menjadi simbol kepada fenomena tertentu menurut ajaran Hindu. Bagi penganut Saivismé, *Linga* menunjukkan dua fenomena yang bergabung seperti api dan asap. Ia juga dianggap sebagai simbol bagi jantina lelaki dan wanita yang bergabung bagi menunjukkan punca bagi setiap kekuatan. Lihat Margaret & James Stutley (1977). *A Dictionary of Hinduism*. London: Routledge & Kegan Paul. h. 162

<sup>31</sup> S. G. F. Brandon (1970). *Op. Cit.* h. 549

<sup>32</sup> Noresah Baharom (2004). *Op. Cit.* h. 51-52

<sup>33</sup> *Ibid.* h. 1194

<sup>34</sup> Ibn Manzur, Abi al-Fadl Jamal al-Din Muḥammad ibn Mukram ibn Manzur al-Afriqi al-Misri (1968). *Lisān al-,Arab*. jil. 12. Beirut: Dār Ṣadir wa Dār Beirut. h. 293

<sup>35</sup> Abdul Karim Zaidan (2002). *Islam dan Dakwah*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd. h. 9

manusia dapat memahami dengan jelas keesaan tuhan. Ia dapat menafikan tanggapan-tanggapan manusia yang tidak menepati konsep ketuhanan yang sebenar. Oleh kerana itu, penilaian terhadap kepelbagaian konsep ketuhanan yang wujud kini wajar dilihat dari perspektif ajaran-ajaran Islam.

## **5. Objektif Kajian**

Berdasarkan penjelasan-penjelasan di atas, kajian ini menumpukan kepada beberapa objektif iaitu:

- 5.1** Menjelaskan doktrin ketuhanan dalam ajaran Hindu.
- 5.2** Mengkaji konsep monoteisme dalam doktrin ketuhanan ajaran Hindu dengan memfokuskannya kepada keyakinan menurut aliran Saivism.
- 5.3** Menganalisis konsep monoteisme dalam aliran Saivism menurut perspektif Islam.

## **6. Kepentingan Kajian**

Kefahaman terhadap ajaran dalam suatu anutan agama yang berbeza merupakan usaha yang amat penting. Ia bukan sekadar mampu memberi impak yang besar dalam interaksi sosial, bahkan lebih jauh daripada itu mampu membentuk suatu konsep yang jelas dalam interaksi agama. Kepentingan kajian ini berasaskan beberapa perkara iaitu:

- 6.1** Meningkatkan kefahaman pengkaji mengenai konsep monoteisme dalam agama Hindu khususnya aliran Saivism.
- 6.2** Mengemukakan suatu penilaian yang teliti hasil daripada pengkajian yang melihat dalam konteks falsafah ajaran Hindu di mana ia mampu mewujudkan suasana

kemasyarakatan yang harmoni dan tidak saling menyalahkan kerana usaha ini dapat menilai sesuatu dari sudut yang tepat.

- 6.3** Dengan kajian ini, diharap boleh merancakkan usaha mengembangkan aplikasi Ilmu Perbandingan Agama di Malaysia.

## 7. Sorotan Kajian (*Literature Review*)

Kajian mengenai agama Hindu sememangnya telah banyak disentuh oleh ramai pengkaji. Agama ini merupakan agama yang telah wujud sejak sekian lama dan menarik perhatian pengkaji pelbagai bidang. Terdapat beberapa penulisan mengenainya di Malaysia seperti **Sejarah dan Perkembangan Agama Hindu di India dan Malaysia: Satu Tinjauan Ringkas**<sup>36</sup> oleh Manimaran Subramaniam, **Konsep Ketuhanan Masyarakat Beragama Hindu Luar Bandar di Malaysia**<sup>37</sup> oleh M. Rajantheran dan M. Subramaniam. Juga oleh penulis yang sama bertajuk **Kepercayaan Orang India**.<sup>38</sup> Penulisan ini merupakan sumbangan mereka memperkenalkan masyarakat India dan agama Hindu dalam skop yang umum termasuk kefahaman penganutnya terhadap teks agama, kefahaman terhadap aspek ketuhanan, kedudukan dewa dewi, ritual pemujaan, sejarah perkembangannya di India dan Malaysia serta hubungan dalam kemasyarakatan.

---

<sup>36</sup> M. Subramaniam (2006). “Sejarah dan Perkembangan Agama Hindu di India dan Malaysia: Satu Tinjauan Ringkas,” dlm Singaravelu Sachithanantham. *Pengajian India: Bicara Pelbagai Perspektif*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya. h. 197

<sup>37</sup> M. Rajantheran & M. Subramaniam (2006), “Konsep Ketuhanan Masyarakat Beragama Hindu Luar Bandar,” dlm *Ibid*. h. 41. Kajian ini merupakan artikel yang disunting daripada penulisan disertasi beliau. Rujuk M. Subramanian (1995). Agama dan Kepercayaan Di Kalangan Penganut Hindu: Satu Kajian Kes Di Daerah Kuala Selangor. (Disertasi, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya)

<sup>38</sup> M. Rajantheran (1997). *Kepercayaan Orang India*. Selangor: Penerbit Fajar Bakti.

Terdapat penulisan yang cuba menganalisis mengenai kepercayaan penganut Hindu terhadap kewujudan tuhan yang satu atau monoteisme. Husainy Ismail dalam bukunya bertajuk **Konsepsi-Konsepsi Dasar Agama**<sup>39</sup> menyatakan bahawa penganut agama Hindu mempercayai kepelbagaiannya dewa. Walaupun demikian, beliau yakin bahawa mereka mengakui keesaan tuhan tetapi tidak pula menerangkan begaimana penerimaan keesaan tersebut dengan lebih jelas. Bagi Mohd Rifai melalui bukunya berjudul **Perbandingan Agama**<sup>40</sup> membuka sedikit ruang monoteisme dalam agama Hindu. Beliau menghuraikan mengenai keesaan Brahma namun tetap menyatakan bahawa ia merupakan suatu keyakinan berbentuk pantiesme kerana mempercayai kekuasaan dewa. Penulisan mengenai konsep monoteisme pula telah disentuh dengan teliti oleh Mohd Rosmizi Abd Rahman dalam bukunya bertajuk **Empat Agama Monoteisme**.<sup>41</sup> Beliau telah membahagikan agama kepada dua kategori iaitu agama *samawi* dan *tabi'e*. Agama *samawi* dikatakan sebagai agama monoteisme manakala agama *tabi'e* tidak termasuk sebagai agama monoteisme. Oleh kerana beliau telah mengklasifikasikan agama Hindu sebagai agama *tabi'e*, maka ia tidak termasuk di dalam perbahasan agama-agama monoteisme.<sup>42</sup>

Perkara ini menjelaskan kepada kita bahawa terdapat pelbagai tafsiran mengenai konsep monoteisme. Selain daripada penghuraian konsep tersebut yang difokuskan kepada kepercayaan manusia terhadap tuhan, terdapat juga pengkaji yang mentafsirkan keyakinan monoteisme dari sudut hubungan sesama manusia dan ia dihuraikan secara sinis. Laurel C.

---

<sup>39</sup> Husainy Ismail (t.t.). *Op. Cit.*

<sup>40</sup> H. Mohd Rifai (1965). *Perbandingan Agama*. Jakarta: Penerbit P.T. Djajamurni

<sup>41</sup> Mohd Rosmizi Abd Rahman (2004). *Op. Cit.*

<sup>42</sup> Menurut Mohd Rosmizi Abdul Rahman, agama *tabi'e* adalah agama yang berkembang bersama kehidupan manusia dan tidak berasal daripada wahyu tuhan. Lihat *Ibid.*

Schneider dalam bukunya bertajuk *Beyond Monotheism: A Theology of Multiplicity*<sup>43</sup> menyatakan dengan sindiran bahawa monoteisme tidak mampu memberikan suatu interpretasi yang baik terutamanya untuk menjernihkan ketegangan manusia dan untuk menyatupadukannya. Sebaliknya ia hanya menyemarakkan lagi persengketaan. Begitu juga dengan Chriss Klassen dalam kajiannya bertajuk *Research Note: Rejecting Monotheism? Polytheism, Pluralism, and Battlestar Galactica*<sup>44</sup> mengumpulkan seberapa banyak tokoh yang menyatakan bahawa monoteisme tidak bersifat meluas (*diversity*) dan hanya ideologi yang tidak praktikal bahkan sebaliknya politeisme merupakan pilihan terbaik untuk kehidupan masyarakat pelbagai kini. Jika begitu, maka huraian bagi konsep monoteisme bukan lagi suatu penjelasan mengenai keyakinan kepada satu kuasa yang mengawal dan mentadbir segala-galanya, tetapi lebih mengutamakan perkongsian kepada satu kuasa di mana semua agama mampu sampai kepada-Nya. Dalam kerangka yang begitu luas, monoteisme diistilahkan sebagai kekuasaan tuhan yang boleh dinilai dari pelbagai sudut oleh banyak pandangan.

Sememangnya terdapat banyak pengkaji yang cenderung meletakkan agama Hindu meyakini kepelbagaian tuhan. Vineetha Sinha melalui penulisannya bertajuk '*Hinduism and ‘Taoism’ in Singapore: Seeing Points of Convergence*'<sup>45</sup> cuba membongkar mengenai perkembangan kedua-dua agama tersebut di Singapura. Beliau merungkai mengenai pengistilahan Hinduisme di Singapura pada awal zaman kemasukan rakyat India sebagai

---

<sup>43</sup> Laurel C. Schnieder (2008). *Op. Cit.*

<sup>44</sup> Chriss Klassen (2008), “Research Note: Rejecting Monotheism? Polytheism, Pluralism, and Battlestar Galactica,” dlm *Journal of Contemporary Religion*. vol. 23. no. 3. October 2008. h. 355-362

<sup>45</sup> Vineetha Sinha (2008). „Hinduism” and „Taoism” in Singapore: Seeing Points of Convergence.” dlm Yong Mun Cheong, *The Journal of Southeast Asian Studies*. Singapore: Cambridge University Press.

“...person who state that they believe in the polytheistic religion originating in India.”<sup>46</sup>

Selain itu, G Sivabalan dalam artikelnya bertajuk ***Religious Beliefs Among Ancient Tamils As Potrayed In Patiruppatu***<sup>47</sup> juga mengumpulkan beberapa dewa yang disembah oleh masyarakat Tamil kuno.

Oleh kerana itu, perbahasan mengenai konsep monoteisme atau kepercayaan kepada wujudnya satu kuasa tuhan harus dilihat dahulu dari pemahaman penganutnya sebelum dijustifikasi dengan tanggapan oleh pelbagai agama yang berbeza. Bagi **Michael L. Fitzgerald** melalui artikelnya bertajuk ***The Witness of Monotheistic Religion***<sup>48</sup> cuba membuat perbahasan ringkas mengenai kelompok dalam agama monoteisme yang seringkali dikaitkan dengan Yahudi, Kristian dan Islam. Beliau berpendapat bahawa ketiga-tiga agama ini sebenarnya lebih signifikan jika diletakkan dalam kelompok agama yang bersusur galur dari agama Ibrahim walaupun masing-masing meyakini monoteisme dengan jelas. Ia kerana terdapat juga agama lain yang meyakini keesaan tuhan seperti agama Sikh yang juga meyakini kewujudan tuhan yang satu. Bagi F. Max Muller pula, secara fitrahnya agama semitik adalah bersifat monoteistik.<sup>49</sup> Ia membawa maksud bahawa monoteistik itu ialah suatu istilah umum yang boleh dipercayai oleh agama mana sekalipun. Pernyataan beliau tersebut secara tidak langsung mengenepikan dakwaan bahawa agama dari susur galur nabi Ibrahim sahaja dalam kategori monoteisme.

---

<sup>46</sup> *Ibid.* h. 128

<sup>47</sup> Sivabalan G.(1996). “Religious Beliefs Among Ancient Tamils As Potrayed In Patiruppatu.” dlm J. Rabindra Daniel. *Et. al. Jurnal Pengajian India*. Jil. 6. Kuala Lumpur: Universiti Malaya. h. 93-106

<sup>48</sup> Michael L. Fitzgerald (2006). “The Witness of Monotheistic Religion,” dlm Irfan A.Omar. *Islam and Other Religions: Pathways to Dialogue*. New York: Routledge Taylor and Francis Group. h. 151-159

<sup>49</sup> F. Max Muller. *Op. Cit.* h. 93

Berbalik semula kepada keyakinan penganut Hindu, jika dilihat dari sudut perkembangan konsep tersebut secara umum, kajian oleh Razaleigh Muhamat@ Kawangit melalui artikel bertajuk **Kepercayaan Monoteisme Di Dalam Agama Hindu**<sup>50</sup> menyatakan bahawa konsep monoteisme merupakan suatu konsep yang dapat dinyatakan secara teorinya sahaja kerana secara praktikal, masyarakat Hindu lebih banyak menyembah tuhan yang pelbagai. Beliau menyatakan bahawa keyakinan terhadap keesaan tuhan wujud dalam tradisi yang telah berakhir dan beliau menyatakan bahawa konsep keesaan tuhan dalam agama Hindu tidak dapat dibuktikan lagi pada hari ini. Bagaimanapun, Brian A. Hatcher melalui penulisannya bertajuk *Remembering Rammohan: An Essay on The (Re-) Emergence of Modern Hinduism*<sup>51</sup> mengupas mengenai tokoh reformis Hindu yang bernama Rammohan Roy membawa suatu visi ke arah Hindu monoteisme. Malah, Rammohan telah mengkritik doktrin *trinity* Kristian. Douglas L. Berger dalam artikelnya bertajuk ‘*The Poorest Form of Theism’: Schopenhauer, Islam and the Perils of Comparative Hermeneutics*<sup>52</sup> juga menghuraikan dari sudut kefahaman penganut agama Hindu sendiri menunjukkan bahawa keyakinan ini tidak pernah terhenti dalam ruang masa tertentu. Beliau turut menyentuh mengenai perkaitan Hindu dengan doktrin monoteisme dan terdapat beberapa pentafsir *Upanishad* dan teks suci lain seringkali merujuk kepada ketuhanan yang satu. S.N. Kandaswamy dalam artikelnya bertajuk *The Concept of God In*

---

<sup>50</sup> Razaleigh Muhamat@ Kawangit (2003), “Kepercayaan Monoteisme Di Dalam Agama Hindu,” dlm *Jurnal Usuluddin*. Bil. 17, J.Awwal 1423/ Julai 2003. Kuala Lumpur: Universiti Malaya. h.153

<sup>51</sup> Brian A. Hatcher (2006) “Remembering Rammohan: An Essay on The (Re-) Emergence of Modern Hinduism,” dlm *Journal of History of Religions*. Vol. 46. No.1 August 2006. h.50-80

<sup>52</sup> Douglas L. Berger (2006). “The Poorest Form of Theism: Schopenhauer, Islam and the Perils of Comparative Hermeneutics,” dlm Irfan A.Omar. *Op. Cit.* h.124-134.

*Śaiva Siddhānta*<sup>53</sup> menyatakan konsep ketuhanan dari sudut falsafah Śaiva Siddhānta. Beliau mengutarakan penolakan konsep politeisme melalui falsafah tersebut dengan menghuraikan konsep *Pati*, *Pasu* dan *Pasa*<sup>54</sup> yang kesemuanya bergantung kepada kekuasaan Siva semata-mata.

Bertitik tolak daripada kajian-kajian di atas membuka satu ruang kajian berkenaan perkaitan agama Hindu dalam aliran Saivism dengan konsep monoteisme yang pasti ditemui dengan lebih jelas. Doktrin monoteisme yang selama ini dilihat sebagai sejarah atau sekadar suatu unsur yang tidak dapat dibuktikan dalam kepercayaan ketuhanan masyarakat Hindu akan dijelaskan dengan melihat perkembangan dalam perspektif yang terkini. Seterusnya, kajian penilaian secara analitikal dilaksanakan melalui perspektif Islam.

## 8. Metodologi Penyelidikan

Metodologi penyelidikan yang dilaksanakan bagi menjayakan kajian ini terbahagi kepada dua iaitu yang pertama teknik pengumpulan data dan yang kedua teknik menganalisis data. Metode yang dilaksanakan untuk mengumpulkan data-data tersebut meliputi metode kajian perpustakaan dan kajian lapangan.

### 8.1 Metode Kajian Perpustakaan

Melalui sumber perpustakaan penulis merujuk buku-buku yang membicarakan mengenai konsep ketuhanan Hindu. Selain itu, jurnal-jurnal atau desertasi dan tesis juga dilihat sebagai panduan di dalam menentukan skop dan masalah kajian. Di antara perpustakaan

---

<sup>53</sup> S.N. Kandaswamy (1984) “The Concept Of God In Śaiva Siddhānta,” dlm D. Nadarajah. *Jurnal Pengajian India*. Jil.2. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya. h. 75-106.

<sup>54</sup> *Pati*, *Pasu* dan *Pasa* ialah entiti realiti yang bersifat kekal abadi dalam kehidupan. *Pati* adalah unsur ketuhanan yang bersifat bebas, menyeluruh dan melingkungi segenap ruang. *Pasu* ialah jiwa-jiwa yang sentiasa hidup dan *Pasa* merujuk kepada kejahanatan, kebaikan dan kekekalan. Lihat *Ibid.* h.78-79

tersebut ialah Perpustakaan Universiti Malaya Kuala Lumpur, Perpustakaan Peringatan Zaaba Universiti Malaya, Perpustakaan Universiti Malaya Nilam Puri Kelantan, Perpustakaan Tun Sri Lanang Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, Pusat Islam Kuala Lumpur dan Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Gombak.

Melalui sumber bahan yang diperolehi, metode yang digunakan untuk mengumpulkan maklumat-maklumat tersebut ialah:

### **8.1.1 Metode Dokumentasi**

Metode ini digunakan untuk mendapatkan fakta-fakta daripada buku-buku yang membicarakan mengenai konsep ketuhanan Hindu. Selain itu, jurnal-jurnal, makalah, desrtasi dan tesis juga dilihat sebagai pelengkap kajian ini.

### **8.1.2 Metode Pensejarahan**

Metode pensejarahan adalah proses yang meliputi pengumpulan dan pentafsiran sejarah, peristiwa, gagasan yang timbul di masa lampau sebagai dasar pengertian dan pemahaman permasalahan yang ada sekarang dan pengamalan yang akan datang.<sup>55</sup> Kaedah ini amat penting bagi memastikan hurai terhadap perkembangan agama Hindu dan ajarannya betul dan tepat.

---

<sup>55</sup> Imam Barnadib (1982). *Arti dan Metode Sejarah Penyelidikan*. Yogyakarta: Yayasan Penerbitan FIP-IKIP. h.54

## **8.2 Metode Kajian Lapangan**

### **8.2.1 Metode Temubual**

Metode temubual tidak berstruktur dilakukan terhadap beberapa orang responden yang terdiri daripada ahli akademik yang mempunyai kepakaran dalam bidang Ilmu Perbandingan Agama, ahli-ahli persatuan Agama Hindu dan golongan yang terlibat secara langsung dengan institusi kuil. Marshall & Rossman Mc Leod menjelaskan bahawa temubual merupakan salah satu daripada kaedah utama dalam penyelidikan kualitatif.<sup>56</sup>

Temubual bersama ahli Persatuan Agama Hindu juga amat penting kerana mengambil kira pandangan dan kefahaman penganut agama Hindu itu sendiri. Respondan yang dipilih ialah, Prof. Dr. N.S. Rajendaran dari Universiti Pendidikan Sultan Idris merangkap Pengerusi Persatuan Hindu Dharma Mamandram Malaysia; Encik R. Kanagaratman, Setiausaha Persatuan Hindu Dharma & Dr. Balrama Appliance, pensyarah di Universiti Nottingham. Pengkaji juga ada melakukan perbualan dalam talian bersama Prof. M. Rajendran, pensyarah di Jabatan Pengajian India, Universiti Malaya yang turut menyumbangkan maklumat mengenai ajaran-ajaran Hinduisme. Terdapat juga individu yang terlibat dalam organisasi bukan kerajaan yang mempunyai kepakaran dalam bidang perbandingan agama yang dirujuk dan ditemubual. Sesetengah daripada penggerak organisasi itu juga pernah menganut agama Hindu sebelum menganut Agama Islam. Mereka ialah Encik Shah Kirit Kalkulal Govindji selaku Ketua Pegawai Dakwah Islamic Information & Services Foundation dan Tuan Haji Muhammad Fitri Abdullah dari

---

<sup>56</sup> Marshall. *Et.al.* (1998) *Designing Qualitative Research*. London: Sage Publication. h. 79-89. Lihat juga Mc Leod John(1994). *Doing Counselling Research*. London: Sage Publication. h.79-85

Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM). Penulis melakukan temubual secara menyeluruh bagi mendapatkan maklumat lengkap berkaitan ajaran tersebut.

### **8.3 Teknik menganalisis data**

Ia merupakan suatu kaedah untuk membaca data-data serta membuat catatan yang dianggap penting untuk dianalisis. Pengkaji telah mengenalpasti dan mengkategorikan makna pernyataan yang sesuai dengan objektif kajian. Pernyataan tersebut dikumpulkan dan dijadikan tema atau isu hasil temubual. Bagi mendapatkan hasil kajian, pengkaji menggunakan metode analisis induktif, deduktif dan komparatif. Analisis ini memfokuskan kepada konsep ketuhanan sebagaimana yang difahami oleh penganut Hindu aliran Saivism secara keseluruhannya. Analisis secara komparatif pula dilaksanakan terhadap kefahaman menurut aliran Saivism menurut pandangan Islam berpandukan al-Qur'an, hadis, pandangan ulama-ulama muktabar dan tokoh-tokoh keilmuan Islam bagi menjelaskan kefahaman konsep ketuhanan tersebut.

## **9. Susunan Penulisan Kajian**

Penulisan ini dibentuk melalui penyusunan bab yang teratur agar mudah difahami. Di dalam bab pertama, ia dikhususkan untuk membina suatu kerangka yang boleh menilai keperluan dan kepentingan kajian ini. Ia meliputi latar belakang kajian, permasalahan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, sorotan kajian lepas, metodologi kajian dan susunan penulisan kajian.

Bagi menjelaskan mengenai konsep monoteisme, pengkaji telah menghuraikannya terlebih dahulu di bahagian awal bab kedua. Penjelasan ini dilakukan bagi melihat perkaitan konsep monoteisme dengan kepercayaan terhadap kewujudan tuhan menurut

penganut aliran Saivism. Seterusnya, pengkaji turut menyentuh mengenai perkembangan ajaran dalam Agama Hindu khususnya perkara yang berkait dalam kepercayaan terhadap tuhan dalam bahagian kedua bab kedua. Tidak dapat dinafikan, ia melalui fasa yang banyak dan di dalam setiap fasa tersebut, berlaku perubahan-perubahan yang besar dalam ajarannya. Malah, tempoh masa yang lama juga telah membentuk ajaran-ajaran yang mengukuhkan keyakinan penganutnya terhadap konsep ketuhanan. Usaha pengukuhan ini turut memangkinkan kewujudan aliran Saivism dalam agama Hindu.

Bagi mengambil kira kefahaman sebenar dari perspektif pengamal ajaran Saivism, maka penulisan di dalam bab ketiga menjurus kepada konsep ketuhanan di dalam ajaran agama tersebut. Kajian ini memfokuskan keyakinan menurut perspektif aliran Saivism. Oleh yang demikian, pernyataan-pernyataan ataupun sumber yang berkaitan skop kajian telah dipetik dan dihuraikan dengan teliti.

Seterusnya di dalam bab keempat, penulis membuat analisis terhadap keyakinan penganut agama Hindu menurut perspektif Islam. Manakala dalam bab kelima, kesimpulan dan beberapa saranan oleh pengkaji dibuat bagi memastikan keberkesanan kajian ini.

## BAB 2

### BAHAGIAN A: KONSEP MONOTEISME

#### 1. Pengenalan

Istilah monoteisme amat signifikan dalam perbincangan mengenai konsep ketuhanan. Ia merupakan terminologi yang disandarkan terhadap kepercayaan kepada tuhan yang satu. Ia juga secara tidak langsung dapat membezakan bentuk keyakinan terhadap konsep ketuhanan antara agama-agama yang wujud di dunia ini. Terdapat pelbagai agama di dunia yang telah dikategorikan sebagai agama monoteisme termasuklah Islam, Kristian, Yahudi, Hindu dan lain-lain lagi. Bagi agama Hindu, istilah ini turut digunakan bagi menjelaskan kepercayaan yang wujud dalam agamanya terhadap keyakinan kepada kewujudan tuhan yang satu. Oleh yang demikian, penghuraian ini dapat menjelaskan kategori ajaran agama Hindu khususnya aliran Saivism dalam kepercayaan monoteisme dan justifikasi penerimaan penganut agama Hindu menggunakan istilah ini bagi menjelaskan bentuk kepercayaan mereka kepada tuhan.

#### 2. Definisi Monoteisme

Perbahasan dari sudut bahasa menunjukkan bahawa perkataan monoteisme berakar umbi daripada perkataan Greek, *mono-theos* iaitu *mono* yang bermaksud satu dan *theos* yang bermaksud tuhan. Umumnya, monoteisme ialah suatu idea mengenai kepercayaan atau keyakinan kepada kewujudan tuhan yang satu. Istilah yang berlawanan tetapi amat sinonim untuk menjelaskan istilah ini ialah politeisme dan panteisme.<sup>57</sup> Politiesme juga merupakan perkataan Greek iaitu dari gabungan *poly* dan *theos* yang bermaksud tuhan banyak.

---

<sup>57</sup> S.G.F Brandon (1970). *Op. Cit.* h. 450

Panteisme pula bermaksud mempercayai wujud tuhan yang banyak tetapi mengkhususkan penyembahan kepada satu tuhan yang diyakini sahaja.

Istilah monoteisme mula digunakan dalam bidang falsafah bagi mengkaji mengenai kepercayaan manusia terhadap konsep ketuhanan. Jelas ia tidak bersumberkan mana-mana agama di dunia. Menurut pendapat Jan Assman, istilah ini mulai digunakan dalam bidang teologi pada abad ke-17 hingga abad ke-18. Dikatakan juga kemungkinan perkataan ini wujud seiring dengan perkembangan Islam pada abad ke-13M<sup>58</sup> bertujuan membezakan kepercayaan manusia. Pendapat yang lebih khusus lagi, istilah ini mulai digunakan oleh Henry More (1614-1687) dalam penulisan beliau mengenai kepercayaan manusia berjudul „*An Explanation of the Grand Mystery of Holiness*.<sup>59</sup>

### 3. Kategori Monoteisme

Terminologi yang dikaitkan dengan keyakinan terhadap tuhan mempunyai pengkategorian yang lebih khusus. Bukan sahaja dalam keyakinan monoteisme, bahkan keyakinan yang lain seperti politeisme, panteisme dan sebagainya juga terdapaturaian yang lebih terperinci. Pengkategorian ini amat wajar dijelaskan kerana terdapat pelbagai agama yang turut disandarkan dengan istilah ini walaupun hakikatnya masing-masing berbeza bentuk kefahaman terhadap konsep ketuhanan. Seharusnya ia merujuk kepada keseluruhan elemen-elemen yang berkait dengan sesuatu sistem kepercayaan kepada tuhan iaitu dari sudut teori dan praktikal keagamaan. Ia juga harus dinilai berdasarkan sumber asli dalam sesebuah

---

<sup>58</sup> Rujuk Jan Assman (2010). *The Price of Monotheism* (trans.). California: Stanford University Press.

<sup>59</sup> Rujuk Henry More (n.d). *The Theological Work of the Pious and Learned Henry More* (Ed. Joseph Downing). Bartholomew: (N.P). h. 43

agama. Namun, pelbagai agama telah diletakkan dalam kategori monoteisme iaitu Islam, Yahudi, Kristian, Sikh, Bahai, Hindu dan termasuk juga agama Helenistik serta Zoroaster.<sup>60</sup>

Oleh yang demikian, kajian ini mengumpulkan beberapa kategori monoteisme iaitu sebagaimana berikut:

1. Monoteisme Eksklusif iaitu kepercayaan tentang kewujudan tuhan yang wujud bertitik tolak daripada revolusi dalam agama. Oleh kerana ia menekankan konsep kepercayaan yang mewujudkan suatu sistem yang tersendiri, maka ia telah menjadikan agama tersebut bersifat eksklusif.
2. Monoteisme Inklusif iaitu keyakinan yang wujud disebabkan oleh evolusi-evolusi yang berlaku dalam sesebuah agama sepanjang perkembangannya. Hasil daripada evolusi tersebut, ia telah menghasilkan suatu sikap inklusif dalam penerimaan dan penekanan aspek teologi sama ada terhadap kepelbagaiannya yang wujud di dalam tradisi sesuatu agama tersebut atau penerimaan terhadap ajaran agama yang lain.
3. Monoteisme Tulen iaitu kepercayaan kepada tuhan yang disertai oleh penegasan tentang kewujudan tuhan serta penafian tentang kewujudan tuhan yang bertentangan dengan sifat kesempurnaan.

Menurut Jan. Assman, agama yang berkONSEPkan kepercayaan monoteisme dapat dibahagikan kepada dua kategori iaitu yang pertama monoteisme eksklusif dan yang kedua monoteisme inklusif.<sup>61</sup>

---

<sup>60</sup> <http://en.wikipedia.org/wiki/Monotheism> (10hb Februari 2011). Juga lihat Mohd Rosmizi Abd. Rahman (2004). *Op. Cit.* & Jan Assman (2010). *Op. Cit.* Dalam *A Dictionary of Comparative Religion* menyatakan bahawa “Zoroastrianism is logically Monotheism, Sikhism is fifth major monotheistic religion,” lihat S. G. F. Brandon (1970). *Op. Cit.* h. 450-451. Menurut Josiah Royce, agama yang dikategorikan sebagai monoteisme mempunyai perbezaan dalam doktrin ketuhanan masing-masing. Namun, pengkategorian tersebut berdasarkan interpretasi terhadap ajaran dalam sesebuah agama mengenai keyakinan kepada tuhan yang satu. Lihat Josiah Royce (1980). “Monotheism,” dlm James Hasting. *Encyclopedia of Religion and Ethics*. Edinburgh: T. & T. Clark.

Pengkategorian ini masing-masing mempunyai sandaran yang tersendiri dan menghasilkan impak yang khusus. Monoteisme eksklusif sering dikaitkan dengan agama semitik atau agama wahyu iaitu Islam, Yahudi dan Kristian.<sup>62</sup> Sandarannya berdasarkan ajaran-ajaran yang terdapat di dalam agama tersebut yang masing-masing mempunyai keyakinan bahawa penyelamatan mutlak hanya akan diperolehi dengan menganut agama tersebut.<sup>63</sup> Sebaliknya, kepercayaan selainnya akan tertolak dari penyelamatan. Oleh kerana itu, wujud tanggapan bahawa agama dalam kategori ini tidak mempunyai nilai toleransi terhadap kepercayaan yang berbeza sesama manusia. J. Assman juga menanggapi tujuannya sebagai mengikat manusia kepada satu keyakinan yang sama bagi merealisasikan penguasaan politik sesuatu agama. Ia secara tidak langsung ingin mengukuhkan pendapatnya bahawa monoteisme eksklusif ini mampu mengukur kebenaran sesuatu agama.

Berpunca dari sifat eksklusif ini juga, ada pengkaji yang mengkategorikan agama dengan sifat lebih spesifik lagi iaitu sebagai monotesme rigid dan radikal (*Radical Monotheism*). Ia diutarakan oleh H. Richard Niebuhr<sup>64</sup> dengan meminjam teori *Radical Evil*

---

<sup>61</sup> Jan Assman menyimpulkan permulaan konsep monoteisme dengan melihat perkembangan konsep ketuhanan yang berkembang di Egypt. Lihat Jan Assman (2003). *Op. Cit.* h. 36

<sup>62</sup> Kumpulan agama Semitik ini sebagaimana yang difahami oleh kebanyakan pengkaji dan dirumuskan berdasarkan ajaran teks-teks suci setiap agama. Lihat H. Burhanuddin Daja. "Sejarah Agama-agama (Beberapa Pengertian)." dlm Djamarununuri (ed.) *Agama Kita: Perspektif Sejarah Agama-agama*. Yogyakarta: Kurnia Kalam Semesta. h. 25; Arnold Tyanbee (1956). *An Historians's Approach to Religion*. United Kingdom: Oxford University Press.

<sup>63</sup> Penyelamatan mutlak ialah keyakinan terhadap kewujudan hari akhirat yang akan menentukan pembalasan terhadap kehidupan di dunia.

<sup>64</sup> Hermut Richard Niebuhr (1960). *Radical Monotheism and Western Culture: With Supplementary Essays*. USA: Library for Theological Ethics.

oleh E. Kant.<sup>65</sup> Akhirnya terdapat pengkaji seterusnya menyifatkan agama Yahudi dan Islam sebagai monoteisme radikal tersebut.<sup>66</sup> Ia merupakan keterbalikan daripada semangat pluralisme yang berkembang dalam pemikiran manusia. Sifat radikal itu juga disangka telah menyebabkan agama-agama monoteisme lain dianggap sebagai agama henoteisme.

Kategori yang kedua ialah monoteisme inklusif iaitu kepercayaan kepada ketuhanan yang satu dengan sikap yang inklusif atau terbuka. Ia mempunyai bentuk perkembangan yang bersifat evolusi iaitu berasal dari kepercayaan berbentuk politeisme atau percaya kepada konsep ketuhanan yang pelbagai kemudian melalui fasa-fasa tertentu sehingga kepercayaan itu dapat diperkuuhkan kepada keyakinan berbentuk monoteisme.<sup>67</sup> Kategori kedua ini meyakini kewujudan tuhan yang satu tetapi dalam masa yang sama tidak menolak keyakinan yang bertentangan dengannya. Dalam perhubungan sesama manusia, agama yang termasuk di dalam kategori ini dianggap mempunyai nilai toleransi antara penganut berbeza agama berbanding agama dalam kategori monoteisme eksklusif. Amat penting untuk diketahui bahawa antara agama yang dikategorikan sebagai monoteisme inklusif ialah agama Mesopotamia, Greek dan agama-agama di India termasuklah Hindu.<sup>68</sup> Bertitik tolak dari kefahaman terhadap kategori monoteisme tersebut, para ilmuwan dan agamawan Hindu aliran Saivism menjelaskan bahawa agama mereka adalah agama monoteisme

---

<sup>65</sup> Paul E. Capetz (2003). *A Brief History of God.* (T.P.). h.144

<sup>66</sup> Laurel Schneider (2008). *Beyond Monotheism: A Theology of Multiplicity.* London: Routledge. h. 192

<sup>67</sup> Jan Assman (2003). *Op. Cit.* h. 36

<sup>68</sup> Pernyataan ini turut ditegaskan oleh A.L. Basham dalam tulisannya sebagaimana berikut: “*Hinduism is essentially tolerant, and would rather assimilate than rigidly exclude. So the wiser Vaisnavites and Saivites recognized very early that's the gods whom they worship were different aspects of the same divine being... The more devout Hindus, even when illiterate and ignorant, have always been fundamentally monotheist*” Lihat dalam A.L. Basham (1967). *The Wonder That Was India.* London: Sidgwick & Jackson. h. 312

kerana elemen pengkategorian tersebut selaras dengan ajaran yang ditekankan dalam agama tersebut.

Kategori seterusnya ialah monoteisme tulen (*Pure Monotheism*) iaitu keyakinan bahawa kewujudan tuhan dalam bentuk yang tunggal dalam masa yang sama menafikan perkara yang tidak selaras dengan hakikat kewujudan tuhan. Ia lebih menjurus kepada pemurnian keyakinan terhadap kewujudan tuhan sebagai Yang Berkuasa di muka bumi. Ramai pengkaji bersetuju bahawa agama yang termasuk dalam kelompok ini hanyalah agama Islam.<sup>69</sup> Ia bertitik tolak dari kalimah *Syahadah* iaitu *Lā Ilaha illa Allah, Muhammad Rasūl Allah*<sup>70</sup> yang mampu memberi pengertian yang jelas tentang tuhan.

#### **4. Pandangan Umum Tentang Konsep Monoteisme**

Penilaian terhadap sesebuah agama monoteisme tidak dapat dinafikan wujud perbezaan kerana dipengaruhi oleh tafsiran terhadap elemen-elemen dalam setiap ajaran agama. Pelbagai latar belakang perkembangan menjadikan ia begitu kompleks untuk difahami lebih-lebih lagi masing-masing mempunyai sumber yang berbeza. Terdapat perbahasan istilah yang dikaitkan terhadap sesuatu agama bersandarkan kepada falsafah dalam ajarannya sahaja dan terdapat juga yang dikaitkan secara komprehensif meliputi keseluruhan ajaran teori dan praktikal dalam agama. Kajian ini cuba menghuraikan dua sudut pandangan yang berbeza iaitu dari perspektif barat sebagai asas kepada penggunaan istilah ini dalam menjustifikasi bentuk keyakinan manusia kepada tuhan dan pandangan Islam terhadap huraian monoteisme tersebut.

---

<sup>69</sup> Hans Kochler (1982). *The Concept of Monotheism In Islam And Christianity*. Austria: Wilhem Braumuller. h. 38 & Jan Assman (2003). *Op. Cit.* h. 32

<sup>70</sup> Maksudnya: Tiada tuhan yang disembah melainkan Allah, Nabi Muhammad pesuruh Allah.

#### **4.1 Monoteisme Menurut Perspektif Barat**

Kebanyakannya pengkaji barat yang menghuraikan istilah monoteisme dan ia juga berakar umbi dari gabungan perkataan Greek. Maksud monoteisme iaitu mempercayai kewujudan tuhan yang satu tidak dipertikaikan lagi. Namun demikian, istilah ini juga telah ditafsirkan daripada pelbagai aspek bukan sahaja dalam bidang teologi bahkan juga dalam bidang kebudayaan, kemasyarakatan serta politik. Ia turut dikaitkan dengan semangat nasionalisme.<sup>71</sup> Terdapat pengkaji yang cuba mengaitkannya dengan usaha untuk mengembangkan sesuatu kebudayaan dan peradaban ke atas masyarakat lain. Keyakinan monoteisme dikatakan turut menjadi senjata menguasai kaum yang lain.<sup>72</sup> Dalam bidang bahasa pula, F. Max Muller menyatakan bahawa terdapat perkaitan yang rapat antara perkembangan bahasa dengan sesuatu agama.<sup>73</sup> Masyarakat silam dikatakan kaya dengan pelbagai perkataan yang mempunyai maksud yang sinonim. Ia membolehkan setiap objek dapat dikenali dengan banyak nama. Maka begitu juga dengan nama atau istilah yang dikaitkan dengan tuhan, walaupun banyak nama yang disandarkan kepada tuhan, tetapi ia tetap menunjukkan kepada tuhan yang satu sahaja.

Kita juga dapat melihat terdapat pengkaji barat yang mengeluarkan pendapat berkenaan titik mula perkembangan konsep monoteisme dalam kehidupan manusia. Mereka membahaskan mengenai peringkat keyakinan manusia terhadap ketuhanan dan sejarah perkembangannya. Antaranya ialah Wilhem Schmith yang berpendapat bahawa monoteisme bermula sejak zaman primitif lagi dan kemudian mulai berubah dari semasa ke

---

<sup>71</sup> Laurel Schneider (2008). *Op. Cit.* h. 191

<sup>72</sup> Alain Danielou (1964). *Op. Cit.* h. 10

<sup>73</sup> Friedrich Max Muller (1893). *Introduction to the Science of Religion*. England: Longmans, Greens & Co. h. 207

semasa.<sup>74</sup> Ahli antropologi menyatakan bahawa monoteisme merupakan hasil dari perkembangan pemikiran serta kebudayaan terhadap konsep ketuhanan masyarakat yang tinggi. Sigmund Freud pula mengeluarkan pendapat mengenai kepercayaan bersifat monoteisme pertama kali diperkenalkan oleh Moses (yang dikenali sebagai Nabi Musa dalam ajaran Islam) di mana penyebaran agama yang dibawanya bertujuan menentang kepercayaan asal masyarakat Egypt yang percaya kepada kewujudan banyak tuhan (politeisme)<sup>75</sup> atau kerana menentang penguasaan Pharaoh (Firaun).<sup>76</sup>

#### **4.2 Monoteisme Menurut Perspektif Islam**

Istilah monoteisme yang diperkenalkan oleh tradisi barat turut meletakkan Islam di dalam kategori ini. Pengkategorian ini merujuk kepada prinsip Islam yang menekankan agar umatnya meyakini kewujudan tuhan yang esa. Konsep ketuhanan yang esa dalam Islam sememangnya dipandang oleh ramai pengkaji selain Muslim selaras dengan keyakinan dalam agama-agama lain yang mempercayai kewujudan tuhan yang satu. Namun demikian, keyakinan terhadap keesaan tuhan menurut Islam dijelaskan dalam konsep yang dinamakan sebagai *al-Tawhīd* (BM: tauhid). Istilah *Tawhīd* dalam bahasa Arab berakar dari perkataan *wahhada - tuwahhidu - tawhīdan* bermaksud beriman dengan keesaan Allah S.W.T dan tidak mensyirikkanNya.<sup>77</sup> Ia juga banyak dinyatakan di dalam kitab suci al-Qur'an untuk menjelaskan keesaan tuhan.<sup>78</sup>

---

<sup>74</sup> Gerald Gaillard (1997). *The Routledge Dictionary of Anthropologist*. New York: Armand Collin Publisher. h. 45

<sup>75</sup> Sigmund Freud (1939). *Moses and Monotheism*. Hogarth Press and The Institute Of Psycho-Analysis. h. 32

<sup>76</sup> *Ibid.* h. 137

<sup>77</sup> Ibn Manzur (1955). *Lisān al-„Arab*. jil.15. Beirut: Dār al-Šader & Dār al-Beirut. h. 450

<sup>78</sup> Surah Al-Ikhlas (112) : 1-4

Keyakinan terhadap keesaan Allah juga telah dijelaskan oleh Allah S.W.T. melalui firmanNya di dalam al-Qur'an sebagai hakikat ketuhanan yang mutlak. Oleh yang demikian, tidak wujud pertikaian mengenai tempoh permulaannya. Malah kefahaman manusia telah ditanamkan sejak manusia pertama, Nabi Adam A.S. dicipta lagi dan menjadi fitrah keinsanan. Perkara ini dapat dirujuk melalui ayat-ayat suci al-Qur'an. Manakala keyakinan terhadap kewujudan tuhan yang banyak dan meletakkan entiti lain setaraf dengan tuhan merupakan keyakinan yang timbul setelah manusia menjauhi cara hidup yang ditentukan oleh Allah.<sup>79</sup> Walaupun terakam beberapa ayat-ayat al-Qur'an yang menghuraikan mengenai pencarian para nabi mengenai kewujudan tuhan seperti kisah nabi Ibrahim A.S.<sup>80</sup> dan kisah nabi Musa A.S. Namun, dapat dijelaskan bahawa para nabi berusaha untuk menjelaskan tentang kewujudan tuhan kepada manusia melalui usaha pelbagai termasuk sebagaimana kisah di dalam al-Qur'an tersebut.

Mengenali dan memahami hakikat kewujudan tuhan menurut Islam haruslah merujuk kepada sumber yang *thābit* iaitu al-Qur'an dan al-Hadith. Berpandukan kepada keduanya, para ulama" mengambil sikap yang tegas dalam mengutarakan pandangan berkenaan konsep tauhid untuk mengenali sifat ketuhanan. Malah, umat Islam juga dituntut agar memahaminya dengan jelas. Dalam masa yang sama, penggunaan akal manusia tidak dinyahkan dalam usaha memahami kewujudan tuhan Yang Maha Pencipta malah turut diangkat ke darjah yang tinggi di sisi Islam bagi memastikan manusia faham kewujudanNya dengan keyakinan sempurna.

---

<sup>79</sup> Al-Tabari, Abi Ja'far Muhammad ibn Jarir (1119). *Tarikh al-Rusul wa al-Muluk. Tab'ah al-Thāniyah*. Muhammad Abu al-Fadl Ibrahim (*tahqiq*). Mesir: Dār al-Ma'rif. h.165-178

<sup>80</sup> Surah al-An'am (6): 74 -79

Penekanan terhadap keyakinan kepada tuhan menurut Islam bersifat komprehensif. Konsep tauhid berdasarkan penjelasan dari sudut makna menghuraikan mengenai kewujudan yang esa dengan menafikan bilangan daripadaNya.<sup>81</sup> Seterusnya, keesaan tersebut dapat difahami melalui pengenalan sifat dan zatNya. Perkara ini jelas membezakan kefahaman mengenai ketuhanan dengan agama-agama yang lain. Malah perbahasannya meliputi keseluruhan sumber inderawi manusia. Menurut Imam al-Asy'ari<sup>82</sup> dan ulama'' yang seiring dengannya menghuraikan mengenai sifat dan zat Allah secara tuntas. Prinsip Islam mengenai tuhan yang satu lebih jelas dan dapat mengelakkan kekeliruan berbanding agama-agama yang lain.

Selari dengan konsep tauhid tersebut, Islam juga menekankan perkara-perkara yang bertentangan dengan kewujudan tuhan termasuk dari aspek sifat dan zatNya. Huraian mengenai sifat wajib, mustahil dan harus serentak ditekankan dalam ajaran tradisi ulama'' Islam. Ia bagi mengukuhkan benteng kefahaman dan mengelakkan penyelewengan atau tersasar kefahaman serta meruntuhkan keimanan umat Islam. Malah, kesan terhadap kesilapan tersebut juga begitu banyak dinyatakan di dalam ayat-ayat Allah sama ada boleh membawa kepada syirik dan menyekutukan Allah sehingga hal kepada mendapat balasan yang setimpal akibat kepercayaan tersebut di hari akhirat kelak.

---

<sup>81</sup> Ibn Manzur turut memetik beberapa pendapat ulama'' lain di dalam karyanya, *Lisān al-,Arab* mengenai perkara tersebut. Jelasnya keesaan Allah tidak harus ada tuhan yang lain selainNya atau yang bersangkutan denganNya. Lihat Ibn Manzur (1955). *Op. Cit.* h. 450-451

<sup>82</sup> Al-Asy'ari, Abu Hassan ,Ali bin Ismail (t.t), *Maqālat al-Islāmiyyin wa Ikhtilaf al-Muṣallīn*. Jil. 2. Mesir: Maktabah al-Nahdah; Al-Asy'ari, Abu Hassan ,Ali bin Ismail (1977), *al-Ibānah ,an Uṣul al-Diyānāt*. Fauqiyah Husain Mahmud (*Tahqiq*). Mesir: Dār al-Anṣār.

Kefahaman terhadap konsep keesaan Allah juga terzahir dalam hubungan sesama manusia. Islam mengiktiraf tinggi kemurnian dan kerukunan hidup sesama manusia di muka bumi ini. Hal ini kerana Islam mempunyai pandangan yang jelas dan bersifat menyeluruh terhadap perbezaan dalam keyakinan manusia kepada tuhan. Keimanan terhadap keesaan Allah merupakan anugerahNya di samping usaha yang boleh dilakukan oleh manusia untuk mencapainya. Dalam hubungan sesama manusia, sifat *tasāmuḥ* dalam ajaran Islam yang harus dimiliki oleh setiap insan dapat memastikan keharmonian hidup bersama. Pembinaan hubungan yang baik sesama manusia juga merupakan manifestasi keyakinan terhadap ketauhidan Allah S.W.T.

## **BAHAGIAN B: SEJARAH PERKEMBANGAN AJARAN DAN KETUHANAN DALAM AGAMA HINDU**

Agama Hindu mempunyai sejarah yang telah berlangsung sejak sebelum tahun Masihi lagi. Ajarannya dikembangkan dengan menjadikan teks agama yang dianggap suci sebagai rujukan di samping kepercayaan tradisi sebagai sandaran dalam keyakinan dan amalan keagamaan penganutnya. Persoalan mengenai ketuhanan merupakan teras dalam ajaran agama ini yang membolehkan penganutnya meyakini secara mutlak akan kewujudan tuhan. Perkembangan agama Hindu akan dihuraikan di dalam bahagian ini seterusnya menjawab persoalan mengenai doktrin ketuhanan secara umum hasil daripada fasa perkembangan ajaran dalam agama tersebut. Seiring dengan perkembangan tersebut, aliran Saivism juga menganggap ajarannya turut berkembang sama.

### **1. Pengenalan Umum Hinduisme**

Sejarah kewujudan nama Hindu berkait rapat dengan nama sungai terbesar di India iaitu Sungai Indus. Sungai yang merentasi barat laut India tersebut dipanggil *Sindhu*. Ia merupakan nadi yang amat penting bagi masyarakat di situ termasuk dari segi sosial, ekonomi dan keagamaan. Oleh kerana itu juga, gelaran yang disandarkan kepada masyarakatnya diambil dari perkataan *Sindhu* tersebut iaitu „*Ind*“ . Hindu sebenarnya istilah yang diberikan kepada agama masyarakat di India oleh penduduk luar seperti Greek, Persia dan Arab sehingga diterima umum terutama penganutnya sendiri sebagai nama agama. Masyarakat Greek menggelar mereka sebagai *Indikoi (Indian)*, orang Arab menamakan tanah air mereka sebagai *al-Hind* dan British pula menggunakan istilah India dan Hindu,

manakala perkataan *Hinduism* bermaksud pemikiran-pemikiran yang wujud dalam agama tersebut.<sup>83</sup>

Menurut penganut Hindu sendiri, agama yang dianutinya lebih dikenali sebagai tradisi *Sanāthana Dharma* yang bermaksud undang-undang yang kekal abadi (*eternal law*).<sup>84</sup> Ia amat berkait rapat dengan sejarah permulaan ajaran agama Hindu yang tidak mempunyai pengasas. Ia merupakan suatu manifestasi simbol-simbol budaya dan kehidupan masyarakat yang mempunyai nilai-nilai yang tinggi. Kemudian ia diserap menjadi unsur keagamaan melalui teks-teks agamanya setelah melalui suatu tempoh masa yang amat panjang. Walaubagaimanapun, setiap perkara yang penting dan menjadi asas di dalam ajarannya dipanggil *anādi* iaitu bermaksud tiada permulaan. Ajaran di dalam agama Hindu kekal ke hari ini bertitik tolak dari teks *Veda*. Oleh kerana itu, ajarannya turut dikenali sebagai *Vaidika Dharma* (ajaran *Veda*).<sup>85</sup>

Ajaran keagamaan dalam Hindu seringkali dikaitkan dengan teori kemasukan bangsa *Arya* ke India. Mereka dikatakan membawa bersama ajaran ketuhanan di samping corak kehidupan yang dijalani.<sup>86</sup> Walaubagaimanapun, terdapat juga pengkaji dan sejarawan India yang menyatakan bahawa bangsa *Arya* adalah penduduk asal negara tersebut dan menafikan mereka sebagai bangsa pendatang serta menegaskan bahawa taklukan bangsa *Arya* ke atas penduduk pribumi India yang dikenali sebagai bangsa

---

<sup>83</sup> Julius Lipner (2004), “On Hinduism and Hinduisms: The Way of the Banyan” dlm Sushil Mittal *et. al.* *The Hindu World*. New York & London: Routledge Taylor & Francis Group. h. 10

<sup>84</sup> Terdapat juga pengkaji yang mentafsirkannya sebagai kepercayaan yang kekal (*eternal faith*). Lihat Hillary Rodrigues (2006). *Introducing Hinduism*. New York: Routledge. h. 4

<sup>85</sup> Klaus K. Klostermaier (2000). *Hinduism: A Short History*. USA: Oneworld Publication. h. 72

<sup>86</sup> Ahmad Shalaby (2001). *Agama-Agama Yang Terbesar Di India*. Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd. h. 8

*Dravidia* merupakan teori yang tidak mempunyai asas yang kukuh.<sup>87</sup> Pendapat ini juga mempertahankan bahawa penguasaan dan penaklukan oleh bangsa luar terhadap penduduk India dan penganut agama Hindu tidak pernah wujud. Pertentangan ini juga membawa kepada penolakan autoriti *Veda* sebagai teks utama Hindu sebagaimana dinyatakan oleh kebanyakan pengkaji agama Hindu dan ada juga yang menganggap terdapatnya teks lain yang berautoriti menjadi sumber utama ajaran agamanya seperti teks *Itihasa-Purana* atau teks-teks agama berbahasa Tamil.<sup>88</sup> Asas perbezaan pendapat ini bertitik tolak dari penguasaan sudut bahasa oleh masyarakat di India Utara yang mengagungkan bahasa Sanskrit manakala India Selatan pula mengagungkan bahasa Tamil.<sup>89</sup> Namun, tidak dapat dinafikan bahawa dua bangsa awal di India iaitu *Arya* dan *Dravidia* memberi suntikan penting dalam kepercayaan-kepercayaan keseluruhan masyarakatnya. Di bahagian India Selatan contohnya, budaya masyarakat pribumi berkembang dan diterima umum sebagai sebahagian daripada tradisi yang diserap sebagai unsur keagamaan.

Ajaran Hindu ini berterusan dari semasa ke semasa dan secara keseluruhannya, ia dibawa dan diamalkan di serata dunia oleh penganut yang berasal dari India setelah berpindah ke negara lain. Banyak faktor yang mendorong migrasi masyarakatnya ke negara luar. Secara ringkasnya, penglibatan masyarakat India dalam pelbagai lapangan telah membolehkan mereka keluar dari tanah air sendiri. Ini termasuklah peluasan dalam bidang ekonomi, politik dan sosial.

---

<sup>87</sup> Klaus K. Klostermaier (2000). *Op. Cit.* h.34

<sup>88</sup> *Ibid.* h. 40

<sup>89</sup> *Ibid.* h. 15

## **2. Sejarah Perkembangan Ketuhanan dan Ajaran dalam Agama Hindu**

Para pengkaji membahagikan perkembangan agama Hindu kepada empat zaman iaitu zaman awal *Veda*, zaman kemunculan agama *heterodox* iaitu Buddha dan Jain, zaman Epik dan *Purana* dan zaman *Bhakti*.<sup>90</sup> Manakala zaman selepasnya merupakan zaman yang berkembang dipengaruhi setiap zaman-zaman awal. Setiap daripada zaman tersebut mengandungi ajaran-ajaran yang khusus tetapi saling berkaitan dan berkesinambungan. Bahkan, setiap zaman tersebut juga dibezakan dengan wujudnya teks rujukan agama yang tertentu. Ajarannya diolah terus ke dalam bentuk teks dan menjadi rujukan penganutnya. Oleh kerana itu, perbincangan mengenai perkembangan ajaran Hindu tidak akan dapat lari dari turut menerangkan mengenai teks-teks agama yang wujud. Pelbagai persoalan mengenai kehidupan terdapat di dalamnya dan persoalan mengenai ketuhanan merupakan perbahasan utama. Berdasarkan fasa perkembangan dalam ajaran agama Hindu tersebut juga, kewujudan kepercayaan terhadap ketuhanan Siva dapat diperjelaskan.

### **2.1 Zaman Awal *Veda***

Zaman Awal *Veda* merupakan zaman bermulanya perkembangan ajaran Hindu melalui teks *Veda*. Teks tersebut ialah *Rigveda*, *Samaveda*, *Atharvaveda* dan *Yajurveda*. Ia dikatakan mulai wujud seawal tahun 2000 S.M. hingga 500 S.M. dan segala isi kandungannya dipercayai tidak dapat dikaitkan penciptaannya oleh sesiapa pun kecuali disandarkan kepada yang dinamakan sebagai Yang Berkuasa. Penganutnya juga yakin ia wujud kekal tanpa permulaan.<sup>91</sup> Namun, segala pernyataan di dalamnya mempunyai perkaitan yang

---

<sup>90</sup> D.S. Sarma (1956). *Hinduism Through The Ages*. Bombay: Bharatiya Vidya Bhavan.

<sup>91</sup> N. Khanhasamy (1996). “Early Religious Scriptures” dlm. *Jurnal Pengajian India* Jil. 6. Universiti Malaya: Jabatan Pengajian India. h. 26

rapat dengan kehidupan masyarakat *Arya* yang mempunyai peradaban yang tinggi dan tersusun dengan sempurna.

Bagi setiap *Veda* tersebut masing-masing dikembangkan kepada beberapa bahagian lain iaitu *Samhita*, *Brahmana*, *Aranyaka* dan *Upanishad*. Setiap daripadanya mempunyai ajaran Hindu yang khusus dan ia boleh diklasifikasikan sebagai penanda aras bagi zaman-zaman yang berbeza. *Samhita* ialah kumpulan bagi *Veda* yang empat. Ia dimulai dengan zaman pengenalan *mantra* atau *hymn* yang digunakan sebagai perkataan suci bagi menguasai keagamaan penganutnya. Ketika berkembangnya ajaran *Brahmana* pula, penganutnya ditekankan dengan konsep pengorbanan terhadap tuhan. Manakala, ketika berkembangnya ajaran di dalam *Upanishad*, penganutnya ditekankan dengan penguasaan hati.<sup>92</sup> Ajaran-ajaran ini meliputi keseluruhan *Veda* kerana setiap bahagian merupakan perkembangan dari ajaran yang terdapat di dalamnya. Tidak wujud pertentangan atau penolakan terhadap ajaran yang berkembang sebelumnya sebaliknya ia mengukuhkan lagi ajaran sebelumnya melalui konsep yang lebih mendalam. Contohnya perkembangan ajaran *Upanishad* merupakan suatu proses menjadikan pengorbanan sebagai sesuatu yang lebih dihayati melalui pemikiran dan perbuatan dan bukannya menolak ritual pengorbanan (yang wujud dalam ajaran *Brahmana*) melalui falsafah yang berkembang.<sup>93</sup>

Ajaran tentang ketuhanan merupakan perkara utama yang ditekankan. Kepercayaan kepada tuhan pada awalnya merupakan suatu keyakinan bahawa wujudnya suatu kuasa yang mengawal seluruh alam ini. Ia digambarkan melalui *hymn* dan *mantra* yang

---

<sup>92</sup> D.S. Sarma (1956). *Op Cit.* h. 3-4

<sup>93</sup> Laurie L. Patton (2004). “Veda and Upanisad” dlm Sushil Mittal. *et. al. Op. Cit.* h. 46

disampaikan oleh para penyair yang mempunyai status tertinggi dalam masyarakat dan menganggapnya sebagai kata-kata tuhan. Mereka melihat setiap kewujudan mempunyai roh tersendiri. Konsep ketuhanan yang dibentuk dari kefahaman tersebut membawa kepada keyakinan bahawa kuasa yang tertinggi terdapat pada setiap kewujudan alam semesta dan setiap fenomena alam semulajadi. Apabila menggambarkan suatu bentuk kuasa, mereka akan menghuraikannya tanpa mengaitkan dengan kuasa yang lain. Hal demikian menyebabkan para pengkaji mengklasifikasikannya sebagai keyakinan yang berbentuk henoteisme.<sup>94</sup> Walaubagaimanapun, keyakinan mereka kepada pemuatan satu kuasa tetap dipertahankan. Mereka menamakan Tuhan Indra sebagai tuhan yang paling berkuasa kerana kebanyakan *hymn* di dalam *Veda* merujuk kepadanya.<sup>95</sup>

Zaman *Brahmana* bermula setelah *hymn* tersebut menjadi suatu asas pegangan yang kukuh dalam kehidupan masyarakatnya. Setiap penganutnya perlu memahami dan menghayati setiap ajaran tersebut. Oleh kerana golongan *Brahmin*<sup>96</sup> mempelajari dan menguasai keseluruhan ajaran di dalam teks suci tersebut, maka mereka menjadi penting. Selain berautoriti dalam ajaran-agaran agama, mereka juga mempunyai autoriti ke atas teks

---

<sup>94</sup> R.N. Vyas menyatakan di dalam zaman *Veda* terdapat dua kebarangkalian keyakinan mengenai kewujudan tuhan iaitu berbentuk politiesme dan henoteisme. Lihat R. N. Vyas (1994). *Hindu Philosophy of Religion*. Jaipur: Printwell. h. 41

<sup>95</sup> Klaus K. Klostermaier (2000). *Op. Cit.* h. 52

<sup>96</sup> *Brahmin* ialah agamawan yang mempunyai kedudukan tertinggi dalam sistem kasta dan mempunyai banyak kelebihan berbanding kasta yang lain dalam mobiliti sosial masyarakat. Tugas utamanya ialah mempelajari dan menjelaskan teks suci Hindu kepada penganutnya. Lihat L. S. S. O'Malley (1935). *Hinduism : The Religion of the Masses*. Jodhpur: Scientific Publishers. h. 187. Mereka juga dikehendaki mempelajari *Vedāṅga* (ilmu-ilmu berkaitan *Veda*), *Upa-Veda* (ilmu Sains yang tiada di dalam *Veda*), *Āyur-Veda* (perubatan), *Gandharva-Veda* (muzik dan tarian), *Dhanur-Veda* (memanah) dan *Sthāpatya-Veda* (pembinaan). Lihat Klaus K. Klostermaier (2000). *Op. Cit.* h. 14

suci tersebut.<sup>97</sup> Dari sudut ritual keagamaan, penganutnya ditekankan dengan suatu konsep pengorbanan kepada tuhan. Manakala pengorbanan tersebut juga harus melalui golongan *Brahmin* sebagai perantara dengan tuhan.<sup>98</sup> Pada peringkat ini, Tuhan Indra lebih dikenali sebagai *Prajapati* dan mendapat tempat yang utama dalam penyembahan penganutnya.

Ajaran ini kemudiannya mulai mengalami zaman pembaharuan (*Reinassans*) yang pertama yang dikenali sebagai zaman *Upanishad*. Ia didahului sementara oleh Zaman *Aranyaka* yang diketuai oleh para agamawan. Zaman *Upanishad* diterajui oleh para ahli falsafah dan mereka telah menghasilkan beberapa karya dan teks agama yang dikenali sebagai *Upanishad* atau *Vedanta (end of Veda)*. Ia tetap dianggap sebagai kesinambungan daripada ajaran yang sebelumnya dan sebahagian daripada teks *Veda*. Antaranya ialah *Bhagavad-Gita* (teks dari tradisi Vaisnava). Objektif dan hala tuju kehidupan yang perlu dicapai oleh penganutnya dari aspek keagamaan menjadi semakin kompleks dengan wujudnya konsep-konsep *Brahman*, *Atman*, *Mokhsa*, *Samsara*, *Karma*, *Upasana* dan *Jnana*. Ia merupakan titik mula penolakan terhadap penguasaan golongan *Brahmin* dalam penyerahan korban kepada tuhan<sup>99</sup> kerana pengikutnya mulai mengamalkan perenungan

---

<sup>97</sup> Terdapat kepercayaan bahawa unsur kejahatan atau musibah akan datang sekiranya terdapat kesilapan ketika membaca ayat-ayat suci di majlis-majlis keagamaan. Oleh yang demikian, penganutnya lebih bergantung harap kepada golongan *Brahmin* sebagai orang yang lebih layak. Lihat L. S. S. O'Malley (1953). *Op. Cit.* h. 189

<sup>98</sup> Pengorbanan yang dimaksudkan ialah sebagai penyerahan kepada tuhan untuk tujuan penyelamatan. Tuhan Indra merupakan tuhan yang paling berkuasa dan diidentifikasi sebagai matahari dan api. Dia diciptakan dari *yajna* (pengorbanan), *vāk* (perkataan suci), *k* (hymm) dan *sāman* (melodi). Oleh kerana itu, elemen penyelamatan ialah penyerahan pengorbanan itu sendiri yang diserahkan melalui *Brahmin*. Lihat Klaus K. Klostermaier (2000). *Op. Cit.* h. 55

<sup>99</sup> Amalan penyerahan korban mulai berkurangan apabila ia semakin sukar dilakukan dan memerlukan kos yang tinggi. Para *Rsi* yang tinggal di pedalaman juga tidak berupaya melakukannya dan menyebabkan penyerahan korban tidak lagi dilakukan dalam bentuk kebendaan tetapi secara mental atau pemikiran mulai zaman *Aranyaka*. Lihat Chaganlal Lala (1989). *Philosophy of Bhakti*. Delhi: B. R. Publishing Corporation. h. 96; Sudhakar Chattopdhayaya (1970). *Evolution of Hindu Sects*. New Delhi: Munshiram Monharlal. h. 9

atau pertimbangan niat (*contemplation*). Pada zaman ini, wujud konsep *Atman* dan *Brahman* untuk menerangkan kewujudan tuhan.<sup>100</sup> Konsep monastik amat dominan ketika ini dan penjelasan mengenai kewujudan tuhan dinyatakan dalam *Upanishad*. Di antara falsafah ketuhanan yang muncul ialah “*not this, not that*” bagi menentukan bentuk kewujudan tuhan.<sup>101</sup>

Selain itu, unsur ketuhanan pada zaman ini juga banyak dinyatakan melalui gambaran kepada kekuatan fenomema alam dan kejadian yang bersifat semulajadi. Walaupun ia seolah-olah memberikan gambaran kepada unsur ketuhanan, mereka meyakininya sebagai manifestasi dari sifat-sifat ketuhanan.<sup>102</sup> Ia diberikan nama-nama tertentu sehingga ke satu tahap diangkat sebagai suatu kuasa yang mampu memberikan kekuatan dan perlindungan kepada manusia. Oleh kerana itu, nama tuhan yang wujud ketika ini berkaitan dengan alam semulajadi seperti *Surya* (matahari), *Soma* (bulan), *Agni* (api), *Dyaus* (awan), *Maruts* (ribut), *Vayu* (angin), *Apas* (air) dan *Prthivi* (bumi).<sup>103</sup> Begitu juga dengan *Indra*, *Varuna*, *Mitra*, *Aditi*, *Visnu*, *Rudra* dan lain-lain lagi yang menunjukkan fenomena alam.<sup>104</sup>

Perkembangan ajaran dalam tempoh yang awal ini masih belum menunjukkan wujudnya nama tuhan Siva. Kepercayaan kepada ketuhanan Siva dikatakan berkembang dalam kehidupan masyarakat bukan Arya. Simbol-simbol Siva pula hanya ditemui sekitar

---

<sup>100</sup> Klaus K. Klostermaier (2000). *Op. Cit.* h. 56

<sup>101</sup> Lihat R. N. Vyas (1994). *Op. Cit.* h. 41

<sup>102</sup> Klaus K. Klostermaier (2000). *Op. Cit.* h. 51

<sup>103</sup> S.S. Sarma (2006). *A Study of Deities of Rig Veda*. India: Abhinaz Publications. h. 19

<sup>104</sup> N. Khanthasamy (1996). *Ibid.* h. 28

Lembah Indus.<sup>105</sup> Walaubagaimanapun, evolusi yang berlaku dalam ajaran aliran Saivismé akhirnya telah mewujudkan perkaitan yang rapat di antara Siva dengan nama tuhan yang wujud dalam teks *Veda* iaitu Rudra.<sup>106</sup> K. R. Subramaniam juga telah membuat korelasi sejarah kewujudan kepercayaan terhadap ketuhanan Siva yang bermula dari masyarakat selain bangsa Arya seiring dengan berkembangnya teks *Veda*.<sup>107</sup> Nama-nama tuhan yang lain akhirnya turut dikaitkan dengan ketuhanan Siva seperti *Surya*, *Soma*, *Agni* dan lain-lain lagi.

## 2.2 Zaman Kemunculan Agama *Heterodox*

Ia dinamakan zaman kemunculan agama *heterodox* kerana terdapat agama yang wujud pada zaman ini bertentangan dengan prinsip-prinsip di dalam ajaran Hindu dan berkembang dengan pesat. Wujud dua agama baru yang berakar umbi dari ajaran agama Hindu ini iaitu Buddha dan Jain. Kedua-dua agama ini berkembang dengan pesat menjelang tahun 560 S.M. sehingga 200 S.M. Ia digelar sebagai agama *heterodox* (*nāstika/it is not*) oleh para pengikut Hindu ortodoks (*āstika/it is*)<sup>108</sup> kerana menolak *Veda* dan mempersoalkan kesahihan sistem kasta terutamanya mengenai status *Brahmin* sebagai perantara untuk penyelamatan jiwa manusia.<sup>109</sup>

---

<sup>105</sup> Moti Lal Pandit (1987). *Saivism, A Relgio-Philosophical History*. New Delhi: Theological Research and Communication Institute. h. 17-18

<sup>106</sup> *Ibid.* h. 26

<sup>107</sup> K. R Subramaniam (1985). *The Origin of Saivism and its History in the Tamil Land*. New Delhi: Asian Educational Services.

<sup>108</sup> Klaus K. Klostermaier (2000). *Op. Cit.* h. 230

<sup>109</sup> Hillary Rodrigues (2006). *Op. Cit.* h. 17. Agama *heterodox* bertentangan dengan agama *ortodox* iaitu yang meyakini ajaran-ajaran di dalam *Veda*. Lihat R. N. Vyas (1994). *Op. Cit.* h. 43

Persoalan mengenai ketuhanan tidak menjadi keutamaan di dalam ajaran Buddha dan Jain. Ajaran Ghautama Buddha lebih memberikan penekanan terhadap penyembuhan penyakit kehidupan berbanding membicarakan mengenai perkara metafizik. Malah, Buddha juga meninggalkannya tanpa membincangkan atau menjawab persoalan yang berkaitan dengannya seperti mengenai kekekalan alam ini, mengenai persamaan dan perbezaan di antara roh dengan jasad dan mengenai kehidupan selepas mati. Walaubagaimanapun, ajarannya mendapat sentuhan dari penggerak seterusnya yang cuba membuktikan ketiadaan tuhan.<sup>110</sup> Walaupun agama berkembang pesat, agama Hindu tetap dapat bertahan.

Agama Jain dipercayai telah dipelopori oleh Mahavira. Terdapat pengkaji yang menamakannya sebagai zaman *Kalpasutra* kerana merujuk kepada kewujudan teks agamanya iaitu *Kalpasutra*.<sup>111</sup> Mereka juga tidak meyakini akan kewujudan tuhan. Ia berikutan keyakinan kepada kekuatan roh dalaman manusia yang mampu mencapai pengetahuan, kebahagiaan dan keupayaan fizikal dan spiritual yang tidak terbatas.<sup>112</sup> Oleh kerana itu, pengikutnya lebih mudah mengkritik tentang idea-idea kewujudan tuhan. Agama ini juga wujud menentang elemen-elemen dalam agama Hindu.

### 2.3 Zaman Epik dan *Purana*

Terdapat dua epik yang wujud pada zaman ini iaitu *Ramayana* dan *Mahabharata*<sup>113</sup> juga dipengaruhi oleh unsur ketuhanan dalam agama Hindu. Secara umumnya, epik tersebut

---

<sup>110</sup> *Ibid.* h. 45

<sup>111</sup> D. S. Sarma (1959). *Op. Cit.* h. 8

<sup>112</sup> R. N. Vyas (1994). *Op. Cit.* h. 49

<sup>113</sup> Terdapat lima versi *Mahabharata* mengenai peperangan *Indra-Vrtha* iaitu :

1. Dinukilkan oleh Sri Lomasa di dalam *Āraṇyaparvan*

menceritakan mengenai peperangan yang bersifat ketuhanan dan peperangan antara kuasa baik dengan jahat. Ia bertitik tolak daripada teks suci sebelumnya yang turut memaparkan gambaran-gambaran pertentangan di antara kuasa tuhan dengan kuasa jahat. Melalui epik, gambaran tersebut diperkuuhkan dengan penceritaan yang jelas sehingga tuhan mencapai kemenangan. Selain kedua-dua epik tersebut, *Bhagavad Gita* yang merupakan lagu yang dinyanyikan oleh Krishna dalam peperangan *Mahabharata* juga memainkan peranan penting. Tuhan Siva dan Vishnu mulai popular pada zaman ini kerana kedua-dua epik tersebut menceritakan mengenai kedua-dua entiti tuhan tersebut secara jelas.

*Purana* pula merupakan kumpulan *shloka* atau ayat-ayat yang menjadi pegangan pengikutnya. Ia diangkat tinggi sehingga meletakkannya sebagai *Veda* yang kelima<sup>114</sup> namun ia boleh diakses oleh sesiapa tanpa mengira kasta, jantina mahupun kepercayaan berbanding empat *Veda* yang utama. *Purana* mulai dipisah-pisahkan mengikut ketuhanan Brahma, Siva dan Vishnu dan setiap daripadanya mempunyai beberapa bahagian lain yang berbeza huraiannya. Perkara ini juga menunjukkan kepercayaan kepada tuhan yang membentuk aliran Saivism telah wujud dan berkembang. Topik utama di dalam teks *Purana* ialah berkaitan dengan *Sarga* (penciptaan), *Visarga* (penciptaan semula), *Vansa*

---

2. Terdapat di dalam *Udyogaparvan*

3&4.Terdapat di dalam *Šāntiparvan* dan mempunyai dua lagi huraiyan yang berbeza di dalamnya

5. Terdapat di dalam *A vamedhaparven*

Lihat Klaus K. Klostermaier (2000). *Op. Cit.* h. 58-62

<sup>114</sup> Dipetik dari *Samaveda*, *Chandogya Upanishad Mantra* 4. Lihat Chhaganlal Lala (1989). *Op. Cit.* h. 8

(susur galur *Rsi* dan salasilah tuhan), *manvatara* (zaman *manu*) dan *vansanucarita* (sejarah dinasti daripada matahari dan bulan).<sup>115</sup>

Beberapa konsep berkaitan ketuhanan yang wujud pada zaman ini ialah *Karma Marga* (segala perbuatan tanpa pilih kasih), *Nyana Marga* (menuju ke arah ilham), *Bhakti Marga* (pembaktian kepada tuhan) dan *Yoga Marga* (pertapaan).<sup>116</sup> Manakala konsep dalam kehidupan yang muncul pada zaman ini ialah *Dharma*, *Artha*, *Kama* dan *Mokhsa*.<sup>117</sup>

#### 2.4 Zaman *Bhakti*

Zaman *Bhakti* juga dikenali sebagai zaman pembaharuan di dalam agama Hindu. Ini kerana penganut agama Hindu begitu komited menggerakkan usaha perubahan sehingga dapat mengubah kepercayaan dan amalan yang telah lama dilaksanakan oleh penganut sebelumnya. Malah ia juga disamakan dengan pergerakan aliran Protestan dalam Kristian kerana memprotes amalan-amalan tradisional. Antara perubahan tersebut seperti penghapusan amalan *Sati* dan penguasaan *Brahmin* dalam penyembahan. Merujuk kepada perkataan *bhakti*, ia berasal daripada bahasa Sanskrit iaitu „bhaj“ dengan akhiran „ktin“ yang bermaksud kebaktian, pengabdian, kesetiaan, penyembahan dan penghormatan.<sup>118</sup> Dari sudut istilah, *bhakti* mementingkan kepercayaan dan keyakinan yang tinggi kepada tuhan. Melalui keyakinan tersebut, mereka percaya hati mereka akan terikat kukuh kepada

---

<sup>115</sup> *Ibid.* h. 8

<sup>116</sup> S. Singaravelu (2006). *Pengajaran India: Bicara Pelbagai Perspektif*. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya. h. 201

<sup>117</sup> M. Subramaniam (1995). *Op. Cit.* h. 50

<sup>118</sup> Chaganlal Lala (1989). *Op. Cit.* h. xi

tuhan seterusnya mampu mencapai tahap spiritual yang sempurna dan akhirnya dapat mengatur kehidupan dengan baik.<sup>119</sup>

Bagi penggerak ajaran *bhakti*, mereka menyatakan bahawa perkembangan *bhakti* telah bermula seawal zaman *Upanishad* lagi kerana konsep penyerahan dan penyatuan diri dengan tuhan telah wujud pada zaman tersebut. Namun, penguasaannya mulai terserlah bermula sekitar tahun 1000 M. hingga 1400M. Pada zaman ini juga, aliran Saivism telah mulai kukuh dengan wujudnya pelbagai aliran-aliran daripada pecahan kepercayaan terhadap Siva.

Amat penting dan amat wajar untuk mengetahui perkembangan zaman ini dalam perkembangan agama Hindu. Ia memberi kesan yang mendalam terhadap kefahaman dan penghayatan penganutnya dalam pelbagai persoalan yang berkaitan dengan agama seperti ketuhanan, kemasyarakatan dan lain-lain lagi.<sup>120</sup> Walaupun manusia mempunyai tahap penerimaan dan penghayatan dalam keagamaan yang berbeza, mereka mampu bekerjasama untuk mencapai kehidupan yang lebih sempurna.

Konsep ketuhanan pada zaman ini difahami dalam bentuk falsafah. Namun ia dikatakan tidak berdasarkan logik semata-mata tetapi meliputi penguasaan intelek yang

---

<sup>119</sup> R. N. Vyas (1994). *Op. Cit.* h. 68 & 91

<sup>120</sup> Beberapa perkara utama yang berlaku pada zaman awal *Bhakti* ialah :

1. *Bhakti* dipercayai sebagai jalan yang sebenar dalam kehidupan.
2. Penggunaan bahasa Sanskrit dalam ritual penyembahan bukan suatu yang utama
3. Keperluan golongan *Brahmin* sebagai penyampai atau medium tengah untuk penghapusan dosa merupakan suatu yang tidak perlu
4. Ritual penghapusan dosa yang diamalkan oleh golongan *Brahmin* dipercayai tidak perlu.
5. *Bhakti marga* mampu menyucikan mental dan fizikal

mampu mengukuhkan keyakinan penganutnya. Antara aliran falsafah yang berkembang ialah *Vishista Advaita*, *Dvaita* dan lain-lain lagi. Semua aliran falsafah ini cenderung kepada kefahaman bahawa tuhan itu satu.<sup>121</sup>

Terdapat beberapa pembaharuan yang dilaksanakan pada zaman ini. Dalam konsep ketuhanan, kepercayaan monoteisme ditekankan. Hubungan antara manusia dengan tuhan amat ditekankan untuk mencapai hakikat keperibadian tuhan dan memberikan khidmat kepadanya. Hubungan tersebut meliputi: 1, Menganggap tuhan sebagai ketua dan jiwa sebagai hambanya; 2, Menganggap tuhan sebagai sahabat; 3, Menganggap tuhan sebagai anak, manakala jiwa sebagai bapa; dan ke-4, menerima tuhan sebagai suami atau yang disayangi, manakala jiwa sebagai pasangannya.

Dari sudut amalan keagamaan, *bhakti* amat ditekankan untuk mencapai *mokhsa* (pembebasan kerohanian). *Bhakti* dikatakan lebih mudah dan efektif berbanding *karma* (perbuatan), *jnana* (pengetahuan) dan *yoga* (meditasi).<sup>122</sup> Perumpamaan bagi menunjukkan kepentingan amalan *bhakti* ialah seseorang yang melakukan penyembahan atau sebarang ritual tanpa disertai *bhakti* hanya menjadi pengamal sahaja dan seseorang yang mempunyai ilmu pengetahuan tetapi tidak mempunyai *bhakti* tidak akan mampu menjamin kehidupan yang mempunyai nilai. Walaubagaimanapun, dari aspek praktikal keagamaan yang pelbagai tidak dijadikan perbezaan nilai di antara benar atau salah untuk sampai kepada

---

<sup>121</sup> S. Singaravelu (2006). *Op. Cit.* h. 201

<sup>122</sup> Terdapat beberapa pelaksanaan atau jalan (*marga*) penyembahan untuk sampai kepada tuhan (*sadhana*) menurut *Bhagavat Gita* iaitu melalui *Karma Marga* (berbentuk praktikal), *Jnana Marga* (melalui pengetahuan atau intelektual), *Yoga Marga* (melalui *Yoga*) dan *Bhakti Marga* (melalui rasa kebaktian). Lihat Leela Mullatti (1989). *The Bhakti Movement and The Status of Women*. New Delhi: Abhinav Publications. h. 3. Perkara ini turut diuraikan oleh Dr. Balrama Applanaidu, pensyarah di Universiti Nottingham, Semenyih. Temubual pada 11hb November 2011.

tuhan, tetapi mempunyai perbezaan tahap kefahaman kepada tuhan. Ia sebagaimana petikan daripada *Bhagavata*:

*“...the Supreme Reality, which is non-dual in nature, has been understood sometimes as Brahman, sometimes as Great Soul, and sometimes as God. If the Supreme is grasped by the intellectual method, he appears as the Absolute; but if it is grasped by the devotional process, He appears to be God.”<sup>123</sup>*

### **3. Falsafah Utama Dalam Ajaran Hindu**

Manusia amat perlu mengambil berat terhadap kehidupannya di dunia sama ada mengikuti jalan-jalan yang membawa kebaikan atau mengikut kehendak diri semata-mata tanpa merujuk kepada mana-mana panduan atau ajaran. Apabila manusia sampai akhir hayatnya, segala perlakuan dan kehendak diri ini pastinya akan mendatangkan kesan terhadap kehidupan yang akan dilalui selepas itu. Sama ada ianya baik atau sebaliknya, ia akan bergantung kepada kehidupan sebelumnya. Jika seseorang meyakini bahawa dirinya sentiasa melakukan keburukan, dia harus menyedari punca kelemahan tersebut sehingga dia mampu mengatasinya. Sekiranya dia gagal sama ada untuk menyedari atau melakukan perubahan, maka dia akan menerima balasan yang setimpal. Persoalan-persoalan ini merupakan titik tolak dan asas kepada pembentukan konsep utama dalam ajaran agama Hindu dan falsafah kehidupan yang harus ditanggapi oleh seorang penganutnya. Para agamawan Hindu telah mengumpulkan sebab dan akibat kepada sesuatu kewujudan termasuk dalam siri penciptaan manusia.

---

<sup>123</sup> R. N. Vyas (1994). *Op. Cit.* h. 72

Ajaran dalam agama Hindu amat menekankan keyakinan penganutnya terhadap beberapa perkara; Pertama, menerima hukum *karma* sebagai sebab akibat dalam kelahiran manusia dan kualiti kehidupan sama ada baik atau sebaliknya; Kedua, percaya kepada pusingan kelahiran dan kematian semula dan; Ketiga, percaya kepada konsep *mokhsa* sebagai asas utama untuk bebas dari prinsip kelahiran semula.<sup>124</sup> Usaha untuk mencapai perkara-perkara ini telah menghasilkan pelbagai aliran yang meyakini jalan-jalan tertentu dan saling berbeza antara satu sama lain. Ia sebagaimana telah dijelaskan sebelum ini mengenai beberapa *marga* utama iaitu *bhakti*, *karma*, *jnana*, dan *yoga*.

#### 4. Sumber Bukti Ketuhanan Dalam Ajaran Hindu

Terdapat beberapa buah teks yang utama dalam agama Hindu sejak awal perkembangannya. Sebagaimana dijelaskan dari awal kajian ini, teks yang utama ialah teks *Veda* iaitu *Rigveda*, *Samaveda*, *Atharvaveda* dan *Yajurveda*. Di dalamnya terdapat beberapa bahagian lagi. Terdapat juga teks lain seperti teks yang mengumpulkan mengenai undang-undang yang dipanggil *Manu*, *Itihasa* yang mengumpulkan sejarah atau epik Hindu dan juga *Purana*. Secara keseluruhannya, teks ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu *Sruti* dan *Smrti*.

##### 4.1 Sruti

*Sruti* secara literalnya bermaksud sesuatu yang didengari.<sup>125</sup> Ia terbahagi kepada empat bahagian; Pertama ialah kumpulan teks *Veda* atau *samhita* (kumpulan-kumpulan); Kedua ialah *Brahmana*; Ketiga ialah *Aranyaka*; dan Keempat ialah *Upanishad* yang juga dipanggil

<sup>124</sup> S. Bhattacharyya (1997). “The Indian Philosophical Systems: Their Basic Unity” dlm Swami Lokeswarananda. *Indian Philosophical Systems*. Calcutta: The Ramakrishna Mission Institute of Culture. h. 4

<sup>125</sup> Klaus K. Klostermaier (2000). *Op. Cit.* h. 11

*Vedanta* (*end of the Veda*). Semua teks tersebut diyakini sebagai kata-kata dari tuhan walaupun tidak mempunyai susur galur penurunan dan penulisannya.

*Samhita* terdiri daripada empat teks yang utama iaitu *Rigveda*, *Samaveda*, *Yajurveda* dan *Atharvaveda*. Di dalam keempat-empat teks *Veda* di atas mengandungi bahagian *Brahmana* yang memberi penjelasan mengenai ritual-ritual dan setiap teks tersebut mempunyai bahagian *Brahmana* masing-masing iaitu *Aitireya* dan *Kausitaki*; *Taitiriya* dan *Sathapatha*; *Praudha*, *Tandya*, *Sadvimsa* serta lima bahagian kecil yang lain dan yang terakhir mengandungi *Gopatha* secara tersusun. *Aranyaka* pula terdapat *Brhad*, *Taitiriya*, *Aitareya* dan *Kausitaki*. Manakala *Upanishad* pula meliputi ajaran-ajaran dan ritual keagamaan berdasarkan aliran tertentu seperti Saivism, Saktisme dan Vaisnavisme.

Di dalam *Veda* tersebut, terdapat pernyataan-pernyataan yang mengumpulkan mengenai konsep ketuhanan secara umum. Selain daripada pernyataan mengenai konsep tuhan yang satu<sup>126</sup>, terdapat juga pernyataan mengenai nama-nama tuhan yang banyak.

#### 4.2 Smrti

*Smrti* bermaksud yang sesuatu yang diingati.<sup>127</sup> Ia dapat dibahagikan kepada beberapa pecahan lagi; Pertama, undang-undang atau sesuatu peringatan yang disampaikan secara naratif untuk mencapai penyelamatan; Kedua, *Itihasa* yang bermaksud bahan sejarah atau epik iaitu *Ramayana* dan *Mahabharata*; Ketiga, *Purana* atau cerita silam yang mengandungi perkara-perkara mistik, ketuhanan, alam semesta dan ajaran kehidupan di dalamnya. Ia dihuraikan berbeza-beza bergantung kepada aliran pemikiran penciptanya

---

<sup>126</sup> “Etkam sat vepra vahuda vetahanse.” *Rigveda*. X. 114. 5

<sup>127</sup> Klaus. K. Klostermaier (2000). *Op. Cit.* h. 12

seperti dalam pecahan *Maha-Purana*, teks aliran Vaisnava lebih dikenali sebagai *sattvika*, aliran Saiva sebagai *tamasa* dan golongan *Brahma* sebagai *rajasa*.

Selain daripada teks suci yang telah sedia maklum di atas, terdapat juga teks lain yang dijadikan pegangan dan ikutan oleh penganut-penganut yang berlainan aliran dan fahaman. Ia saling berbeza di antara satu sama lain tetapi masih kekal dianggap sebagai kata-kata yang turun daripada tuhan. Penganut *Saiva* mempunyai teks yang dinamakan *Agama*, *Vaisnava* mempunyai *Samhita* manakala *Sakta* mempunyai *Tantra*.<sup>128</sup> Perkembangan agama Hindu meliputi seluruh India juga melahirkan teks yang berbeza bahasa terutama yang melibatkan penduduk di bahagian selatan yang menggunakan bahasa Tamil sebagai bahasa utama. Mereka yakin untuk meletakkan bahasa Tamil lebih tinggi nilainya dari bahasa Sanskrit.<sup>129</sup>

## 5. Falsafah Ketuhanan Dalam Ajaran Hindu

Terdapat pentafsiran-pentafsiran yang dikemukakan oleh para *Rsi* mengenai teks suci mereka berdasarkan kefahaman masing-masing. Persoalan mengenai ketuhanan juga dihuraikan oleh agamawan Hindu yang terdiri daripada beberapa aliran yang berbeza. Falsafah dan teori-teori (*darsana*) mengenai konsep ketuhanan merupakan metode penting dalam memahami kewujudan tuhan. Terdapat beberapa aliran falsafah yang menghuraikan mengenai konsep ketuhanan iaitu *Nyanya*, *Vaisesika*, *Uttara Mimamsa*, *Purva Mimamsa*,

---

<sup>128</sup> *Ibid.* h. 14

<sup>129</sup> *Ibid.* h. 15

*Samkhya* dan *Yoga*.<sup>130</sup> Walaupun aliran *Samkhya* dikatakan sebagai falsafah aties, namun di dalam teks mereka tidak dinyatakan secara jelas bahawa tuhan tidak wujud. Aliran-aliran ini termasuk dalam kategori yang dinamakan *astika* iaitu yang berpandukan ajaran-ajaran *Veda*.

Hakikat kewujudan tuhan dibahaskan dalam beberapa perkara; Pertama, dari sudut bukti kewujudan tuhan; Kedua, dari sudut sifat dan zat tuhan; Ketiga, mengenai hubungan tuhan dengan ciptaannya meliputi perbezaan dan hubungan intrinsik yang wujud dengan segala ciptaannya; Keempat, berkenaan penyembahan kepada tuhan.<sup>131</sup> Pembuktian kewujudan tuhan telah melahirkan dua aliran iaitu *Astika* dan *Nastika*. Idea tentang sifat dan zat tuhan pula sememangnya merupakan perbincangan pokok setiap aliran yang wujud dalam agama Hindu. Walaubagaimanapun, perbincangan secara khusus dan lebih mendalam terbahagi kepada aliran *Dvaita* dan *Advaita*.<sup>132</sup> Kedua-dua aliran ini membahaskan dua perkara iaitu dari sudut kualiti dan keterbatasan tanggapan manusia terhadap tuhan.<sup>133</sup> Mengenai hubungan tuhan dengan ciptaannya seringkali dibahaskan mengenai hubungan antara tuhan, jiwa dan benda. Ia memberi kesan kepada kemampuan manusia mencapai hakikat ketuhanan yang sempurna. Penyembahan kepada tuhan juga

---

<sup>130</sup> Walaupun terdapat aliran falsafah yang tidak dapat berkembang dengan baik, tetapi ideanya menyerap ke dalam aliran falsafah yang lain seperti falsafah *Samkhya* yang menyerap ke dalam falsafah *Yoga* dan ajaran *Vedanta*. Lihat *Ibid.* h. 230

<sup>131</sup> *Ibid.* h. 74

<sup>132</sup> *Dvaita* secara literalnya bermaksud dualisme yang membawa pengertian bahawa setiap perkara tidak berkait di antara satu sama lain. Falsafah ini menjelaskan bahawa terdapat tiga realiti mutlak iaitu tuhan, jiwa dan benda. Ketiga-tiganya tidak mempunyai perkaitan tetapi jiwa dan benda tetap bergantung kepada tuhan. *Advaita* pula ialah *non-dualism* yang bermaksud tidak memisahkan di antara jiwa dan tuhan iaitu Brahman.

<sup>133</sup> T.P. Ramachandran (1976). *Dvaita Vedanta*. India: Arnold-Heinemann Publishers. h. 77-79

telah menyebabkan penganutnya berbeza pendapat kerana masing-masing mempunyai tuhan yang dinamakan dengan nama tertentu dan khusus bagi aliran-aliran tertentu.

Menurut falsafah *Nyanya*, segala kewujudan dicipta oleh tuhan dengan mempunyai tujuan. *Vaisesika* juga meyakini bahawa terdapat sesuatu yang menciptakan alam ini dan ia bersifat bebas. *Nyanya-vaisesika* keseluruhannya berpendapat tuhan bertindak mencipta, mengekalkan dan memusnahkan alam bergantung kepada moral manusia. Menurut aliran *Yoga*, tuhan mestilah yang paling tinggi daripada individu dan kekal bebas daripada penderitaan dan ketidaksempurnaan. Manakala menurut aliran *Samkhya*, kewujudan tuhan yang kekal tidak dapat dibuktikan dengan bukti-bukti. Aliran falsafah ini telah meresap ke dalam pecahan aliran Hindu berdasarkan tuhan sembahyang utama iaitu Saivism, Vaisnavisme, Saktisme dan aliran kecil yang lain.<sup>134</sup>

Selain itu, penyembahan penganutnya juga dipengaruhi oleh tujuan untuk mencapai hakikat ketuhanan. Pencapaian ke arah *mukti* dan *mokhsa* menyebabkan agamawan mencadangkan jalan-jalan tertentu untuk sampai kepada tuhan iaitu sama ada melalui *Karma*, *Jnana*, *Bhakti* atau *Yoga*, sama ada tuhan diperlukan dalam meneruskan kehidupan di dunia atau dalam usaha untuk mencapai pembebasan spiritual dalam kehidupan. Ia juga dipengaruhi oleh falsafah sebagaimana diuraikan di atas.

Keseluruhannya, jelas bahawa terdapat beberapa aliran dalam agama Hindu dan masing-masing mempunyai pendekatan yang khusus untuk memahami kewujudan tuhan. Walaupun lahir beberapa falsafah dan teori mengenai keberadaan atau kewujudan tuhan,

---

<sup>134</sup> Ruma Chaudhury (2004). *Srikantha's Philosophy of The Monotheistic Vedanta*. Delhi: Global Vision Publishing House. h. 2 & 3

namun masih terdapat perbezaan-perbezaan pandangan dari sudut bentuk kewujudan tuhan. Kefahaman terhadap perkara tersebut juga dapat dijelaskan melalui kepercayaan dalam bentuk *trimurty* dan monoteisme.

### 5.1 Trimurty

Sebagaimana telah dihuraikan sebelum ini mengenai kepelbagaiannya tanggapan terhadap keyakinan penganut Hindu iaitu berbentuk pantiesme, politiesme, monoteisme dan sebagainya dapat dijelaskan melalui amalan keagamaan. Bagi penganut agama Hindu, kepercayaan yang utama terhadap tuhan ialah meyakini kesatuan wujud (*the unity of being*) yang membawa kepada fahaman bahawa segala kewujudan di muka bumi ini merupakan ruh atau jiwa tuhan Yang Berkuasa.<sup>135</sup> Bertitik tolak dari itu mereka menyimpulkan bahawa terdapat kuasa yang besar mengatur alam ini. Simbolnya ialah kuasa yang mengatur segala-galanya, menciptakan dan memusnahkan. Mereka menamakannya dengan nama Brahma sebagai kuasa yang utama, Vishnu sebagai pencipta dan Siva sebagai pemusnah. Kepercayaan ini dinamakan sebagai *Trimurty*.

Kepercayaan ini telah dizahirkan dalam kehidupan penganut Hindu. Berdasarkan kajian petempatan, terdapat penemuan patung yang mempunyai wajah-wajah yang banyak ditemui di Lembah Indus. Ada yang mempunyai satu wajah, tiga, empat dan lima. Patung yang mempunyai tiga wajah merupakan hasil kefahaman yang terbentuk dari konsep *trimurty* tersebut.<sup>136</sup>

---

<sup>135</sup> L. S. S. O'Malley (1935). *Op. Cit.* h. 4

<sup>136</sup> Devapooty Nadarajah (1986). *The Strength of Saivism*. Kuala Lumpur: The Selangor /Wilayah Persekutuan Ceylon Saivite Association. h. 1

Konsep *trimurty* ini terbentuk bertitik tolak daripada huraian falsafah yang berbentuk ketigaan. Mereka memahami segala bentuk kewujudan di muka bumi sama ada kewujudan yang nyata iaitu secara fizikal ataupun kewujudan yang tidak dapat dilihat iaitu spiritual terjalin daripada tiga elemen yang berupaya membangunkannya.<sup>137</sup> Terdapat falsafah yang menggabungkan tiga kualiti dalam suatu kewujudan dan ia berkait secara langsung dengan ketuhanan. Ia merupakan tiga kualiti (*guna*) yang terdiri daripada *Tamas*, *Sattva* dan *Raja*. Sekiranya ketiga-tiga elemen tersebut tidak bergabung, maka mustahil sesuatu perkara atau kejadian terjadi. Kesatuan ini digambarkan melalui petikan di dalam teks *Upanishad* iaitu :

*“First there was only [absolute] darkness (tamas). Stimulated by quiddity, it became unbalanced, and the form of revolving-tendency (rajas) appeared. Stimulated, this revolving tendency became unbalanced, and out of it the tendency toward disintegration, the centrifugal-tendency (tamas), appeared. Stimulated, in its turn it became unbalanced and the tendency toward cohesion (sattva) appeared,”*<sup>138</sup>

Bagi aliran Saivism, unsur ketigaan ini dihuraikan oleh Srikhanta melalui penulisan beliau di dalam *Brahma Sutra* yang menyatakan bahawa Siva menyatukan dirinya di dunia melalui tiga bentuk tenaga iaitu pengetahuan, ketentuan dan tindakan. Ia menjelma dalam tiga dewa utama iaitu Vishnu, Brahma dan Rudra.<sup>139</sup>

---

<sup>137</sup> Berdasarkan kajian Alain Danielou, elemen tersebut tidak dapat dijelaskan secara umum sebaliknya perlu difahami berdasarkan sesuatu kewujudan dan ia pastinya mempunyai perbezaan-perbezaan yang khusus. Lihat Alain Danielou (1964). *Hindu Polytheism*. London: Routledge & Kegan Paul Ltd. h. 22

<sup>138</sup> *Mitrayani Upanishad* 5.2 [32]. Juga lihat Alain Danielou (1964). *Op. Cit.* h. 24

<sup>139</sup> Rudra ialah Siva dan perkaitan ini akan dihuraikan secara terperinci di dalam bab ke-3.

*“Siva associates Himself with the triple energies (knowledge, will and action), enters into the total agglomerate of effects, and emerges as the universe, comprising the triad of Deities (Vishnu, Brahma and Rudra). Who can comprehend the greatness of Siva, the All-Powerful and the All-Knowing?”<sup>140</sup>*

Fahaman ini turut berkembang melalui suntikan semangat toleransi yang memandang keseluruhan pegangan dan keyakinan mempunyai autoriti ke atas keyakinan masing-masing. L. S. S. O’Malley memetik kata-kata Ramakrishna:<sup>141</sup>

*The Light of gas illumines different localities with varying intensity, but the life of the light, i.e. the gas, comes from one reservoir. The religious teachers of all climates and ages are but as many lamp-posts through which is emitted the light of the spirit flowing from one-source, the Lord Almighty.*

Oleh yang demikian dapat diketahui bahawa keyakinan terhadap unsur ketigaan tuhan atau *trimurty* dalam kepercayaan Hindu khususnya aliran Saivism dianggap sebagai satu manifestasi terhadap keyakinan kepada kewujudan tuhan yang satu.

## 5.2 Monoteisme

Ajaran mengenai kepercayaan kepada kewujudan tuhan yang satu mengalami kemuncaknya dalam ajaran agama Hindu pada zaman *Bhakti*. Walaupun konsep kepercayaan kepada tuhan yang satu ini sentiasa dirujuk melalui penyataan di dalam *Veda*, unjuran terhadapnya mulai jelas pada zaman *Bhakti*. Pelbagai pendekatan digunakan oleh

---

<sup>140</sup> Srikhanta ialah ahli falsafah agama Hindu yang menggerakkan aliran *Saiva Advaita* dan menulis teks yang menghuraikan mengenai *Brahma Sutra*. Dipetik daripada Satguru Sivaya Subramuniyaswami (2003). *Dancing With Siva: Hinduism's Contemporary Catechism*. 6<sup>th</sup> Edition. USA: Himalayan Academy Publication. h. 508-509

<sup>141</sup> L. S. S. O’Malley (1935). *Op. Cit.* h. 233

para agamawan dan ilmuwan untuk mengukuhkan kepercayaan tersebut. Mereka turut menjadikan istilah monoteisme bagi menjelaskan kepercayaan tersebut.<sup>142</sup>

Terdapat beberapa aliran pemikiran dalam agama ini yang berpegang dengan keyakinan bahawa tuhan hanyalah satu. Namun demikian, ia dihuraikan dalam dua bentuk falsafah atau pemikiran yang berbeza. Pendapat pertama menyatakan bahawa tuhan seharusnya wujud satu secara mutlak seperti yang dihuraikan oleh aliran *Nanya*. Pandangan ini diperkuatkan dengan elemen rasional yang menyatakan bahawa sesuatu penyebab (*reasoning/tarka*) memastikan sesuatu perkara yang logik (*logic simplicity/laghava*) dapat menghapuskan keraguan.<sup>143</sup> Mereka menyatakan bahawa pencipta yang satu ialah “*the precedence of an intelligent author as determined by the negation of plurality of agent.*”<sup>144</sup>

Pandangan kedua pula ialah keyakinan yang menyatakan bahawa tuhan mempunyai banyak nama dan wujud dengan sifat-sifat tertentu yang dapat dibeza-bezakan. Menurut aliran *Mimamsa* misalnya menghuraikan mengenai kewujudan tuhan dalam pelbagai bentuk sebagai bukti menunjukkan kekuasaannya mengawal dan mengatur alam ini. Kepelbagai bentuk ketuhanan disatukan dan diinterpretasikan sebagai suatu konsep monoteisme kerana kepelbagai tersebut mencerminkan kewujudan kuasa dalam banyak hal oleh satu kuasa sahaja. Terdapat juga fahaman yang lebih mendalam huraiannya menyatakan mengenai kesatuan wujud (*unity of existence*) akan diperolehi setelah manusia mampu mencapai kebenaran yang mutlak.<sup>145</sup> Keyakinan yang diperkuatkan dengan

---

<sup>142</sup> Satguru Sivaya Subramuniyaswami (2003). *Op.cit.*

<sup>143</sup> G. Bhattacharyya (1961). *Studies in Nyaya-Vaisesika Theism*. Calcutta: Sanskrit College. h. 153

<sup>144</sup> *Ibid.* h. 156

<sup>145</sup> Swami Abhenanda (1996). *Religion, Revelation and God*. Calcutta: Ramakrishna Vedanta Math. h. 129

rasional tersebut tetap diperbahaskan dan masih terdapat pendapat yang tidak selari dengannya mengenai konsep monoteisme Hindu.

Malah, terdapat juga pendapat yang menyatakan tuhan wujud secara tunggal dan bersifat *transtheistic*.<sup>146</sup> Ia merupakan andaian lanjut dan kesimpulan terhadap pendapat Sankara<sup>147</sup> sebagaimana dihuraikan menurut falsafah *Advaita* yang menyatakan bahawa penganut Hindu menyembah tuhan yang sama dalam bentuk yang berbeza. Bertitik tolak dari kefahaman tersebut juga telah wujud tanggapan bahawa agama-agama lain dan agama Hindu juga menyembah tuhan yang sama dengan bentuk yang berbeza.

## 6. Kesimpulan

Terdapat perbezaan manusia dari sudut cara memahami mengenai konsep ketuhanan. Ia amat bergantung kepada sumber-sumber dan ajaran di dalam agama masing-masing. Namun demikian, terdapat juga beberapa ajaran dalam agama yang berbeza dianggap sebagai selari sehingga diletakkan di dalam kategori yang satu sebagaimana huraian yang telah dibuat terhadap konsep monoteisme. Perkembangan pemikiran manusia dalam mengatur suatu konsep ketuhanan yang jelas telah membawa kepada suatu huraian kolektif yang melibatkan elemen-elemen yang pelbagai termasuk dalam bidang sosiologi dan sebagainya ke dalam bidang teologi. Konsep monoteisme sebagaimana dihuraikan di atas juga dapat menentukan bentuk dan perbezaan tahap bagi agama yang diletakkan dalam kategori tersebut. Kewujudan istilah-istilah dalam bidang teologi hasil penilaian agama-

---

<sup>146</sup> R. Balasubramaniam (1997). "Advaita Vedanta: its Unity With Other Systems And Its Contemporary Relevance." dlm Swami Lokeswarananda. *Op. Cit.* h. 27-28

<sup>147</sup> Sankara ialah antara tokoh yang mempopularkan falsafah *Advaita*. Lihat T. M. P. Mahadevan (1968). *The Philosophy of Advaita*. Madras: Ganesh & Co. (Madras) Private Ltd; T. P. Ramachandran (1976). *Op. Cit.*

agama seharusnya dapat ditanggapi dengan berkesan agar elemen-elemen berkaitan ketuhanan dapat difahami sebaiknya.

Penjelasan mengenai ajaran dalam Hindu serta perkembangannya di atas dapat memberi gambaran yang jelas tentang konsep dan keyakinan terhadap kewujudan tuhan. Terdapat pelbagai teks yang menjadi sandaran mengukuhkan kepercayaan dan keyakinan kepada tuhan. Malah, kepelbagaiannya yang wujud tetap diangkat tinggi oleh penganutnya sehingga menerima keseluruhannya sebagai ayat yang disampaikan oleh tuhan walaupun tidak mempunyai penerima yang khusus. Kewujudan fasa-fasa perkembangan dalam agama Hindu pula dapat menunjukkan pergerakan yang dilakukan oleh pembaharu dalam agamanya yang sentiasa menjalankan usaha memurnikan ajaran agama ini dari semasa ke semasa tanpa mengubah konsep-konsep yang dapat menjelaskan mengenai tujuan dan matlamat dalam kehidupan.

## BAB 3

### KONSEP MONOTEISME SAIVISME

#### 1. Pengenalan

Konsep ketuhanan Hindu yang bermula sejak zaman *Veda* mengalami perubahan dari semasa ke semasa. Ia menghasilkan kepelbagaian fahaman dan ini dianggap sebagai suatu kekuatan yang ada dalam tradisi agama Hindu menurut keyakinan penganutnya.<sup>148</sup> Ada yang berpendapat terdapat golongan yang menyembah tuhan yang lebih dikenali oleh masyarakatnya sahaja (*laulika*) berbanding tuhan menurut ajaran *Veda* (*Vaidika*). Ia termasuklah kepercayaan kepada ketuhanan Siva yang hanya disandarkan kepada nama tuhan yang lain yang terdapat di dalam *Veda*.<sup>149</sup> Kepercayaan ini dikatakan menjadi aliran utama sebahagian penganut Hindu dari zaman ke zaman sehingga melahirkan aliran Saivism.<sup>150</sup> Hakikatnya penganut Hindu berkembang dengan ajaran-ajaran yang telah sebatи dalam kehidupan masyarakat setempat termasuk keyakinan kepada tuhan. Mereka menggabungkan elemen ketuhanan sebagaimana terdapat dalam teks-teks utama dan menghuraikannya berdasarkan elemen alam serta amalan tradisi. Bab ini akan menghuraikan konsep ketuhanan Saivism termasuk latar belakang perkembangannya dan amalan penganutnya bagi menjelaskan doktrin monoteisme yang diyakini.

---

<sup>148</sup> T. M. P. Mahadevan (1984). *Outlines of Hinduism*. Bombay: Chetana Pvt. Ltd. h. 21

<sup>149</sup> Sudhakar Chattopdhayaya (1970). *Evolution of Hindu Sects*. New Delhi: Munshiram Manoharlal. h.6

<sup>150</sup> R. K. Siddhantashastree (1975). *Saivism Through the Ages*. New Delhi: Munshiram Manoharlal Pub. Pvt. Ltd. h. 85-100

## **2. Perkembangan Aliran Saivism**

Sejarah kemunculan keyakinan kepada ketuhanan Siva dipercayai wujud bermula dari kepercayaan-kepercayaan masyarakat asal di India atau lebih dikenali sebagai puak *Dravidia* dan kemudian berkembang dan menyerap masuk dalam doktrin ketuhanan Hinduisme. Kepercayaan kepada ketuhanan Siva juga telah wujud sejad zaman Tamadun Indus apabila ahli arkeologi menemui patung-patung Siva yang dinamakan *Proto-Siva* dalam bentuk *Yoga* dan lain-lain lagi.<sup>151</sup> Perkembangannya pula menggunakan bahasa Tamil.<sup>152</sup> Ketuhanan Siva dikukuhkan di dalam teks *Purana*,<sup>153</sup> namun pelbagai sandaran sifat dan kuasa yang dihuraikan di dalam teks *Veda* mengenai ketuhanan dikaitkan dengannya termasuklah nama-nama seperti *Rudra*, *Agni*, *Hara* dan lain-lain lagi. Kepercayaan kepada ketuhanan Siva berkembang dari satu generasi seterusnya hingga ke hari ini melalui warisan yang terbina berdasarkan keturunan.<sup>154</sup> Oleh yang demikian, keyakinan kepada Siva perlu dilihat secara mendalam berdasarkan ajaran-ajaran dalam aliran ini.

## **3. Konsep Monoteisme Saivism**

Para pengikut Saivism keseluruhananya mempercayai bahawa Siva adalah tuhan yang satu, Maha Agung dan Tertinggi. Asas kepercayaan berbentuk monoteisme tersebut melalui keyakinan bahawa dia adalah tuhan yang mempunyai kuasa mutlak di muka bumi ini.<sup>155</sup> Mereka meyakini bahawa kuasa mutlak tersebut meliputi ketiga-tiga sifat

---

<sup>151</sup> Klaus K. Klostermaier (2000). *Op. Cit.* h. 135

<sup>152</sup> B. Bhattacharya (1975). *Saivism and The Phallic World*. Vol. 2. New Delhi: Mohan Primlani, Oxford & IBH Publishing Co. h. 568

<sup>153</sup> W. T. Elmore (1995). *Dravidian Gods In Modern Hinduism*. Madras: Asian Educational Services. h. 5

<sup>154</sup> Menurut Dr. Balrama Applanaidu, kepercayaan terhadap satu ketuhanan berkembang melalui hirarki kekeluargaan dan perbezaan pencapaian pengikutnya terhadap konsep ketuhanan melalui kesedaran masing-masing terhadap tuhan. Temubual pada 11 November 2011.

<sup>155</sup> R. K. Siddhantashastree (1975). *Op. Cit.* h. 85-86

utama tuhan iaitu Pencipta, Pemusnah dan Pemelihara.<sup>156</sup> Ia menguasai proses kitaran bagi sesuatu kehidupan dan menjadi sebab musabab kepada sesuatu proses kejadian.<sup>157</sup>

Dalam aliran Saivism, falsafah tentang kewujudan tuhan turut dibincangkan. Huraian mengenainya dinyatakan secara jelas bagi menolak pandangan-pandangan yang tidak mempercayai kewujudan tuhan. Malah, ia juga dibuktikan melalui kewujudan-kewujudan lain seperti kejadian bumi, fenomena alam, manusia, dan lain-lain lagi. Bagi menghuraikannya lebih lanjut, para ilmuwan Saivism mengemukakan teori-teori kewujudan tuhan melalui kuasa yang mengatur keseluruhan alam. Teori kitaran kehidupan yang memerlukan pencipta, pemusnah dan penyelamat juga merupakan teori yang penting. Siva menjadi kuasa yang mengaturnya melengkapi aspek bergelar *Siva*, *Sadasiva* dan *Mahadeva*.<sup>158</sup>

Konsep tuhan yang satu turut diiringi oleh kepercayaan bahawa terdapat kekuasaan tuhan yang boleh diidentitikan bagi melengkapkan keyakinan kepadanya dan menganggap ia sebagai langkah memudahkan penganut pelbagai lapisan menggarap hakikat ketuhanan. Ia dijelaskan melalui sifat-sifat tuhan yang pelbagai seperti penyelamat, pemusnah, pemelihara dan sebagainya. Dalam aliran Saivism, kuasa ini digambarkan sebagai dewa-dewi.<sup>159</sup> Lebih jauh lagi, konsep dewa dewi ini telah disifatkan sebagai entiti yang digelar anak, isteri dan pembantu-pembantunya. Walaubagaimanapun, terdapat penganutnya yang memfokuskan penyembahan kepada

---

<sup>156</sup> K. Sivaraman (1973). *Saivism In Philosophical Perspective: A Study of The Formative Concepts, Problems and Methods of Saiva Siddhanta*. India: Motilal BanarsiDass. h. 43

<sup>157</sup> Sifat Pencipta, Pemusnah dan Pemelihara amat berkait rapat dengan elemen kepercayaan lain dalam kehidupan penganutnya terutamanya konsep *karma* dan *mokhsa*. Lihat huraianya dalam *Ibid.*

<sup>158</sup> *Siva*, *Sadasiva* dan *Mahadeva* masing-masing bermaksud pemusnah, pengawal dan pencipta.

<sup>159</sup> Terdapat pengkaji yang mengistilahkan sebagai tuhan-tuhan atau dewa-dewa dan kemudian membahagikannya kepada dewa major dan minor. Lihat Alain Danielou (1964). *Op. Cit.* h. 301; M. Rajantheran (1997). *Kepercayaan Orang India*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd. h. 11

salah satu dewa atau dewi tersebut sahaja. Kepercayaan ini dapat dilihat jelas dari sudut amalan ritual penganutnya yang melakukan penyembahan kepada dewa atau dewi tertentu pada waktu yang tertentu.

Dari sudut zat tuhan pula, Siva diyakini tidak mempunyai bentuk khusus (*formless*). Namun untuk memahami keadaannya, elemen-elemen yang berkait dengan kuasanya dipersonafikasikan antaranya seperti patung Siva bermata tiga bagi menggambarkan matahari, bulan dan api, kulit yang berwarna putih seolah-oleh bersinar seperti mutiara yang menerangi kegelapan, patung Siva memegang anak panah sebagai tanda kekuatan dan pelbagai lagi.<sup>160</sup> Kemudian, wujud ikon yang menggambarkan tuhan dalam bentuk abstrak seperti *Linga* atau *Phallus* hasil dari personafikasi tersebut. Kefahaman ini juga berkait rapat dengan keyakinan yang lebih bersifat intrinsik iaitu tuhan wujud dalam setiap ciptaannya. Ia tidak terbatas kepada sesuatu bentuk khusus sebagaimana konsep *Avatar* dalam tradisi aliran lain dalam agama Hindu,<sup>161</sup> sebaliknya tuhan mampu wujud mengikut sebagaimana yang ditanggapi oleh penganutnya.<sup>162</sup> Konsep roh (*jiva*) dalam setiap kejadian yang difahami sebagai manifestasi diri tuhan ke dalam ciptaannya sama ada manusia, tumbuh-tumbuhan, haiwan dan lain-lain lagi mengukuhkan keyakinan mereka tentang keadaan wujud tuhan.<sup>163</sup> Ia dinyatakan wujud untuk menjalankan fungsinya dan menonjolkan dirinya kepada manusia. Mereka meyakini bahawa tuhan akan menjelma dalam diri manusia sebagai cara menyelamatkan manusia tetapi bukan melalui kelahiran. Pada tahap tertinggi, manusia

---

<sup>160</sup> R. K. Siddhantashastree (1975). *Op. Cit.* h.117. Lihaturaian mengenai elemen kekuasaan Siva yang dipersonafikasikan dalam Alain Danielou (1964). *Op. Cit.* h. 204-231.

<sup>161</sup> Siva tidak boleh wujud dalam suatu bentuk khusus seperti makhluk kerana tidak boleh terikat dengan *karma* dan *samsara* yang berlawanan dengan sifat kekal tuhan sebaliknya ia mampu memasuki manapun jasad atau bentuk. Lihat Klaus K. Klostermaier (2000). *Op. Cit.* h.161

<sup>162</sup> Kurian Mathouthu (1974). *Op. Cit.* h. 91

<sup>163</sup> T. M. P. Mahadevan (1984). *Op. Cit.* h.169, 202.

yang berusaha juga akan dapat menonjolkan sifat ketuhanan tersebut bahkan secara tidak langsung dia akan dianggap sebagai jelmaan tuhan.<sup>164</sup> Huraian mengenai roh dan zat tuhan ini dapat menjelaskan tanggapan penganutnya terhadap kewujudan tuhan dalam bentuk spiritual dan material.

Secara umum, terdapat dua belas kepercayaan penganut Saivism yang utama iaitu **pertama**, kepercayaan bahawa Siva adalah tuhan; **kedua**, percaya bahawa Siva sebagai tuhan yang menjadi asas kehidupan dalam semua kewujudan; **ketiga**, percaya Siva sebagai pencipta dan pemusnah; **keempat**, percaya kepada kedewaan Ganesha dan menjadikannya sebagai tempat bermohon sebelum memulakan sesuatu; **kelima**, percaya kepada Dewa Karttikeya sebagai pengekang kejahilan; **keenam**, percaya setiap roh adalah ciptaan tuhan Siva dan menyerupainya. Kesedaran setiap jiwa tentang roh ketuhanan hanya diperolehi apabila *anava*, *karma* dan *maya* dihapuskan dengan kehendak Siva; **ketujuh**, percaya roh wujud dalam tiga keadaan iaitu fizikal, spiritual dan sebab-akibatnya sendiri; **kelapan**, percaya kepada kitaran *karma*, *samsara* dan *mokhsa*; **kesembilan**, percaya empat *marga* (jalan utama kehidupan atau tingkat spiritual) iaitu *charya*, *yoga*, *kriya*, dan penyembahan mampu mencapai *jnana* (kebahagiaan); **kesepuluh**, percaya wujudnya sifat kebaikan semata-mata; **kesebelas**, percaya kepada kuil sebagai tempat penyatuan diri; dan **kedua belas**, percaya kepada kesucian *mantra*.<sup>165</sup>

---

<sup>164</sup> *Ibid.* h. 25

<sup>165</sup> Bidhinatha Veylanswami (2007). *What Is Hinduism?* USA: Himalayan Academy. h. 59-63

#### 4. Bukti Monoteisme Ketuhanan Siva Dalam Teks Suci

##### 4.1 Sumber *Sruti*

Teks yang dikategorikan sebagai *Sruti* (yang didengari) terdiri daripada *Veda* yang empat iaitu *Rigveda*, *Yajurveda*, *Samaveda* dan *Atharvaveda*. Terdapat *hymn* di dalam teks-teks ini yang menekankan keyakinan kepada kewujudan tuhan yang satu.

*"There is no image of Him, whose glory verily is great. He sustains within Himself all luminous like the Sun etc. May not harm me, this is my prayer. As he is unborn, He deserves our worship."*<sup>166</sup>

*"God is all-pervading, Lustrous, Bodiless, Flowless, Sinewless, Pure, Unpierced by evil. He is Omniscient, Knower of the hearts of all, Censurer of the sinful, and self-existent. He truly reveals through the Vedas all things for His subjects from His immemorial attributes, free from birth and death."*<sup>167</sup>

Seterusnya, di dalam *Upanishad*:

*Those become immortal who know Him who, the one lord of the web of Maya, govern by his (Sovereign) powers, governs all the worlds by his (Sovereign) powers; who alone remains one (without a second) and the same at the time of Creation, Destruction, and the interval between them.*<sup>168</sup>

Di dalam ajaran Saivism, tuhan yang disebutkan secara khusus di dalam *Veda* tersebut diyakini merupakan Siva yang wujud tunggal secara mutlak. Teks *Veda* dijadikan sandaran utama bagi mengukuhkan kepercayaan terhadap ketuhanan Siva dan bagi membuktikan kepercayaan tersebut telah wujud sejak awal perkembangan agama Hindu. Ia berpandukan *hymn* yang dikaitkan antara nama Siva dengan kuasa ketuhanan yang wujud dalam teks *Veda* tersebut. Ia meliputi makna pada nama dan sifat-sifat yang berkaitan dengan nama-nama tertentu. Nama yang berkait dengan Siva tersebut ialah

---

<sup>166</sup> *Yajurveda* 32: 3; *Yajurveda* 25:8,10 & 13

<sup>167</sup> *Yajurveda* 40:8

<sup>168</sup> *Svetasvatara Upanishad* 3: 1

*Rudra* iaitu Siva adalah sebahagian dari sifat *Rudra* dan ia disebutkan melalui *hymn* di dalam *Rigveda* sebagaimana terjemahannya iaitu:

*With humble adoration show this day your song of praise to mighty Rudra, Ruler of the brave: With whom, the Eager Ones, going their ordered course, he comes from heaven Self-bright, auspicious (Siva), strong to guard.<sup>169</sup>*

*As Rudra (Destroyer of the world or of pain) is one, therefore (they) did not wait for second. (He) who governs these worlds by His ruling powers, and is present within all human beings as their self, having created all the worlds, and (remained) as their Protector (during their existence) showed his wrath (or withdrew the world), on the occasion of Universal Destruction.<sup>170</sup>*

Terdapat perkaitan pada makna Siva dan *Rudra* sebagaimana yang dihuraikan oleh Sayana iaitu Siva bermaksud “*he who attenuates sin*” manakala *Rudra* bermaksud “*he who drives away sin and suffering.*”<sup>171</sup> Gelaran yang disandarkan kepada *Rudra* berpandukan sifatnya banyak dijelaskan di dalam *Veda* yang kemudian dikaitkan secara langsung dengan Siva. Gelaran lain *Rudra* selain Siva seperti *Agni*, *Bhava*, *Sarva* dan *Soma*.<sup>172</sup> Sifat *Rudra* pula menurut *Veda* ialah kuasa yang memberikan keselamatan memusnahkan kejahanatan dan melaksanakan pengorbanan untuk kebaikan. Selain itu, *Rudra* yang disifatkan sebagai penyelamat kepada binatang juga terdapat di dalam *Veda*. Ia telah meyakinkan penganutnya tentang kekuasaannya menjaga binatang seterusnya meyakini sesiapa yang memuja binatang terutamanya lembu juga akan mendapat penjagaannya.<sup>173</sup> Sifat *Rudra* ini pula telah dikaitkan dengan gelaran *Pasupati*

---

<sup>169</sup> *Rigveda* 10: 92: 9. Lihat Ralph T. H. Griffith (1896). *The Hymns of the Rigveda.* (Trans). 2nd edition, Kotagiri: Nilgiri

<sup>170</sup> *Svetasvatara Upanishad* 3: 2

<sup>171</sup> Sayana (m. 1387) merupakan pentafsir *Veda* yang berpengaruh. Lihat T. M. P. Mahadevan (1984). *Ibid.* h. 199

<sup>172</sup> Sukumari Bhattacharya (2000). *Op. Cit.* h. 117

<sup>173</sup> *Ibid.* h. 112 & 140

dan *Agni*. Perkaitan antara *Rudra* dan Siva ini menjadi semakin jelas melalui penceritaan di dalam epik *Mahabharata* di mana Siva digambarkan menguasai binatang dengan gelaran *Pasupati*.<sup>174</sup>

Perkaitan Siva-Rudra tersebut dijelaskan dengan lebih terperinci di dalam *Svetasvatara Upanishad* yang terdapat *mantra* menerangkan mengenai kedua-dua nama tersebut di samping perkaitan Siva-Brahma juga.<sup>175</sup> Siva adalah Brahma, tuhan yang satu dan memiliki kuasa pemusnah yang tidak memerlukan sesuatu yang lain untuk melakukannya. Dialah penyebab kepada sesuatu kejadian, memelihara dan kemudian memusnahkannya.<sup>176</sup> Bahkan dia juga disebut meliputi segala-gala penciptaan.<sup>177</sup> Dia jugalah yang menganugerahkan kebaikan dan keselamatan kepada manusia. Oleh yang demikian, segala penyerahan, pengorbanan dan penyembahan ditujukan kepada Siva bagi mencapai matlamat kehidupan.

*(As he is the possessor) of all the faces, heads, and necks, (as he is) present in the hearts of all creatures, All-pervading, and Lord of all powers, therefore, that Siva - the benevolent Being, is omnipresent.*<sup>178</sup>

Sifat yang terdapat pada Siva juga dipetik daripada teks *Veda* seperti beraneka bentuk, gagah dan menakutkan. Begitu juga dengan gambaran bentuk tubuhnya seperti rambutnya yang terikat rapi, wajahnya kebiruan atau kemerahan.<sup>179</sup> Malah simbol-simbol yang disandarkan kepada Siva dikutip dari pernyataan di dalam *Veda* seperti

---

<sup>174</sup> *Ibid.* h. 116; V. A. Devasenapathy (1963). *Of Human Bondage and Devine Grace*. India: Annamalai University. h.iv

<sup>175</sup> Klaus K. Klostermaier (2000). *Op. Cit.* h.142

<sup>176</sup> *Svetasvatara Upanishad*: 3. 4.

<sup>177</sup> *Svetasvatara Upanishad*: 3. 11. Ayat ini menyatakan kehadiran tuhan ke dalam diri manusia dan kekuasaan tuhan

<sup>178</sup> *Svetasvatara Upanishad*: 6: 11

<sup>179</sup> Sukumari Bhattacharya (2000). *Op. Cit.* h. 109

penceritaan Siva memegang sungai Gangga yang kemudiannya disimbolikkan di dalam teks agama Saivism yang lain.<sup>180</sup>

#### **4.2 Sumber Smṛti.**

Rujukan terhadap teks *Veda* bertujuan mengabsahkan ajaran yang dibawa aliran ini dalam tradisi Hindu manakala teks rujukan lain dibuat hasil pentafsiran ilmuwan mereka.<sup>181</sup> Antara teks *Smṛti* yang penting dalam tradisi Saivism ialah epik *Mahabharata* dan teks *Saiva Purana*. Kewujudan teks selain *Veda* bertujuan mengukuhkan keyakinan penganutnya terutama bagi penganut yang tidak mampu memahami ajaran agama dalam bentuk yang sukar seperti yang terdapat di dalam *Veda*. Perkara ketuhanan dirujuk melalui *Saiva Agama*, *Saiva Upanishad* dan beberapa *Purana* iaitu *Linga Purana*, *Siva Purana*, *Skanda Purana*, *Matsya Purana*, *Karma Purana* dan *Brahmanda Purana*<sup>182</sup> serta *Kalikapurana* dan *Vayupurana*.<sup>183</sup> Di dalamnya tercatat kisah kekuasaan Siva dan bentuk penyembahan kepadanya yang menguatkan lagi keyakinan penganutnya terhadap kekuasaan Siva. Ia juga dijadikan bukti kewujudan kepercayaan terhadap Siva telah bermula sejak awal perkembangan agama Hindu.

Di dalam epik *Mahabharata* mengandungi penceritaan mengenai Siva secara langsung dan digambarkan dalam pelbagai bentuk rupa. Kebanyakannya melibatkan pertempuran antaranya dengan kuasa yang lain. Pertembungannya dengan *Daksa* contohnya yang ingin melakukan pengorbanan tetapi cuba menafikan kekuasaan Siva

---

<sup>180</sup> *Ibid.* h. 125

<sup>181</sup> Ia wujud bagi mempertahankan dan mengukuhkan ajaran *Veda* dan bertindak di atas penyebaran agama Jain dan Buddha serta menyatukan seluruh bangsa India termasuk kelompok *Aryan* dan bukan *Aryan*. Lihat B. Bhattacharya (1975). *Op. Cit.* h. 563-568

<sup>182</sup> Alain Danielou (1964). *Op. Cit.* h. 189

<sup>183</sup> R. K. Siddhantashastree (1975). *Op. Cit.* h. 102

sehingga akhirnya tunduk kepada Siva turut dikaitkan dengan sifat *Rudra*.<sup>184</sup> Melalui epik ini juga, Siva ditonjolkan mempunyai kuasa yang hebat dan unggul berbanding kuasa-kuasa yang lain seterusnya mengukuhkan keyakinan penganutnya.

Di dalam *Siva Purana*, tercatat kisah mengenai sejarah *Sivalinga*.<sup>185</sup> Siva diceritakan menjelmaan dirinya sebagai *linga* bagi mempertahankan alam semesta daripada kehancuran. Ia digambarkan sebagai suatu bentuk yang meliputi alam semesta dan juga zarah-zarah yang berada dalam setiap kejadian bagi menunjukkan kekuasaan Siva dan membuktikan kekuasaannya sebagai tuhan yang tertinggi. Di dalam *Skanda Purana* pula mengisahkan Siva dan penghuni hutan yang akhirnya mewujudkan simbol *phallus* atau *linga* bagi Siva.<sup>186</sup> Ia juga diuraikan secara simbolik sebagai suatu alat untuk mengenali alam meliputi langit dan bumi. Sekiranya tuhan diabaikan, maka manusia tidak akan mendapat petunjuk dari tuhan (Siva). Namun, tuhan juga diyakini tidak terhalang oleh sesuatu melalui simbolnya seperti yang dijelaskan di dalam teks tersebut. Di dalam *Kalika Purana* terdapat kisah mengenai Siva dan *Sati* (isterinya) yang akhirnya juga menunjukkan jalan penyembahan melalui simbol *Linga*. Antara gambaran yang terdapat di dalamnya ialah ritual pengorbanan yang diserahkan kepada tuhan bagi menjana suatu penciptaan dan bentuk penciptaan yang dibuat oleh Siva.<sup>187</sup> Manakala di dalam *Vayu Purana* pula terdapat kisah mengenai permulaan kewujudan bentuk-bentuk penyembahan terhadap Siva. Ia meliputi simbol alam semesta iaitu *Sarva*

---

<sup>184</sup> Klaus K. Klostermaier (2000). *Op. Cit.* h. 144 – 147 & Sukumari Bhattacharya (2000). *Op. Cit.* h. 124

<sup>185</sup> *Ibid.* h. 103

<sup>186</sup> *Ibid.* h. 106

<sup>187</sup> *Ibid.* h. 110

(bumi), *Bhava* (air), *Rudra* (api), *Ugra* (angin), *Bhima* (zarah), *Pasupati* (penyembah), *Mahadeva* (bulan) dan *Isana* (matahari).<sup>188</sup>

Selain dari teks-teks yang dinyatakan di atas, terdapat juga sumber lain yang dijadikan sebagai pengajaran dan panduan untuk melaksanakan amalan keagamaan. Terdapat seramai 63 orang tokoh yang dianggap wali (*Nayanars*) dalam aliran Saivism menjadi ikutan dan rujukan penganutnya. Kesemua tokoh tersebut telah menyumbangkan hasil kerja mereka ke dalam teks-teks khusus. Terdapat teks khusus yang menceritakan mengenai tokoh-tokoh yang dianggap telah mencapai pengetahuan tentang tuhan iaitu *Periya Puranam*. Kumpulan teks yang dianggap suci tersebut dinamakan *Tirumurai* mengandungi pelbagai rujukan besar seperti *Thevaram* iaitu nyanyian untuk ditujukan kepada tuhan, *Tiruvacagam*, *Tirumandhiram* dan lain-lain lagi termasuklah teks *Periya Puranam*. Tokoh-tokoh ini telah membantu memperkuuhkan lagi keyakinan penganutnya terhadap ketuhanan Siva.<sup>189</sup>

## 5. Monoteisme Siva Menurut Ilmuwan Saivism

Terdapat golongan ilmuwan yang mentafsirkan teks-teks utama Hindu dan mengeluarkan pendapat berdasarkannya. Antara gelaran yang diberikan kepada mereka ialah seperti *rishi*, *sanyasin* dan pelbagai lagi. Malah ada juga antara mereka yang menjadi pelopor kepada aliran-aliran falsafah Saivism terutama untuk menghuraikan konsep ketuhanan Siva.

---

<sup>188</sup> *Ibid.* h. 113-115

<sup>189</sup> A. L. Basham (1967). *Op. Cit.* h. 302. Kenyataan ini juga turut dipetik melalui perbualan dalam talian bersama Dr. M. Rajenthaler pada 27 Julai 2011 dan temubual bersama Dr. N. S. Rajendran pada 1 Ogos 2011; Ustaz Hj. Abd Latiff pada 3 Ogos 2011; Encik R. Kanagaratman pada 11 Ogos 2011 & Dr. Balrama Applanaidu pada 11 November 2011

Bagi pengikut aliran Saivism keseluruhannya, falsafah ialah ilmu tertinggi yang diyakini sebagai satu cara mengetahui hakikat ketuhanan dan mampu mengatur kehidupan ke arah ketuhanan. Untuk sampai pengetahuan kepada tuhan, haruslah melalui tahap yang sempurna termasuklah penyucian diri, pembebasan daripada halangan atau kejahanatan, manakala bagi yang dapat menjangkaui batasan tersebut mampu mencapai kesatuan dengan tuhan.<sup>190</sup> Oleh kerana itu ada yang memandang tinggi falsafah dan penting untuk menjelaskan konsep ketuhanan yang wujud dalam ajarannya. Ikatannya digambarkan seperti berikut:

*“Where religion has failed, philosophy has survived. Any religion that fails to answer philosophical inquiries has to be incomplete to an extent. Where religion has deviated, philosophy has unified; where religion stuff with dogmas, philosophy liberates intellect and clears inquiries...”<sup>191</sup>*

Bagi golongan yang memilih pengetahuan (*jnana*) sebagai cara (*sadhana*) untuk mencapai hakikat ketuhanan, mereka meyakini hanya melalui cara ini sahaja manusia mampu mencapainya. Ilmu pengetahuan dan kesedaran yang bersifat spiritual mampu mencapai hakikat sebenar tentang tuhan<sup>192</sup> Namun, ada juga yang menerima falsafah sebagai salah satu cara dalam beragama kerana keyakinan yang berbeza mengenai jalan-jalan (*marga*) untuk sampai kepada tuhan. Bagi aliran Saivism, para agamawannya turut mengiktiraf kepelbagaian usaha yang dilaksanakan dengan tujuan untuk mendekatkan dan menyerahkan diri kepada tuhan. Ia meliputi empat jalan utama yang

---

<sup>190</sup> *Ibid.*

<sup>191</sup> B. Bhattacharya (1975). *Op. Cit.* h. 878

<sup>192</sup> *Ibid.* h. 372

menuju kepada tuhan Siva iaitu *Jnana Marga*, *Yoga Marga*, *Bhakti Marga* dan *Karma Marga*.<sup>193</sup>

Merujuk kepada huraian falsafah ketuhanan Siva, mereka mengkhususkan perbincangan dari sudut kewujudan tuhan. Pada asasnya mereka meyakini bahawa Siva merupakan tuhan yang agung, akan tetapi mereka berlainan tanggapan mengenai bentuk keadaan wujud Siva dari aspek sifat dan zat sama ada secara spiritual, material atau sekadar ilusi. Ini dapat ditonjolkan melalui falsafah-falsafah yang diketengahkan seperti *Advaita* yang meyakini kewujudan tuhan dalam bentuk *non-dualism*, *dvaita* yang meyakini tuhan wujud bersama makhluk di muka bumi dan lain-lain lagi. Siva tetap dinyatakan sebagai tuhan yang terunggul dan memiliki kuasa mutlak iaitu sebagai Tuhan Pemusnah. Menurut mereka, kuasa pemusnah telah membataskan kuasa-kuasa lain<sup>194</sup> sehingga ia juga menguasai penciptaan dan pemeliharaan.<sup>195</sup> Keyakinan terhadap Siva diperkuuhkan juga dengan elemen pemikiran atau falsafah berkaitan sebab musabab (*causality*). Ia menjadi dalil pengukuh kepada kekuasaan Siva dan dalil kepada pernyataan tentang monoteisme Saivism. Ia lebih kukuh berbanding amalan penganutnya yang memahami konsep monoteisme dari kerangka yang terbuka. Ini kerana sesetengah amalan hanya dilakukan berpandukan ajaran yang dibawa turun temurun, manakala huraian pemikiran atau falsafah Saivism dapat mengukuhkan dan mempertahankan keyakinan penganutnya melalui hujah akal.

Para ilmuwan Saivism mengkhususkan perbahasan tentang tuhan dalam bentuk perkaitan ilmu yang umum dan yang mendasar untuk menjawab persoalan siapakah

---

<sup>193</sup> Terdapat juga huraian yang menggunakan istilah lain iaitu *Carya* (pembaktian), *Kriya* (khidmat yang intim untuk mencapai kesatuan), *Yoga* dan *Jnana*. Lihat T. M. P. Mahadevan (1984). *Op. Cit.* h. 173

<sup>194</sup> K. Sivaraman (1973). *Op. Cit.* h. 48-49

<sup>195</sup> *Ibid.* h. 131

Siva dan juga apakah Siva.<sup>196</sup> Dalam tradisi aliran Saivism, terdapat beberapa falsafah yang menghuraikan mengenai konsep ketuhanan. Aliran falsafah yang dianggap penting dalam tradisi Saivism ialah *Saiva Siddhanta*, *Vira Saivism*, *Kashmir Saivism*.<sup>197</sup>

### 5.1 Saiva Siddhanta

Falsafah *Saiva Siddhanta* menjelaskan konsep Tuhan Pemusnah sebagai tuhan yang tertinggi dengan lebih mendalam. Tokoh yang mengembangkan aliran ini ialah Tirumular (abad ke-6M) yang diangkat tinggi oleh penganut Saivism berdasarkan sumbangan penulisannya meliputi aspek kehidupan dan metafizik di dalam teks yang dikenali sebagai *Tirumandhiram*.<sup>198</sup> Dari aspek unsur ketuhanan, aliran falsafah ini berpegang dengan konsep *Advaita (non-dualism)* yang meyakini bahawa tuhan dinyatakan tidak terpisah dengan kewujudan yang lain.<sup>199</sup> Antara hujah tuhan wujud satu secara mutlak ialah melalui teori kekurangan, pertentangan dan kelainan.<sup>200</sup> Di dalam sebuah rujukan aliran falsafah ini juga yang dinamakan *Tiruvacakam* (abad ke-3M) menjelaskan mengenai kekuasaan Siva di atas kuasa yang lain dan menegaskan

---

<sup>196</sup> Ilmu umum yang dimaksudkan ialah mengetahui perkara yang dialami oleh manusia seperti moral, ikatan atau kekangan dalam kehidupan dan keterikatan manusia dengan sesuatu. Ia menggerakkan kepada pengetahuan yang lebih mendasar iaitu mengenai sesuatu yang bersifat spiritual untuk menyelesaikan persoalan yang timbul dalam ilmu yang umum seperti mengetahui bentuk-bentuk penyucian untuk melepaskan ikatan kehidupan. Lihat K. Sivaraman (1973). *Op. Cit.* h. 130

<sup>197</sup> Lihat *Ibid.* h. 1 – 41 & S. C. Nandimath (1979). *A Handbook of Virasaivism*. India: Motilal Banarsi das. *Vira Saivism* juga dikenali sebagai *Lingayata*. Lihat T. M. P. Mahadevan (1984). *Op. Cit.* h. 172,175 & B. Bhattacharya (1975). *Op. Cit.*

<sup>198</sup> K. Sivaraman (1973). *Op. Cit.* h. 31-33. Teks *Tirumandhiram* juga ditulis sebagai *Tirumantiram* atau *Tirumanthiram*.

<sup>199</sup> Teori *advaita (non-dualism)* turut dikembangkan oleh Meykandar pada abad ke-13 melalui penulisannya, *Sivagnanabotham*. Lihat *Ibid.*

<sup>200</sup> Teori kekurangan difahami sebagai benda metafizik yang tidak bersifat dualistik adalah hakikat bagi kesatuan. Teori pertentangan pula ringkasnya ialah suatu yang tidak bersifat dual maka ia adalah satu manakala teori kelainan pula ialah ketidakwujudan selain daripadanya kerana meyakini tuhan wujud dalam kesatuan, meliputi keseluruhan dan saling berhubungan dengan sesuatu. Lihat huraiannya dalam K. Sivaraman (1973). *Op. Cit.* h. 142-143

bahawa penyamaan Siva dengan entiti yang lain merupakan suatu kefahaman yang terseleweng.<sup>201</sup>

Dalam falsafah *Saiva Siddhanta*, hakikat kewujudan diuraikan melalui satu rangkaian konsep *Pati*, *Pasu* dan *Pasa*.<sup>202</sup> Konsep *Pati* mengkhususkan tentang teori kewujudan tuhan dan segala falsafah yang berkaitan dengannya, manakala *Pasu* berkaitan dengan jiwa dan *Pasa* pula ialah ikatan atau kekangan dalam kehidupan. Melalui konsep ini, manusia mampu mencapai kesempurnaan hidup dan memperolehi tujuan kehidupan iaitu *mukti*. Perkaitannya wujud dengan penjelasan yang lebih mudah iaitu kewujudan manusia atau makhluk disertai dengan dengan *pasa* (*bond*/ ketidaktahanuan). Maka, manusia perlu berusaha untuk menghilangkannya dengan mencari jalan mencapai tuhan yang menciptakannya. Hanya melalui Dia, segala kekurangan tersebut dapat dihindarkan<sup>203</sup> dan dosa dihapuskan.<sup>204</sup>

## 5.2 *Vira Saivism*

Aliran *Vira Saivism* telah wujud lama tetapi hanya diperkuuhkan selepas kemunculan Basava, manakala falsafah ketuhanannya pula dikembangkan oleh Sripati Pandita melalui konsep *Visistadvaita*.<sup>205</sup> Menurut falsafah *Vira Saivism*, tuhan itu satu iaitu Siva atau *Parasiva* dan tiada yang kedua. Aliran ini juga meyakini Siva melalui konsep *advaita* (*non-dualism*). Siva dinyatakan tidak mempunyai bentuk tertentu dan tidak ada

---

<sup>201</sup> *Tiruvacakam* 3: 10-13; 4.

<sup>202</sup> B. Bhattacharya (1975). *Op. Cit.* h. 568.

<sup>203</sup> *Ibid.* h. 369

<sup>204</sup> T. M. P. Mahadevan (1984). *Op. Cit.* h. 169

<sup>205</sup> Basava menjadi ikutan kerana membawa beberapa pandangan yang menjadi tarikan masyarakat ketika itu seperti menolak sistem kasta walaupun beliau lahir dalam golongan *Brahman*. Lihat Jadunath Sinha (1970), *Schools of Saivism*. Calcutta : Sinha Publishing House Pvt. Ltd. h. 152

sesuatu yang sama dengannya.<sup>206</sup> Ia wujud meliputi bumi dan dapat dibuktikan melalui kuasanya (*Sakti*) yang mempengaruhi setiap kejadian yang berlaku di muka bumi. Ia bersatu dengan setiap jiwa tetapi tidak musnah bersama kejadiannya kerana setiap penciptaan melalui *Sakti*.<sup>207</sup>

Golongan ini menekankan penyembahan Siva dalam bentuk *Linga*<sup>208</sup> dan oleh kerana itu aliran ini turut dikenali dengan nama *Lingayata*. Terdapat kritikan yang dilontarkan oleh Sripati Pandita (salah seorang penggerak ajaran *Vira Saivism* yang banyak menghuraikan teks *Saiva agama*) terhadap kepercayaan yang menyatakan bahawa teks-teks *Veda* menekankan kepada penyembahan tuhan yang banyak. Beliau menegaskan kepada kepercayaan tuhan yang satu tetapi perbezaan dari sudut ritual penyembahan dibenarkan. Beliau menyimpulkan bahawa kewujudan pelbagai ritual penyembahan sesuai dengan tahap keupayaan diri manusia dengan membahagikan penganut yang menyembah tuhan kepada tiga tahap iaitu tahap rendah, sederhana dan tinggi. Golongan yang berada di tahap sederhana ialah mereka yang melakukan sembahana kepada tuhan yang pelbagai kerana tidak dapat mencapai tahap keyakinan kepada tuhan itu satu. Tahap tertinggi pula ialah golongan yang dapat meyakini kewujudan tuhan yang satu dan dapat menanggapinya.<sup>209</sup>

### 5.3 *Kashmir Saivism*

Aliran ini turut meyakini bahawa Siva adalah tuhan Yang Berkuasa dan Kekal. *Kashmir Saivism* meyakini konsep bahawa segala kejadian yang wujud di muka bumi merupakan manifestasi dan refleksi sifat-sifat tuhan. Alam ini wujud sebagai tanda

---

<sup>206</sup> S. C. Nandimath (1979). *Op. Cit.* h. 62

<sup>207</sup> T. M. P. Mahadevan (1984). *Op. Cit.* h.172-173

<sup>208</sup> B. Bhattacharya (1975). *Op. Cit.* h. 703.

<sup>209</sup> Jadunath Sinha (1970). *Op. Cit.* h. 154

kebijaksanaannya, kehendaknya, ketentuannya, pengetahuannya dan kekuasaannya.<sup>210</sup>

Mereka menggabungkan alam, roh dan Siva sebagai suatu kesatuan.<sup>211</sup> Siva digandingkan bersama *Sakti* dengan makna kuasa melalui simbol-simbol tertentu dan sebagai pasangannya melalui bentuk antrophormisme.<sup>212</sup> Gandingan ini dijadikan sandaran dalam meyakini kekuasaan tuhan dalam setiap ciptaannya.

Keseluruhannya, pengikut Saivism ditekankan meyakini ketuhanan Siva melalui penyerahan diri kepadanya. Ia termasuklah tindakan dan amalan yang dilakukan bagi menjamin masa hadapan. Menurut agamawan Saiva, penyerahan seluruh kehidupan kepada Siva amat perlu dititik beratkan. Tertanam di hati sanubari mereka mengenai Siva sebagai matlamat kehidupan. Umumnya Siva menjadi sandaran penyelamatan dalam semua aliran Saivism.

## 6. Monoteisme Melalui Nama dan Sifat Siva

Umumnya terdapat nama-nama besar tuhan yang diyakini penganut agama Hindu antaranya Brahma, Siva dan Vishnu yang menampakkan unsur ketigaan serta nama-nama yang lain lagi. Bagi penganut Saivism, kepercayaan monoteisme bertitik tolak dari keyakinan bahawa Siva sebagai tuhan yang satu serta mempunyai banyak nama dan sifat. Petikan daripada *Rigveda* iaitu “*The Truth is one, but sages call it by various name,*”<sup>213</sup> dijadikan sandaran utama. Terdapat pelbagai sifat Siva dikumpulkan melalui teks agamanya seperti *Rudra, Agni, Hara* dan pelbagai lagi. Melalui sifat tersebutlah wujud nama-nama bagi memudahkan kefahaman penganutnya dan ia dapat menunjukkan kehebatan kuasanya melakukan pelbagai perkara. Kemudian, nama dan

---

<sup>210</sup> *Ibid.* h. 175

<sup>211</sup> *Ibid.* h. 653

<sup>212</sup> *Ibid.* h. 655

<sup>213</sup> *Rigveda* 1.164.46; 10.114.5.

sifat Siva tersebut telah dipersonafikasikan dalam pelbagai bentuk dan rupa malah diberi gelaran sebagai dewa atau dewi milik Siva. Kepelbagaiannya ini bertujuan memudahkan pengikutnya melaksanakan ritual penyembahan iaitu dengan menzahirkan bentuk ketuhanan Siva melalui sifat, nama dan bentuk yang khusus bagi memudahkan pengikutnya mencerap imaginasi tentang tuhan.<sup>214</sup>

Terdapat perbahasan yang luas mengenai perkaitan ini. Antara persoalan yang dibincangkan ialah mengenai apakah nama-nama yang berkaitan dengan Siva? Apakah bentuk perkaitan tersebut? Apakah taraf nama-nama tersebut di sisi Siva dan apakah pandangan agamawan Saivism terhadap pentarafan tersebut? Apakah perkaitannya dalam ritual penyembahan? Umumnya, perkaitan Siva dengan nama-nama yang pelbagai ini dipengaruhi oleh konsep jelmaan tuhan. Terdapat pelbagai cerita atau lagenda yang menghuraikan mengenai perkaitan ini.<sup>215</sup> Kajian ini mengkhususkan perbahasan mengenai perkaitan tersebut dari sudut nama dan menyentuh beberapa lagenda yang menghubungkan dewa dewi tersebut dengan Siva.

### 6.1 Nama Lain Bagi Siva

Siva mempunyai nama yang banyak melalui huraian teks-teks sama ada *Veda* ataupun teks lain. Dalam *Veda*, terdapat beberapa nama yang dikaitkan dengannya kerana diyakini ia merupakan sifat bagi Siva. Siva berakar dari perkataan Sanskrit iaitu *sin* yang bermaksud tidur.<sup>216</sup> Nama Siva merupakan sifat kebaikan bagi *Rudra* yang dipetik

---

<sup>214</sup> Pranab Bandyopadhyay (1995). *Gods and Goddesses in Hindu Mythology*. Calcutta: United Writers. h. 42-49

<sup>215</sup> Terdapat mitos-mitos yang dikumpulkan oleh pengkaji mengenai Siva dengan nama-nama yang lain. Terdapat mitos mengenai permulaan kewujudan Siva dan sifat kewanitaannya dalam W. T. Elmore (1995). *Op. Cit.* h. 1.

<sup>216</sup> Terdapat juga pengkaji yang mendatangkan Siva dengan pelbagai maksud lain seperti tidur, harapan dan tenang. Lihat Alain Danielou (1964). *Op. Cit.* h. 188 & 197

dari pada *Veda*.<sup>217</sup> *Rudra* menjadi asas kepada kewujudan ketuhanan Siva yang kemudian membawa kepada perkaitan nama-nama lain seperti *Hara*, *Agni* dan sebagainya.

Nama *Rudra* dari sudut bahasa berasal dari perkataan Sanskrit iaitu *Rud* yang bermaksud kesedihan dan ia ditafsirkan sebagai Yang Berkorban.<sup>218</sup> Ia signifikan dengan Siva kerana *Rudra* digambarkan mempunyai sifat yang garang dan menakutkan sebagaimana Siva yang digelar tuhan pemusnah. Lebih mendalam lagi, *Rudra* bukan sahaja diyakini sebagai penyebab keburukan tetapi juga berkuasa menghindarkan manusia dari keburukan dan kejahatan. Dia juga boleh mengarahkan kuasa jahat kepada penganutnya dan menghantar penyembuh bagi melawan kejahatan tersebut. Nama lain yang berkaitan dengan *Rudra* ialah *Agni* yang mempunyai dua aspek iaitu Yang Menakutkan dan Yang Memberi Kebaikan. Aspek kebaikan tersebut dikatakan mempunyai kaitan dengan sifat Siva. *Agni* juga adalah *Rudra* menurut teks *Veda*.<sup>219</sup> *Hara* pula ialah Yang Menanggalkan dan ia bermaksud mengembalikan segala sesuatu kepada bentuk yang asal. Dia juga memberikan penyakit, kematian dan sebagainya untuk meneruskan kitaran kehidupan.<sup>220</sup> Seterusnya ia juga dikaitkan dengan nama

---

<sup>217</sup> Perkaitan ini juga terdapat dalam *Svetasvatara Upanishad* 3.5-6. Petikan dalam bahasa Inggeris ialah “*Not terrifying, most kindly to us, O dweller among the mountains! Protector of mountain! Make gentle (Siva) the arrow which you hold in your hand, ready to be thrown. Injure not man or thing.*” Alain Danielou (1964). *Op. Cit.* h. 197, 205-207. Siva dan Rudra disertai nama lain oleh ilmuwan Saivism meliputi nama *Sarva* (pemanah), *Bhava* (elemen air), *Pasupati* (elemen api), *Isana* (elemen udara), *Bhima* (elemen zarah), *Rudra* (elemen matahari), *Maha Deva* (yang memberi kehidupan), *Ugra* (ketakutan) dan *Asani* (Pemusnah) & Hillary Rodrigues (1953). *Introducing Hinduism*. London: Routledge. h. 173

<sup>218</sup> Ia juga dikenali dengan enam maksud yang lain menurut Sayana iaitu : 1) yang mendatangkan kesedihan kerana kematian atau kemusnahan setelah menciptakan sesuatu; 2) yang mengelakkan kesedihan; 3) yang boleh diketahui melalui teks teks; 4) perkataan atau ilmu suci; 5) kegelapan dan pengabaian, dan 6) menangis pada tahap tertentu. Lihat R. K. Siddhantashastree (1975). *Op. Cit.* h. 5-6; Alain Danielou (1964). *Op. Cit.* h. 192

<sup>219</sup> *Taittiriya Brahmana*, III: 2: 4, *Satapatha Brahmana*, iii: 3: 1:10; vi: 1: 3: 10. Lihat B. Bhattacharya (1975). *Op. Cit.* h. 938

<sup>220</sup> *Mahabharata* XIII: 1141-7497. Lihat *Ibid.* h. 939

*Bhairava* iaitu Yang Memusnahkan,<sup>221</sup> *Mahesvara* iaitu Yang Mempunyai Pengetahuan,<sup>222</sup> *Kala* iaitu Yang Mengatur Masa<sup>223</sup> dan lain-lain lagi.

Mengenai nama yang melihatkan unsur ketigaan iaitu Brahma, Siva dan Vishnu juga merupakan nama yang memanifestasikan sifat ketuhanan yang utama iaitu Pencipta, Pemelihara dan Pemusnah. Ianya jelas merupakan nama tuhan yang dibezakan melalui pengenalan sifat masing-masing dan ia tidak dinafikan oleh agamawan Saivism. Terdapat juga beberapa sifat utama yang lain seperti yang dikumpulkan oleh Adi Sankara (seorang agamawan yang berpengaruh) sebagaimana keyakinan keseluruhan penganut Hindu iaitu Siva, Vishnu, Shakti, Surya, Murugan dan Vinayagar.

## 6.2 Nama Dewa dan Dewi Berkait Dengan Siva

Terdapat banyak nama yang dikaitkan dengan Siva dalam aliran Saivism. Antaranya ialah *Sakti*, *Ganesha*, *Kumaran*, *Murugan*, *Hanuman* dan lain-lain lagi. Ia merupakan nama yang diberikan kepada sifat-sifat yang dimiliki oleh Siva dan diyakini sebagai kuasa yang berpunca dari Siva dengan memetik ayat daripada *Veda* yang bermaksud :

*In whose one limbs all the gods, three and thirty in number, are affixed, tell me of that support – who may He be?*<sup>224</sup>

Walaubagaimanapun, nama-nama ini telah dipersonifikasikan bagi memudahkan kefahaman dan penghayatan penganutnya dan lebih dikenali sebagai dewa dan dewi. Ia juga telah dianggap sebagai isteri, anak dan pembantu Siva. Dewa *Sakti* dan *Ganesha* akan dihuraikan di sini kerana perkaitannya amat dekat dengan Siva dan hubungan tersebut ditanggapi sebagai isteri dan anak Siva. Dalam kalangan

---

<sup>221</sup> *Taittiriya Samhita* 6: 2: 3. Lihat Alain Danielou (1964). *Op. Cit.* h. 196,

<sup>222</sup> *Ibid.* h. 198; B. Bhattacharya (1975). *Op. Cit.* h. 940

<sup>223</sup> Alain Danielou (1964). *Op. Cit.* h. 200; B. Bhattacharya (1975). *Op. Cit.* h. 941

<sup>224</sup> *Atharvaveda* 10.7.13. 64

penganutnya juga ada yang menjadikan dewa dewi tersebut sebagai sembah utama selain Siva. Menurut M. Subramaniam, kebanyakan penganut menyembah dewa dan dewi tersebut kerana ritualnya dapat dilakukan dengan mudah berbanding penyembahan kepada Siva kerana dikhuatiri mendapat kecelakaan sekiranya terdapat kesalahan semasa melaksanakannya.<sup>225</sup>

Ritual penyembahan dan penghormatan yang ditujukan kepada dewa atau dewi tertentu dianggap penting dalam amalan keagamaan penganut Saivism. Mereka meyakini penyembahan terhadap dewa dewi tersebut harus menepati niat masing-masing dan sesuai pada masa yang tertentu seperti terdapat dewa yang khusus menjaga kawasan pertanian, gunung-ganang, fenomena alam, kebijaksanaan dan sebagainya. Walaubagaimanapun mereka tetap meyakini bahawa setiap amalan tersebut menjurus kepada Siva sebagai tuhan tertinggi kerana keyakinan yang meletakkan Siva setaraf dengan sesuatu yang lain dikatakan sebagai satu kesilapan dan merupakan satu dosa serta bersalah dengan keyakinan sebenar.<sup>226</sup> Siva akan dijadikan sebagai tujuan akhir bagi setiap amalan keagamaan kerana dianggap sebagai tuhan yang mutlak.

### 6.2.1 Dewi *Sakti*

*Sakti* ialah perkataan Sanskrit yang bermaksud tenaga atau kuasa.<sup>227</sup> Bagi penganut aliran Saivism, *Sakti* diyakini merupakan sifat tuhan Siva yang digambarkan sebagai wanita kerana sesuatu kejadian atau kewujudan amat signifikan dengan diri wanita. *Dewi Sakti* diberikan pelbagai gelaran atau nama-nama yang lain seperti *Dewi Uma*,

---

<sup>225</sup> Manimaran Subramaniam (1996). *Op. Cit.* h. 137

<sup>226</sup> *Tiruvacakam*: 4. Lihat K. Sivaraman (1973). *Op. Cit.* h. 47

<sup>227</sup> W. T. Elmore (1995). *Op. Cit.* h. 34

*Bhavani, Durga, Kali, Parvati, Mariyamman, Gangamma* dan *Mariyattal*.<sup>228</sup>

Kepelbagaiannya ini kebanyakannya terdapat di dalam epik *Ramayana* dan *Mahabharata*.<sup>229</sup> Melalui epik tersebut juga, kewujudan dewi tersebut telah melahirkan dewi yang lain seperti *Dewi Laksmi* dan *Sarasvati*. *Sakti* merupakan elemen kekuasaan bagi Siva dengan diberikan gelaran tertentu seperti Tuhan Gunung dan Dewi Pemusnah. Ia telah dianggap isteri Siva dan ibu bagi seluruh alam yang menjadi punca bagi segala kewujudan, memberikan kebahagian, memakbulkan hajat dan lain-lain lagi.<sup>230</sup> Oleh kerana itu, dewi turut dipersonafikasikan dengan pelbagai rupa dan gambaran seperti wanita yang digandingkan bersama Siva, wanita yang memegang bunga kiambang, menunggang singa, memegang senjata dan memakai perhiasan dari bulu merak.

### 6.2.2 Dewa *Ganesha*

*Ganesha* juga dikenali sebagai *Ganapati*. *Gana* secara literal bermaksud kategori manakala *Ganapati* pula bermaksud dewa yang menguasai setiap kategori sesuatu perkara.<sup>231</sup> Keyakinan terhadap *Dewa Ganesha* bersumberkan teks *Rigveda* dan terdapat juga *Upanishad* yang khusus untuknya iaitu *Ganapati Upanishad*.<sup>232</sup> Dewa ini boleh dikenali melalui bentuk tubuh badannya yang unik iaitu antaranya berkepala gajah,

---

<sup>228</sup> L. S. S. O’ Malley (1935). *Op. Cit.* h. 5; Manimaran Subramaniam (1996). *Op. Cit.* h. 109. *Mariyamman, Gangamma* dan *Mariyattal* merupakan nama bagi *Durga* menurut kepercayaan masyarakat *Dravidia*. Lihat Sukumari Bhattacharya (2000). *The Indian Theogony: Brahma, Visnu & Siva*. India: Penguin Book. h. 167

<sup>229</sup> *Ibid.* h. 158-177

<sup>230</sup> *Ibid.* h. 160

<sup>231</sup> Alain Danielou (1964). *Op. Cit.* h. 291. Gelaran dalam bahasa Tamil ialah *Pillaiyar* iaitu Yang Dihormati dan Anak Mulia. Shakuntala Jagannathan (1992). *Ganesha, The Auspicious... the Beginning*. Bombay: Vakils, Feffer & Simons Ltd. h. 5

<sup>232</sup> “O Lord of Categories, thou art the lord, the seers, unrivaled in wealth, king of elders, lord of the principle of principles. Hear us and take thy place, bringing with thee all enjoyments.” *Rigveda* 2: 3: 1. Lihat Alain Danielou (1964). *Op. Cit.* h. 291; Shakuntala Jagannathan (1992). *Op. Cit.* h. 11

bertangan empat dan menunggang tikus besar.<sup>233</sup> Terdapat beberapa lagenda tentang kemunculannya, antaranya ialah *Ganapati* lahir melalui *Parvati* untuk melindunginya tetapi kalah dalam pertempuran dan kemudian Siva telah menggantikan kepalanya yang dipancung dengan kepala gajah. Secara simboliknya, penyatuan tubuh tersebut diyakini sebagai suatu kesatuan di antara zat yang kecil dan besar.<sup>234</sup> Dari sudut ritual keagamaan, *Ganapati* dipuja bertujuan mendapatkan petunjuk untuk sampai kepada tuhan Siva.<sup>235</sup> Ia juga diyakini mampu mengelakkan manusia dari sebarang halangan.<sup>236</sup>

Terdapat teks khusus yang menerangkan sifat *Ganapati* iaitu:

*He has one tusk and four arms, two of His hand hold a noose and a hook, while the other hand show the gestures of removing fear and granting boon. A mouse has seen in his flag, Red, Obese. He has ears like winnowing baskets; he has dressed in red, with limbs painted with red sandalpaste.*"<sup>237</sup>

Dapat diketahui bahawa personifikasi sifat-sifat yang terdapat pada dewa dewi tersebut telah menghasilkan variasi kisah lagenda terutamanya mengenai perlawanan dan pertolongan yang wujud dalam pertempuran-pertempuran tertentu. Berdasarkan sifat-sifat yang ada pada setiap dewa dan dewi tersebut dapat memudahkan penganutnya memahami kesempurnaan Siva.

---

<sup>233</sup> Terdapat juga pelbagai bentuk gambaran lain terhadap *Ganesha* seperti bertangan melebihi empat, berkepala banyak, duduk bersama pasangannya dan lain-lain lagi. Lihat *Ibid.* h.70-82. Dewa *Ganesha* juga mempunyai simbol-simbol tertentu bagi memudahkan pemujaan oleh penganutnya seperti anak panah, hidung gajah, mangkuk dan lain-lain lagi. lihat *Ibid.* h. 83

<sup>234</sup> Alain Danielou (1964). *Op. Cit.* h. 293

<sup>235</sup> B. Bhattacharya (1975). *Op. Cit.* h. 820

<sup>236</sup> Alain Danielou (1964). *Op. Cit.* h. 294

<sup>237</sup> *Ganapati Upanishad* 11, 12, 295

## 7. Monoteisme Dalam Ritual Penyembahan<sup>238</sup>

Setelah persoalan berkaitan konsep ketuhanan dijelaskan, penganut Saivism juga dititikberatkan agar melaksanakan penyembahan kepada tuhan. Ia merupakan amalan yang dilaksanakan sama ada secara bersendirian atau berkumpulan. Setiap amalan yang dilaksanakan bersandarkan kepada teks-teks sebagaimana yang telah dijelaskan walaupun ritual tersebut tidak terdapat di dalam teks *Veda*. Konsep ritual penyembahan menurut ajaran Saivism berlainan dengan tradisi aliran lain. Ia mempunyai objek penyembahan yang khusus seperti *Linga* dan patung Siva. Amalan penganutnya sehingga kini yang menyembah pelbagai bentuk tuhan juga dilihat amat penting bagi memahami kefahaman penganutnya terhadap konsep monoteisme. Walaupun dari sudut praktikal seringkali dilihat menyembah pelbagai bentuk, mereka memahami dan meyakini bahawa ia merupakan penyembahan yang ditujukan kepada tuhan Siva sahaja.<sup>239</sup> Terdapat kefahaman dan falsafah tertentu di sebalik penyembahan tersebut yang akan dijelaskan kerana mereka menafikan menyembah berhala semata-mata<sup>240</sup> dan mempertahankan bahawa penyembahan dalam bentuk-bentuk simbol tertentu merupakan suatu usaha mencapai imaginasi tertinggi.<sup>241</sup>

Lebih khusus lagi, terdapat perbezaan kefahaman dalam amalan penyembahan. Ia berkait rapat dengan konsep *Marga* yang menyebabkan terdapat pengkaji yang

---

<sup>238</sup> Huraian mengenai ritual penyembahan menurut aliran Saivism akan ditumpukan terhadap penyembahan yang ditujukan terhadap tuhan Siva sahaja, manakala perayaan yang diraikan oleh penganutnya tidak termasuk dalam kajian penulis kerana ia dilakukan pada hari tertentu sahaja dan kebanyakan perayaan ditujukan kepada dewa-dewi tertentu seperti Dewa Murugan, Dewa Lakshmi dan lain-lain lagi.

<sup>239</sup> Bagi penganut yang memfokuskan penyembahan kepada dewa lain seperti *Ganapati* atau *Sakti* dan seterusnya menganggap dewa dewi tersebut sebagai tuhan yang utama tetapi dikategorikan dalam aliran Saivism kerana penyembahan ditujukan kepada tuhan-tuhan yang mempunyai hubungan dengan Siva.

<sup>240</sup> T. M. P. Mahadevan (1984). *Op. Cit.* h. 46. Tuhan diinterpretasikan wujud dalam dua bentuk iaitu roh yang tidak berjasad dan bentuk yang dicipta manusia. R. K. Siddhantashastree (1975). *Op. Cit.* h. 117

<sup>241</sup> B. Bhattacharya (1975). *Op. Cit.* h. 879 & 955-957

membahagikan kepada dua asas pemahaman iaitu penganut yang berintelek dan bukan intelek.<sup>242</sup> Para agamawan pula dilihat berbeza dengan penganut biasa kerana agamawan bertindak menyatukan penyembahan sebaliknya penganut biasa hanya memfokuskan penyembahan kepada satu-satu bentuk tuhan.<sup>243</sup> Bertitik tolak daripada perkara tersebut juga, terdapatnya pembahagian penyembahan penganutnya kepada tuhan major dan tuhan minor dan ada juga pengkaji menyebutnya sebagai dewa major dan dewa minor. Namun demikian, wujud pengiktirafan terhadap tahap-tahap yang berbeza dalam kalangan penganutnya untuk memahami konsep ketuhanan dan ia membolehkan setiap amalan atau ritual keagamaan yang berlainan kekal berterusan.<sup>244</sup>

Perbezaan dalam ritual penyembahan telah sebatи bagi penganutnya kerana bebas dengan pilihan masing-masing. Ia mungkin disebabkan oleh faktor latar belakang keturunan, kawasan tempat tinggal, kefahaman terhadap jalan-jalan yang berbeza dan sebagainya.<sup>245</sup> Praktikalnya, penyembahan dianggap sebagai ritual yang penting diterima untuk mendekatkan diri dengan tuhan di samping ritual lain dalam agama Hindu. Teks *Siva-purana* menjelaskan ritual penyembahan simbol Siva dan perkaitannya dengan ritual lain yang wujud.

---

<sup>242</sup> Lihat L. S. S. O'Malley (1935). *Op. Cit.* h. 7

<sup>243</sup> B. Bhattacharya membahagikan keagamaan penganut kepada tiga kelas iaitu pertama yang didominasi oleh akal rasional dan keintelektualan iaitu golongan yang dapat menanggapi persoalan dan hubungan dengan ketuhanan berdasarkan hujah-hujah; kedua, emosi menjadi keutamaan iaitu golongan yang menuruti dan merasa cukup dengan penyembahan yang dilaksanakan; dan ketiga, di dorong oleh kuasa dalaman yang dapat menggabungkan kedua-dua kekuatan di atas. Lihat. B. Bhattacharya (1975). *Op. Cit.* h. 566

<sup>244</sup> “Real conversation is vertical-i.e., from the lower to the higher conception of god, and not horizontal-i.e., from one formal faith to another.” Lihat T. M. P. Mahadevan (1984). *Op. Cit.* h. 20. Juga dinyatakan oleh Dr. N. S. Rajendran. Temubual pada 1 Ogos 2011; En. R. Kanagaratman. Temubual pada 11 Ogos 2011 & Dr. Balrama Applanaidu. Temubual pada 11 November 2010

<sup>245</sup> “A man must have a choosen deity, but he must also honor the family deity, the village deity, the village angel, the village genie (naga), on the prescribed occasions.” (Vijayananda Tripathi, “*Devata Tattva*,” Sanmarga, iii, 1942.) Lihat Alain Danielou (1964). *Op. Cit.* h. 370

*“The highest state is the natural realization and contemplation, the second in rank is meditation and contemplation, the third is the worship of symbols which are reminders of the Supreme and the fourth is the performance of ritual and pilgrimages to sacred place.”*<sup>246</sup>

Kewujudan bentuk-bentuk penyembahan Hindu dan perkembangannya melalui tempoh sejarah yang panjang.<sup>247</sup> Terdapat dua bentuk ritual penyembahan sepanjang perkembangan agama Hindu. Pada zaman *Veda*, penyembahan dilaksanakan dalam bentuk serahan pengorbanan termasuklah kaedah *mantra* dan *yantra*. Pada zaman ini juga dikatakan tidak wujud kuil dan penyembahan simbol khusus.<sup>248</sup> Seterusnya, mulai zaman *Agama* hingga kini, wujud pula penyembahan yang dilakukan di hadapan objek tertentu seperti simbol-simbol khusus tuhan, patung atau berhala.<sup>249</sup> Penyembahan terhadap Siva dilaksanakan dalam beberapa kaedah<sup>250</sup> antaranya ialah menggunakan *mantra* iaitu simbol dalam bentuk kalimah suci; kedua penggunaan *yantra* iaitu diagram geometri; ketiga dan keempat dalam bentuk objek iaitu penyembahan bentuk *Murti* iaitu simbol atau bentuk-bentuk tertentu dan penyembahan bentuk patung-patung yang diberikan gambaran tertentu seperti manusia atau haiwan dengan menambah bilangan anggota tubuhnya.

## 7.1 Objek Sebagai Gambaran Siva Dalam Ritual Penyembahan

Permulaan idea mengenai objek sembahannya dikatakan terdapat di dalam teks *Purana* manakala melalui teks *Agama* terdapat susunan dan disiplin melaksanakan ritual

---

<sup>246</sup> T. M. P. Mahadevan (1984). *Ibid.* h. 48. Juga lihat Alain Danielou (1964). *Op. Cit* h. 372

<sup>247</sup> R. K. Siddhantashastree (1975). *Op. Cit.* h. 49.

<sup>248</sup> Pranab Bandyopadyay (1995). *Op. Cit.* h. 46

<sup>249</sup> T. M. P. Mahadevan (1984). *Op. Cit.* h. 46.

<sup>250</sup> Alain Danielou (1964). *Op. Cit.* h. 213. Contoh bagi *murti* ialah *lingga* atau *phallus*, *mantra* seperti kalimah *AUM*, patung-patung seperti Siva berwajah tiga atau bertangan empat manakala *yantra* seperti lambang *svastika* atau *swastika*.

penyembahan terhadapnya.<sup>251</sup> Sebagaimana tercatat di dalam teks *Purana* seperti yang telah diuraian sebelum ini dapat menjelaskan mengenai sumber asas kewujudan pelbagai simbol Siva. Objek yang menjadi sembahannya dianggap suatu ilham yang disampaikan oleh tuhan menurut pilihan hambanya untuk mengenali dan menyembahnya.<sup>252</sup> Ia diperkenalkan oleh guru atau individu yang telah melalui pengalaman sampai kepada pengetahuan tentang tuhan dan telah merasainya kemudian menjadi ikutan penganut yang lain.<sup>253</sup> Oleh kerana itu juga telah wujud pelbagai bentuk dan simbol dalam keagamaan. Prof R. K. Siddhantashastree telah mengumpulkan pelbagai nama-nama yang ditujukan kepada Siva sama ada dalam bentuk simbol-simbol atau rupa tertentu.<sup>254</sup>

Objek tuhan yang dicipta diyakini penganut Saivism meliputi dua aspek iaitu material dan spiritual. Aspek material sebagaimana yang diukir dan dibentukkan oleh manusia manakala aspek spiritual iaitu aspek yang utama merupakan roh sebenar yang wujud di dalam setiap simbol.<sup>255</sup> Dari aspek material, objek tersebut dibina dengan diselaraskan sesuai dengan sifat-sifat tuhan. Terdapat banyak patung dibuat dengan batuan yang keras atau bahan-bahan yang mampu bertahan lama dan kukuh supaya sesuai dengan sifat tuhan tersebut.<sup>256</sup> Ia mempunyai kaitan dengan kepercayaan wujudnya unsur anthropomorphisme untuk memahami bentuk kewujudan tuhan.<sup>257</sup> Ia pula terbahagi kepada dua jenis iaitu yang pertama berbentuk *zoomorphic* di mana

---

<sup>251</sup> T. M. P Mahadevan (1984). *Op. Cit.* h. 46

<sup>252</sup> R. K. Siddhantashastree (1975). *Op. Cit.* h. 117

<sup>253</sup> *Ibid.* h. 119

<sup>254</sup> *Ibid.* h. 70 - 84

<sup>255</sup> *Ibid.* h. 118

<sup>256</sup> L. S. S. O'Malley (1935). *Op. Cit.* h. 25

<sup>257</sup> *Ibid.* h. 93-99

terdapat sebahagian anggota tubuh binatang dalam patung manusia dan yang kedua tubuh badan manusia yang digandakan bilangan muka, mata, tangan atau kakinya.<sup>258</sup> Pada bentuk tersebut juga mempunyai pengenalan khusus seperti berbadan biru, memakai kulit harimau, memakai rantai dan lain-lain lagi. Kepelbagaiannya ini dibuat bagi menonjolkan sifat-sifat yang dimiliki oleh Siva sebagai pemusnah, pencipta, pendengar dan pelbagai lagi.

## 7.2 Falsafah dan Tujuan Ritual Penyembahan Siva

Sebagai penegasan, simbol dan bentuk Siva difahami wujud dalam dua aspek menurut Saivism iaitu aspek material sebagaimana yang dapat ditanggapi oleh pancaindera dan aspek spiritual iaitu suatu yang sampai kepada akal melalui falsafahnya yang tersendiri. Ia telah dihuraikan oleh para ilmuwan Saivism bahawa simbol tersebut bertujuan memandu manusia kepada hakikat ketuhanan. Ringkasnya menurut B. Bhattacharya ialah “*it is Liberation through Realisation.*”<sup>259</sup> Bentuk-bentuk gambaran ketuhanan yang wujud dalam tradisi Saivism merupakan suatu usaha penting yang diwujudkan dalam tradisinya bagi memudahkan penganutnya mengenali tuhan dan dapat mengukuhkan keyakinan mereka. Seolah-olah ia dapat memberikan gambaran bentuk tuhan terutamanya kepada anak-anak kecil.<sup>260</sup>

*Weaker mind could easily fix their attention in meditation when using a Linga-form...Real worship, however, could never be offered to image form.*<sup>261</sup>

---

<sup>258</sup> Siva, sama ada ukiran patung atau gambar dibuat dalam pelbagai bentuk seperti tubuh badan Siva yang mempunyai elemen lelaki dan wanita, patung Siva dan *Sakti* bersama, Siva sedang menari, melakukan yoga dan pelbagai lagi. Lihat B. Bhattacharya (1975). *Op. Cit.* h. 892 & 946-962

<sup>259</sup> *Ibid.* h. 913

<sup>260</sup> T. M. P. Mahadevan (1984). *Op. Cit.* h. 46

<sup>261</sup> *Yoga Vasista, Nirvana* 1. Lihat B. Bhattacharya (1975). *Op. Cit.* h. 630

Selain itu, tujuan diwujudkan objek penyembahan juga bagi membolehkan penyembahan dapat dilakukan secara terfokus, terarah dan mendapat konsentrasi kepada sifat-sifat tuhan yang dituju.<sup>262</sup> Signifikannya, penganut yang melakukan sembah dapat ditujukan kepada tuhan yang khusus, bagi yang melaksanakan *yoga* dapat memfokuskan gambaran tuhan pada akal dan begitulah seterusnya jalan yang lain.

Terdapat pelbagai tujuan untuk sampai kepada tuhan di samping ritual penyembahan yang berbeza kerana ia dapat menentukan titik akhir ritual-ritual tersebut. Siva disembah bagi mendapatkan *mokhsa*. Mereka juga mengharapkan agar mendapat sebarang anugerah sebagai timbal balik penyerahan diri kepada tuhan. Ia juga bagi mendapatkan penyelamatan terutamanya dari bencana dan kejahatan dan mencapai *mukti* (pembebasan roh).<sup>263</sup> Perkara yang lebih utama ialah penganutnya diseru agar menyembah Siva atau sebarang simbolnya bagi mengelakkan kelahiran semula dalam bentuk yang tidak diingini.<sup>264</sup> Mereka berusaha melaksanakan sebarang ritual bagi mencapai tujuan-tujuan tersebut. Ada yang berusaha untuk mencapai pembebasan roh walaupun dalam masa yang singkat ketika melakukan ritual penyembahan sehingga mencapai ke tahap menyamai ketuhanan Siva.<sup>265</sup> Terdapat juga amalan *diksa* contohnya dilakukan bagi memusnahkan ikatan yang bersifat kebinatangan dalam diri manusia.<sup>266</sup>

---

<sup>262</sup> R. K. Siddhantashastree (1975). *Op. Cit.* h. 118

<sup>263</sup> Klaus K. Klostermaier (2000). *Op. Cit.* h. 177. Terdapat penyembahan yang dilakukan terhadap Dewa dan Dewi minor dikawasan tertentu seperti pergunungan dan lading pertanian bertujuan mengharapkan sumber rezeki yang banyak dan keselamatan dari ditimpa bencana yang diturunkan oleh tuhan yang disembah. Lihat L. S. S. O'Malley (1935). *Op. Cit.* h. 35

<sup>264</sup> R. K. Siddhantashastree (1975). *Op. Cit.* h. 87

<sup>265</sup> Richard H. Davis (t.t.). *Worshiping Śiva in Medieval India: Ritual in an Oscillating Universe*. India: Nanendra Prakash Jain. h. 83

<sup>266</sup> T. M. P. Mahadevan (1984). *Op. Cit.* h. 200

Terdapat penyembahan yang dilakukan di hadapan dewa dewi yang berlainan berdasarkan nama yang berkaitan dengan Siva selain daripadanya seperti Dewa Ganesha, Dewi Sakti. Ia juga bergantung kepada keperluan penganutnya selain ikutan amalan tradisi turun-temurun. Dewa *Ganesha* disembah untuk memperolehi ilmu pengetahuan manakala Dewi *Shakti* disembah bagi mendapatkan keselamatan terutama di kawasan gunung-ganang. Oleh kerana itu, amalan penyembahan yang dilakukan di hadapan dewa dewi tersebut berbeza antara satu sama lain. Amalan yang dilaksanakan di hadapan Siva contohnya mengkehendaki penganutnya berniat sebagaimana berikut:

*Let him always meditate on the mighty Lord whose body is a white as a silver mountain, whose head jewel is a beautiful crescent, whose lims are refulgent as if adorned with gems and who holds in his two hands an axe, and an antelope, and whose other two hands shower boon and protection (on his votaries.) who is seated in the lotus posture and who is on all sides surrounded by o host of immortals, who chant his praises and whose dress is the skin of tiger, who is the beginning of the universe and its seed, who is destroyer of manifold fears, who is five faced and has three eyes.<sup>267</sup>*

Amalan kepada *Ganesha* pula seperti berikut:

*I salute Ganesa, the son of Parvati, the giver of success in all undertakings, who is short stture, stout body, elephantface, Proutubrant belly, and is beautifull; whose checks are surrounded by swarms of bees attracted by the sweet-scented exudation from his temples; the blood of his enemies pierced by him tusks adds the magnificent vermillion color to his forehead.<sup>268</sup>*

### 7.3 Bentuk Penyembahan

Penyembahan yang dikhkususkan kepada tuhan dipanggil *pooja/puja* dilakukan di hadapan bentuk atau simbol tertentu melalui upacara khusus seolah-olah melayannya

---

<sup>267</sup> Srisa Chandra Vidyarnava (1991). *The Daily Practice of the Hindus*. New Delhi: Munshiram Manoharlal Publishers Pvt. Ltd. h. 147

<sup>268</sup> *Ibid.* h. 143

sebagai orang yang dikasihi dan dihormati kerana meyakini terdapat roh tuhan atau dewa-dewi padanya. Bentuk-bentuk tuhan tersebut walaupun sekadar memberi gambaran dan personaliti ketuhanan, ia tetap dilayan, disembah dan diurus dengan jagaan yang amat sempurna. Malah, ia juga dilayan seolah-olah sifat material tersebut hidup.<sup>269</sup> Ritual yang dilaksanakan ke atas berhala-berhala atau patung juga bertujuan menyucikannya.

Konsep penyembahan lebih berbentuk individu iaitu masing-masing melaksanakan untuk diri sendiri. Walaupun terdapat kuil-kuil atau tempat penyembahan tertentu, ia merupakan rumah suci bagi tuhan, dewa atau dewi.<sup>270</sup> Keseluruhan penganutnya akan melaksanakan ritual tersebut di rumah atau di tempat-tempat yang mudah bagi mereka manakala kuil akan didatangi pada hari tertentu atau untuk menunaikan hajat yang besar. Menurut Dr. Balrama Applanaidu, kuil juga menjadi tempat menghubungkan penganut-penganut dalam satu keyakinan.<sup>271</sup> Pemujaan yang dilaksanakan di kuil atau tempat suci disempurnakan oleh orang yang berpengetahuan agama di sisi mereka.<sup>272</sup> Antara peralatan yang diperlukan untuk sesi pemujaan tersebut termasuklah air, api, udara, kemenyan dan yang paling penting ialah objek pemujaan kepada Siva.<sup>273</sup> Pemujaan dilaksanakan dengan pelbagai cara bergantung kepada tujuan

---

<sup>269</sup> Ritual tersebut bermula dari pagi dinihari dengan melakukan pemandian dan memberi makanan sehingga malam dengan mengaspakkannya. Lihat L. S. S. O'Malley (1935). *Op. Cit.* h. 95. Terdapat juga lagenda mengenai patung *Dewa Ganesha* yang meminum susu dibukukan. Lihat Satguru Sivaya Subramuniyaswami (1997). *Saivite Hindu Religion 2*. Kuala Lumpur: Uma Publication.h. 12

<sup>270</sup> Tempat penyembahan merupakan tempat suci kerana menempatkan bentuk atau simbol bagi tuhan, dewa dan dewi. Ia tidak seperti rumah ibadah agama lain seperti Islam atau Kristian. Malah, pemujaan yang dilaksanakan di kuil memakan belanja besar menyebabkan golongan rendah tidak mampu melakukannya. Lihat L. S. S. O'Malley (1935). *Op. Cit.* h. 93, 104 & 105

<sup>271</sup> Dr. Balrama Applanaidu, Pensyarah di Universiti Nottingham. Temuramah pada 11 November 2011

<sup>272</sup> Jika penganutnya mempunyai hajat tertentu seperti ingin mendapatkan anak, dijauhkan dari bala dan sebagainya, pemujaan dan penyerahan korban akan dilakukan oleh agamawan manakala pengaruh tersebut hanya akan meniatkan hajatnya sehingga upacara penyerahan selesai. Lihat *Ibid.* h. 98

<sup>273</sup> B. Bhattacharya (1975). *Op. Cit.* h. 962-963

penganutnya. Terdapat pemujaan yang mempersesembahkan korban binatang sebagai tanda penyerahan.<sup>274</sup> Terdapat juga pemujaan dengan memberikan makanan yang diletakkan di hadapan objek sembahana. Kebiasaannya, pemujaan yang dilakukan secara rutin harian adalah dengan melayan objek sembahana sebaiknya dari menyedarkannya sehingga menyucikannya.

Ritual penyembahan haruslah melalui beberapa tahap iaitu dimulakan dengan *atmapuja* (*worshipping the self*) iaitu *sadhaka* (orang yang menguruskan ritual) akan meminta *Devata* menjelma dalam dirinya sendiri. Kemudian dilakukan pula *prana-pratistha* (*life-infusing ceremony*) iaitu setelah dirasai roh *Devata* menyerap ke dalam dirinya, *sadhaka* berusaha menjelmakan roh *Devata* tersebut ke dalam objek sembahana dan seterusnya objek tersebut akan diurus dengan sempurna sehingga *sadhaka* juga akan turut merasainya.<sup>275</sup>

## 8. Kesimpulan

Konsep monotesme menurut aliran Saivisme bersifat kompleks. Di samping konsep ketuhanan sebagaimana yang terdapat di dalam teks utama Hindu seperti *Veda*, *Upanishad* dan lain-lain lagi, ia juga turut disertai dengan idea, pemikiran dan falsafah yang berkembang. Wujud ajaran yang dibawa oleh para ilmuwan dan agamawan berdasarkan kefahaman masing-masing sehingga menghasilkan pelbagai pentafsiran dan ia dihuraikan melalui teks yang dinamakan *Agama*. Ia juga telah mewujudkan

---

<sup>274</sup> L. S. S. O'Malley (1935). *Op. Cit.* h. 94

<sup>275</sup> *Ibid.* h. 887. Aturan *pooja* ialah dengan melaksanakan beberapa perkara iaitu *avahana* (memanggil roh), *asana* (meyediakan tempat duduk), *padya* (membasuh kaki), *arghya* (mempersesembahkan beras sebagai penghormatan), *upavita* (meletakkan benang pada berhalu), *candana* (menyapu wangian), *puspa* (meletakkan bunga), *dhupa* (membakar kemenyan), *dipa* (menghulurkan nyalaan api), *naivedya* (mempersesembahkan makanan), *tambula* (member betel), *nirajana* (meletakkan kapur barus), *suvarna-puspa* (memberi hadiah) dan *visarjana* (ucapan perpisahan). Lihat T. M. P. Mahadevan (1984). *Ibid.* h. 49 & Swami Parmeshwaranand (2004). *Encyclopaedia of the Śaivism*. Sarup & Son: New Delhi. h. 270

pelbagai pendekatan untuk sampai kepada tuhan dan cara ritual penyembahan. Namun, perbezaan tersebut diterima sebagai suatu kepelbagaian dalam beragama dan kekuatan dalam agamanya.

Mereka meyakini konsep monoteisme iaitu tuhan wujud satu secara mutlak dan ia adalah Siva. Sifat-sifatnya telah mewujudkan entiti yang lain yang dinamakan dewa dan dewi. Keyakinan terhadapnya bahawa ia wujud dalam dua keadaan iaitu yang tidak berbentuk dan juga berbentuk telah mewujudkan penyembahan dalam bentuk lain seperti gambar, ikon dan simbol tertentu. Mereka juga tidak menolak kepelbagaian bentuk tersebut sebagai alat untuk sampai kepada tuhan. Keyakinan ini menyebabkan pelbagai tafsiran dibuat oleh pengkaji agama kerana konsep monoteisme yang diyakini berbeza dengan keyakinan agama lain dari sudut prinsip dan amalan. Dalam bab seterusnya, pengkaji akan mengupas keyakinan tersebut dengan menganalisisnya dari perspektif Islam.

## **BAB 4**

### **ANALISIS KONSEP MONOTEISME DALAM ALIRAN SAIVISME MENURUT PERSPEKTIF ISLAM**

#### **1. Pengenalan**

Keyakinan terhadap tuhan merupakan perkara asas dalam agama. Oleh kerana itu, ajaran Islam amat menekankan kefahaman yang benar tentang hakikat ketuhanan. Allah telah memberikan petunjuk dan panduan kepada manusia untuk memahami dan meyakini konsep ketuhanan melalui pelbagai cara antaranya melalui ayat-ayat al-Qur'an, perutusan para rasul, kelebihan yang diberikan kepada manusia seperti akal dan pancaindera, penciptaan makhluk-makhluk lain yang ada di sekeliling manusia dan susunan kejadian alam yang lengkap. Ajaran Islam terbukti sesuai dengan fitrah kejadian manusia untuk memahami konsep ketuhanan dengan sempurna.

Dalam tradisi Islam, terdapat ilmuwan yang masyhur mengkaji dan menerbitkan karya khusus mengenai Hindu antaranya al-Biruni melalui karyanya *Kitāb al-Hind* dan terdapat juga beberapa tokoh lain yang menulis mengenai agama-agama di dunia turut menghuraikan mengenai agama Hindu di dalam karya mereka seperti yang dilakukan oleh Imam al-Syahrastani (w. 845H) dalam karyanya *Al-Milāl wa al-Nihāl*, Ahmad Syalabi dalam karyanya *Adyān al-Hind al-Kubra* dan lain-lain lagi.<sup>276</sup> Mereka telah menghuraikannya berdasarkan klasifikasi yang sistematik menurut pandangan masing-masing yang dapat menggambarkan hasil pemerhatian terhadap penganut agama Hindu.

---

<sup>276</sup> Lihat dalam Hilman Latief (2006), *Comparative Religion in Medieval Muslim Literature* dlm *The American Journal of Islamic Social Science* Vol. 23: 4. USA: American Muslim Social Scientist. h. 31 & Abi Ahmad Muhamad Diya' al-Din al-Rahman al-A'zomi (2008). *Dirāsah fī al-Yahūdiyyah wa al-Masihiyyah wa Adyān al-Hind*. Tab'ah al-Rābi'ah. Riyadh: Maktabah al-Rusyd. h. 28

Karya mereka juga telah banyak diulas dan dialih bahasa ke dalam bahasa-bahasa lain seperti yang dilakukan oleh Edward Sachau<sup>277</sup> dan lain-lain lagi.

Keyakinan para penganut Hindu khususnya aliran Saivism walaupun sarat dengan pelbagai konsep tetapi telah dihuraikan oleh para agamawannya secara menyeluruh. Mereka mengakui bahawa keyakinan terhadap tuhan yang satu harus dimiliki oleh setiap penganutnya walaupun berbeza taraf kehidupan dan tahap pemikiran. Walaupun terdapat ramai pengkaji yang menyatakan terdapat pelbagai kefahaman mengenai persoalan ketuhanan dalam ajaran Hindu, para penganutnya tetap menegaskan ia merupakan suatu bentuk kesatuan.

Oleh yang demikian, penulisan dalam bahagian ini merupakan analisis terhadap kepercayaan monoteisme yang diyakini penganut aliran Saivism menurut perspektif Islam. Bagi menilai doktrin monoteisme Saivism, kajian ini memfokuskan analisis kepada beberapa perkara utama yang membentuk keyakinan tersebut berdasarkan huraian di bahagian sebelum ini. Pertama, analisis mengenai kerangka kefahaman konsep monoteisme dalam Saivism; kedua, mengenai nama dan sifat tuhan yang diyakini merujuk kepada Siva dan ketiga, mengenai amalan keagamaan yang dilakukan oleh penganut Saivism yang menjadikan konsep monoteisme yang diyakini oleh mereka berbeza dengan ajaran agama lain.

## 2. Konsep Monoteisme Saivism: Analisis Menurut Perspektif Islam

Aliran Saivism ditampilkan sebagai sebuah ajaran agama yang menekankan konsep monoteisme dengan merujuk kepada teks agamanya yang pelbagai. Ajaran-ajarannya yang menanam keyakinan bahawa Siva adalah tuhan yang mutlak turut diiringi dengan

---

<sup>277</sup> Edward C. Sachau (1910). *AlBeruni's India*. London: Kegan Paul, Trench, Trubner & Co. Ltd.

pelbagai konsep lain seperti konsep roh ketuhanan, hubungan tuhan dengan manusia dan lain-lain lagi. Penjelasan mengenai konsep ketuhanan ini berbeza sama sekali dengan ajaran Islam walaupun ajaran Saivism turut menekankan kepercayaan kepada tuhan yang satu.

Analisis mengenai konsep monoteisme dalam Saivism menurut perspektif Islam amat relevan. Perkara ini dapat dijelaskan melalui justifikasi yang dapat dilihat berdasarkan beberapa aspek yang terdapat dalam sumber ajaran Islam di samping huraian dan penegasan yang dapat dikaitkan dengan ajaran dan amalan yang terdapat dalam aliran Saivism.

Merujuk pada zaman permulaan Islam dibawa oleh Rasulullah S.A.W., ajaran baginda tersebar ketika agama-agama lain telah wujud di alam ini termasuklah Hindu, Yahudi, Kristian, Zoroaster dan lain-lain lagi. Namun demikian, ajaran tauhid yang menjadi teras dalam agama Islam bukan satu perkara baru yang dibawa oleh Rasulullah S.A.W. kerana ia merupakan ajaran yang berkesinambungan daripada nabi-nabi sebelumnya yang juga menerima wahyu daripada Allah.<sup>278</sup> Berdasarkan penegasan yang terdapat di dalam al-Qur'an, Allah telah menanamkan keyakinan ke dalam diri manusia tentang keesaanNya sejak manusia pertama dicipta iaitu Nabi Adam A.S.<sup>279</sup> dan keyakinan tersebut berterusan melalui ajaran nabi selepasnya yang berpaksi kepada kesatuan *millah hanif*. Ketika Islam diwahyukan kepada nabi Muhammad S.A.W., masyarakatnya telah lama mengamalkan penyembahan patung-patung, menyembah

---

<sup>278</sup> Surah al-Anbiya''(21): 25; al-Nisa''(4): 163

<sup>279</sup> Keyakinan terhadap asal kejadian manusia daripada kejadian yang satu sebagaimana penjelasan dan bukti-bukti yang telah diturunkan Allah amat perlu bagi membentuk kefahaman akan hakikat penciptaan manusia di muka bumi ini seterusnya mengukuhkan keimanan kepada tuhan yang sebenar iaitu Allah S.W.T. Kesatuan penciptaan ini dapat dirujuk melalui firman Allah S.W.T. iaitu surah al-Baqarah (2): 213; al-Nisa''(4): 1; al-Mu'minun (23): 52 & al-Anbiya''(21): 52

nama-nama tertentu seperti al-Latta, al-,Uzza dan Manah yang dianggap sebagai anak tuhan serta pelbagai bentuk penyembahan lagi seperti yang diceritakan di dalam al-Qur'an.<sup>280</sup> Menurut Al-Tabari sebagaimana dihuraikan dalam karyanya *Tarikh al-Rusul wa al-Muluk*, kewujudan amalan penyembahan telah wujud sejak zaman di antara zaman selepas kewafatan Nabi Adam A. S. dengan zaman dakwah Nabi Nuh A. S. Huraian beliau juga merujuk kepada penjelasan Allah yang terdapat dalam al-Qur'an. Al-Tabari juga menamakan zaman ini sebagai zaman pertama berlakunya kekufuran kepada Allah S.W.T. (*millah wāhidah min al-kufr*).<sup>281</sup> Amalannya jelas tidak jauh berbeza dengan tradisi yang wujud dalam aliran Saivism. Ajaran Islam pula yang diwahyukan kepada Nabi Muhammad S.A.W. sebagai pembawa rahmat ke serata alam bertujuan memperbaiki dan memandu keyakinan seluruh umat manusia dengan menekankan kepada konsep keesaan tuhan yang hakiki dan konsep pengabdian yang suci kepada tuhan serta terhindar dari sebarang penyelewengan. Ajaran ini telah menyingkap segala kecelaruan yang wujud dalam pemikiran manusia untuk memahami konsep ketuhanan dan memulihkan serta membersihkan kepercayaan yang bertentangan dengan konsep keesaan tuhan.

Selain itu, kefahaman dan keyakinan mengenai hakikat ketuhanan menurut ajaran Islam juga bersandarkan kepada sumber yang kukuh dan diyakini. Ia berlandaskan wahyu yang diturunkan oleh Allah melalui Nabi Muhammad S.A.W. iaitu berupa firman Allah dalam kitab al-Qur'an yang terbukti tidak timbul keraguan di dalamnya<sup>282</sup> dan juga hadis serta sunnah yang dibawa oleh Nabi Muhammad S.A.W.

---

<sup>280</sup> Surah al-Najm (53): 19-20

<sup>281</sup> Al-Tabari, Abi Ja'far Muḥammad ibn Jarīr, (1119). *Tarikh al-Rusul wa al-Muluk. Taba'ah al-Thaniah*. Muḥammad Abu al-Fadl Ibrāhīm (*tahqiq*). Mesir: Dār al-Ma'arif. h.165-178

<sup>282</sup> Surah al-Baqarah (2): 2

tanpa dipengaruhi oleh hawa nafsu manusia.<sup>283</sup> Wahyu tersebut sentiasa dipelihara oleh Allah S.W.T. kesucian dan ketulenannya daripada sebarang usaha-usaha yang dilakukan untuk mendatangkan kecacatan atau kekurangan terhadapnya selain daripada kehendak Allah. Pemeliharaan dan ketulenan ini mengukuhkan lagi ajaran Islam dan mengukuhkan keyakinan umat Islam terhadap keesaan Allah. Melaluianya juga, ajaran-ajaran yang menyimpang mengenai hakikat ketuhanan dapat disucikan dan kekeliruan dapat dihapuskan daripada membelenggu pemikiran manusia.

Ketulenan dan kesucian sumber utama ajaran Islam ini berbeza dengan teks-teks yang terdapat dalam tradisi aliran Saivisme. Penilaian yang teliti harus dibuat terhadap pertikaian yang wujud dalam agama Hindu terhadap pengesahan autoriti teks-teks yang diyakini sebagai sumber yang benar-benar disampaikan oleh tuhan kepada manusia. Malah, isi kandungan yang terdapat dalam keseluruhan teks-teks agamanya juga perlu dibuat penilaian terutamanya mengenai keselarasan dan percanggahan yang wujud bagi mencapai kebenaran yang hakiki. Terdapat teks yang menjadi rujukan utama tidak diterima oleh segolongan aliran dalam Hinduisme sebagai teks yang suci dan boleh dijadikan sandaran ajaran agamanya. Teks yang berasaskan kepada tradisi dan adat juga ditolak oleh sesetengah pentafsir *Veda*. Malah terdapat juga yang menolak *Brahmana* dan *Upanishad* sebagai sebahagian daripada *Veda* kerana menganggapnya sebagai hasil himpunan manusia selepas *Veda* sebagaimana petikan kata-kata tersebut:

*“For correct interpretation of Vedas, the words should be given to the Vedic words, and not traditional, customary, conventional, and generally accepted ones...The Brahmanas*

---

<sup>283</sup> Surah al-Najm (53): 3-4

*and Upanishadas do not form a part of the Veda. They are compositions of man of a later date... ”<sup>284</sup>*

Seterusnya, ajaran di dalam Islam yang sempurna juga tidak diragui lagi dapat membentuk kefahaman manusia dengan jelas dan tepat terhadap konsep keesaan tuhan. Paradigma tauhid yang berteraskan wahyu Allah dapat dizahirkan melalui penghayatan rohani dan jasmani manusia dan ia menepati fitrah kejadian yang telah ditetapkan oleh Allah S.W.T. Oleh kerana itu, walaupun terdapat segolongan manusia yang tidak beriman kepada Allah S.W.T., mereka juga mengakui bahawa segala ajaran Islam sama ada secara teori mahupun praktikal dapat menonjolkan keyakinan terhadap kewujudan tuhan yang satu secara jelas dan tepat. Ia merujuk kepada pengkategorian agama oleh pengkaji-pengkaji agama khususnya oleh sarjana barat yang meletakkan Islam sebagai *pure monotheism* iaitu monoteisme tulen.

Berdasarkan beberapa justifikasi di atas, walaupun huraian dan penegasan yang terdapat dalam ajaran Islam tidak menyatakan secara terperinci mengenai aliran Saivism, namun kewujudan elemen-elemen yang mempunyai perkaitan secara langsung dengan ajaran Saivism memberi ruang yang signifikan bagi menganalisis doktrin monoteisme Saivism tersebut menurut perspektif Islam.

Doktrin monoteisme dalam Saivism sememangnya dapat dirujuk melalui teks yang menjadi sandaran utama penganutnya. Terdapat pelbagai pernyataan yang menegaskan bentuk kewujudan tuhan yang satu sama ada dipetik daripada teks *Veda* mahupun teks lain seperti *Upanishad*, *Purana* dan sebagainya. Antara petikan *hymn* mengenai perkara ini ialah sebagaimana yang dipetik di dalam *Rigveda* yang bermaksud:

---

<sup>284</sup> Devi Chand (1980). *The Yajurveda. 3<sup>rd</sup> Edition*. New Delhi: Munshiram Manoharlal Publishers Private Limited. h.xii

“Tuhan itu satu, manusia memanggilnya dengan pelbagai nama.”

Terdapat pelbagai lagi *hymn* atau *mantra* yang menjelaskan bentuk kewujudan tuhan yang satu.<sup>285</sup> Dalam hal ini, tidak dinafikan walaupun terdapat pelbagai aliran, mereka telah bersatu mempertahankan keyakinan tersebut.

Namun, konsep monoteisme yang ditekankan dalam ajarannya tidak memadai sekadar mengetahui melalui petikan teks agamanya sahaja. Terdapat pelbagai bentuk ajaran dan amalan yang wujud dalam aliran ini tetapi turut dihuraikan sebagai manifestasi keyakinan monoteisme. Kepelbagaiannya nama tuhan misalnya telah dibuktikan oleh mereka sebagai merujuk kepada Siva. Malah amalan penyembahan yang pelbagai juga dinyatakan sebagai pemujaan terhadap tuhan yang satu iaitu Siva. Perkara ini berlaku kerana selain dari pegangan terhadap teks suci, mereka juga berpegang kepada amalan-amalan tradisi yang dibawa secara turun temurun. Apatah lagi terdapat amalan yang dilakukan oleh orang yang dianggap suci yang mengaku telah berjaya mencapai ilmu ketuhanan telah dibukukan seterusnya menjadi panduan dan ikutan penganutnya memahami persoalan ketuhanan.

Menurut ajaran Islam, penekanan terhadap keyakinan kepada tuhan yang satu amat jelas dan kukuh. Asasnya bersandarkan kepada wahyu yang diturunkan oleh Allah S.W.T. yang dapat memandu manusia memahami hakikat keesaan tuhan. Intipati

---

<sup>285</sup> “There is no image of Him, whose glory verily is great. He sustains within Himself all luminous like the Sun etc. May not harm me, this is my prayer. As he is unborn, He deserves our worship.” Yajurveda 32: 3; Yajurveda 25:8,10 & 13; “God is all-pervading, Lustrous, Bodiless, Flowless, Sinewless, Pure, Unpierced by evil. He is Omniscient, Knower of the hearts of all, Censurer of the sinful, and self-existent. He truly reveals through the Vedas all things for His subjects from His immemorial attributes, free from birth and death.” Yajurveda 40:8; “In this world there does not exist any Lord of His, nor any Governor, nor (there is) any characteristic proof of His (existence); He is the Cause, the Lord of the guardian-deities of organs; (there does not exist) any Creator or Superintendent of His.” Svetasvatara Upanishad 6: 9 & “None can grasp Him above, in the intermediate directions (obliquely) or in the middle; He, whose name is “great fame,” has no comparison.” Svetasvatara Upanishad 4:19

kefahaman dan keyakinan yang membentuk konsep tauhid ialah melalui firman Allah S.W.T iaitu:



Katakanlah (Wahai Muhammad): “(Tuhanku) ialah Allah Yang Maha Esa.”<sup>286</sup>

Berdasarkan firman Allah S.W.T. tersebut, dapat menjelaskan secara terperinci mengenai konsep keesaan tuhan yang disertakan dengan penafian-penafian sifat dan ciri-ciri yang bersalahan dengan sifat keesaan Allah.

Bagi menjelaskan lagi mengenainya, ilmu yang terangkum di dalam konsep tauhid iaitu mengenai keesaan tuhan adalah ilmu yang dapat memandu keimanan kepada Allah dengan kefahaman yang jelas, kukuh dan terhindar dari sebarang kesilapan. Melalui konsep tauhid, manusia dapat menetapkan keyakinan tentang keesaan Allah di samping terdapatnya dalil-dalil lain di dalam al-Qur'an yang jelas khususnya berkaitan sifat dan zat Allah sehingga dapat menafikan kewujudan tuhan yang lain. Begitu juga penafian terhadap persamaan yang dilakukan manusia antara sifat tuhan dengan sifat-sifat makhluk seperti mempunyai zuriat, tidur, makan dan sebagainya.

Melalui dalil-dalil yang terdapat dalam al-Qur'an dan hadis Rasulullah S.A.W. hakikat keesaan tuhan dapat difahami melalui pelbagai pendekatan dengan aturan dan batasan yang tertentu. Perkara utama mengenal tuhan ialah penjelasan mengenai kehebatan Allah yang tiada tandingannya. Bahkan Allah turut menegaskan bahawa kewujudan kuasa yang banyak untuk mengatur alam ini menyebabkan berlaku lebih

---

<sup>286</sup> Surah al-Ikhlas (114): 1

banyak kemudaratan. Allah juga telah menganugerahkan kelebihan dan kesempurnaan dari sudut rohani dan jasmani kepada manusia berbanding makhluk yang lain untuk mengenali dan memahami perkara berkaitan keesaan tuhan seperti pancaindera dan akal. Namun, penggunaannya haruslah berteraskan sandaran dan bimbingan yang kukuh iaitu wahyu Allah. Malah wahyu juga dapat membantu akal manusia yang terbatas dan tidak mampu menanggapi perkara yang ghaib.<sup>287</sup>

Bertitik tolak daripada anugerah yang dikurniakan kepada manusia juga, manusia diperintahkan oleh Allah agar sentiasa memanfaatkannya terutama akal dan pancaindera. Wujud larangan terhadap *taqlid* (ikutan tanpa mempunyai dalil atau hujah) dalam keyakinan kepada Allah termasuklah meyakini tuhan melalui tradisi tanpa mengetahui dalil dan asas yang kukuh.<sup>288</sup> Islam juga menolak amalan tradisi yang bertentangan dengan ketetapan hukum Allah. Ini kerana keimanan kepada Allah merupakan suatu pertanggungjawaban kepada manusia.<sup>289</sup> Ia pula berkait rapat dengan konsep *taklif* dengan penilaian yang tertentu terhadap tahap keupayaan akal manusia untuk dipertanggungjawabkan. Ia juga dapat memastikan manusia dapat menolak amalan tradisi yang bercanggah dengan akal dan dalil al-Qur'an. Berdasarkan panduan-

---

<sup>287</sup> Menurut Imam al-Fakhr al-Razi dalam kitabnya *Tafsīr al-Kabīr*, terdapat empat belas (14) soalan yang ditanyakan umat Nabi Muhammad S.A.W kepada baginda dan telah dijawab oleh Allah S.W.T. antaranya “يَسْأَلُوكُنَّ أَهْلَهُ” (al-Baqarah (2): 186), “وَإِذَا سَأَلَكُ عِبَادِي عَنِّي فَلَيَقُولُوا كَمْ أَنْتَ مِنْ أَهْلِهِ” (al-Baqarah (2): 189) dan lain-lain lagi. Susunan soalan tersebut yang bersifat unik meliputi dua perkara iaitu menghuraikan mengenai kejadian dan juga mengenai hari kebangkitan. Kedua-dua bahagian ini menghendaki manusia agar bertakwa kepada Allah S.W.T. Lihat al-Rāzi, Fakhr al-Dīn Muḥammad ibn ‘Umar (1938). *Tafsīr al-Kabīr li al-Imām Fakhr al-Rāzi*. Juz al-Khamīs. Taba'ah al-Ūla. Mesir: al-Maṭba'ah al-Bahiyah al-Misriyah. h. 131

<sup>288</sup> Menurut Syeikh Ibrahīm al-Laqqani, sesiapa yang bertaqlid pada tauhid, imannya tidak akan sunyi dari berbolak-balik. Dipetik daripada Ibrahīm al-Baijuri (2009). *Tuhfāt al-Murīd Syārīh Jawhar al-Tawhīd*. Nuruzzaman MZ (terj.). (T.T.N.): Darul Busyra. h. 87-88

<sup>289</sup> Lihat surah al-A'raf (7): 172

panduan tersebut, dapat menyatukan kefahaman manusia terhadap konsep ketuhanan dalam Islam iaitu mengenali keesaan Allah S.W.T. dengan jelas dan tepat.

Analisis berikutnya pula mendapat bahawa terdapat juga perkara lain yang menjadi keutamaan seiring dengan keyakinan kepada kewujudan tuhan yang satu menurut Saivism. Agama yang telah sekian lama bertapak dan berevolusi ini turut memberikan penekanan dalam dasar ajarannya mengenai konsep monoteisme dengan memusatkan kewujudan roh tuhan yang satu menyerap ke dalam setiap unsur yang ada dalam alam ini. Kefahaman terhadap konsep tersebut pula dihuraikan oleh banyak pentafsir Saivism dan berpandukan teks agama yang pelbagai walaupun dalam aliran yang sama. Penganutnya juga percaya terhadap segala kewujudan yang berada dalam alam semesta merupakan manifestasi sifat-sifat tuhan. Ia memperlihatkan suatu pandangan hidup penganutnya secara menyeluruh. Mereka menumpukan kepercayaan kepada tuhan meliputi seluruh kehidupan kerana mempercayai bahawa kehidupan manusia juga mempunyai perkaitan yang rapat dengan unsur-unsur ketuhanan.

Bagi mengukuhkan keyakinan penganutnya terhadap konsep roh ketuhanan ini, pelbagai pendekatan telah digunakan bagi menghuraikannya termasuklah *hymn* yang terdapat dalam *Veda* sebagai sandaran yang dianggap kukuh dan juga lagenda yang berkembang dalam ajaran keagamaan menerangkan tentang unsur-unsur roh ketuhanan seperti yang terdapat dalam epik *Mahabharata* dan *Ramayana*. Begitu juga ajaran yang terdapat dalam teks *Saiva Agama* dan juga simbol atau gambaran ketuhanan yang dikisahkan dalam *Siva Purana*. Terdapat beberapa pernyataan di dalam teks agamanya turut menegaskan mengenai segala kewujudan yang ada di muka bumi adalah tuhan antaranya seperti berikut:

*He is alone fire, He is the sun, He is the air, He is also the moon, He is the bright group of planets, He is Hiranyagarbha (Brahma), He is waters, He is Virat. Thou art woman, thou art man, thou art the young man, thou art even the young man, thou art the old man who goest with a staff, (in short) thou art born in all forms. Thou art the black bird (or bee); (thou art) the green (bird), the red-eyed (bird), the cloud, the seasons, and the oceans. On account of thy transcending all Time and Space, Thou art without beginning, from whom all the worlds are born.*

290

Konsep ini juga telah membentuk kefahaman penganutnya tentang hakikat kehidupan manusia di alam ini. Kefahaman mengenai penyatuan roh tuhan di dalam badan manusia telah mewujudkan konsep *karma*, *mokhsa*, *samsara* dan lain-lain lagi. Ajaran mengenainya berkembang melalui keyakinan bahawa kewujudan roh di dalam badan manusia akan bersatu dengan tuhan dan tidak dihidupkan semula melalui jasad yang lain setelah mencapai tahap *mokhsa* sebagaimana diharapkan ketika hidup malah akan kekal jika dapat mencapai kesempurnaan ilmu tentang tuhan.<sup>291</sup> Sebaliknya jika tidak mencapai tahap tersebut, berlakunya ulangan kehidupan yang difahami melalui konsep *samsara* yang memungkinkan roh hidup ke dalam jasad binatang atau lain-lain lagi. Malah kehidupan manusia juga diyakini terpandu dengan kebaikan melalui roh ketuhanan yang terdapat di dalam badan manusia melainkan jika roh terbelenggu oleh kejahilan dan nafsu, yang mengakibatkan manusia terhalang daripada mengetahui hakikat kebaikan bagi tuhan yang terdapat pada roh tersebut.

---

<sup>290</sup> *Svetasvatara Upanishads* 5: 2-4. Penterjemah teks ini turut menegaskan *mantra* tersebut menunjukkan elemen *Pantheistic* iaitu seluruh kewujudan adalah tuhan. Lihat B. D. Basu (1916). *Opcit.* h. 63-64

<sup>291</sup> “*Those who know him become immortal.*” (*Svetasvatara Upanishad* 3:11). Terdapat huraian yang lebih mendalam mengenai konsep *mokhsa* yang memberi pengertian bahawa roh manusia akan menjadi kekal bersama tuhan dalam pelbagai bentuk berdasarkan pencapaian ketika hidup antaranya ialah kesatuan dengan sifat semulajadi tuhan; persamaan tempat, kedekatan serta hubungan dengan tuhan; dan persamaan dengan bentuk tuhan. Lihat John C. Plott (1974). *A Philosophy of Devotion*. India: Motilal Banarsidass. h. 486

Bagi mengukuhkan perbahasan mengenai kewujudan roh tuhan dan perkaitan unsur-unsur ketuhanan dengan manusia juga, berkembang aliran-aliran falsafah. Oleh kerana itu wujud pelbagai aliran seperti *Saiva Siddhanta*, *Kashmir Saivism* dan *Vira Saivism* walaupun masing-masing meyakini Siva sebagai tuhan. Hanya *Vira Saivism* lebih menekankan praktikal berbanding hujah falsafah yang mendalam.<sup>292</sup> Wujud perbahasan tentang roh tuhan dan manusia sama ada bersifat *dualistic* atau *non-dualistic* atau gabungan kedua-duanya dengan tujuan agar dapat mencapai keyakinan yang jitu bagi menentukan perjalanan akhir dalam kehidupan manusia.

Hakikatnya, roh merupakan sebahagian daripada perkara ghaib dan manusia tidak dapat menanggapinya melalui pancaindera. Malah keupayaan diri manusia juga terbatas untuk mengetahui mengenainya. Menurut ajaran Islam, perkara yang berkaitan dengan roh adalah di bawah kekuasaan Allah bersandarkan firmanNya:

وَسَأَلُوكُنَّكَ عَنِ الرُّوحِ قُلِ الْرُّوحُ مِنْ أَمْرِ رَبِّيٍّ وَمَا أُوتِيتُمْ  
مِّنَ الْعِلْمِ إِلَّا قَلِيلًا 

Dan mereka bertanya kepadamu tentang roh. Katakan: "Roh itu dari perkara urusan tuhanku; dan kamu tidak diberikan ilmu pengetahuan melainkan sedikit sahaja".<sup>293</sup>

Oleh kerana itu manusia tidak dapat menetapkan bentuk-bentuk roh. Namun, tidak dapat dinafikan bahawa Allah juga menganugerahkan sebahagian ilmu berkaitan roh yang ada pada makhlukNya kepada manusia. Antaranya mengenai kewujudan roh di dalam tubuh manusia,<sup>294</sup> dan destinasinya. Malah unsur kejiwaan (*al-Nafs*) yang ada

---

<sup>292</sup> *Ibid.* h. 487

<sup>293</sup> Surah al-Isra''(17): 85

<sup>294</sup> Surah al-Sad (38): 72

pada diri manusia juga berkait rapat dengannya. Ia bertujuan agar manusia mengetahui bahawa Allah tetap memberikan manusia sedikit pengetahuan mengenainya di samping kesedaran bahawa manusia mempunyai batasan-batasan yang tertentu. Islam lebih menekankan agar berusaha memantapkan keimanan terhadap perkara ghaib berdasarkan rukun Iman dan menyerahkan urusan tersebut kepada Allah S.W.T. Perkara ini amat penting untuk difahami sebaiknya kerana kehidupan manusia di muka bumi ini sebagaimana telah ditaklifkan sebagai khalifah oleh Allah akan menuju kepada Allah juga. Roh yang telah ditiupkan ke dalam diri setiap insan juga mempunyai peranan ke atas jasad yang dimilikinya. Perpindahan yang berlaku dari satu jasad ke satu jasad yang lain pula (*tanasukh al-arwah*) bertentangan dengan konsep *taklif* sebagaimana yang dikehendaki oleh Allah atas diri setiap Insan.

Persoalan berkaitan roh manusia amat terbatas, manakala asas ajaran Islam terhadap keyakinan kepada unsur ketuhanan pula ialah bersandarkan kepada firman Allah iaitu:

لَيْسَ كَمِثْلِهِ شَيْءٌ وَهُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ

Tiada sesuatu pun yang sebanding dengan (ZatNya, sifat-sifatNya, dan pentadbiranNya) dan Dialah Yang Maha Mendengar, lagi Maha Melihat.<sup>295</sup>

Telah jelas bahawa tidak terdapat sesuatu pun yang dapat menyamai dan mencirikan sifat ketuhanan Yang Maha Sempurna. Terdapat juga kefahaman mengenai unsur ketuhanan yang dikaitkan dengan manusia dari aspek roh yang bersalahan dengan ajaran Islam dan para *ulama* "Islam telah membahaskannya seperti kefahaman konsep *al-hulul* iaitu yakin wujud jelmaan tuhan ke dalam diri manusia. Menurut al-Tūsi

---

<sup>295</sup> Surah al-Syura (42): 11

berdasarkan surah al-Syura di atas, kekeliruan yang terdapat di dalam konsep *al-hulul* ialah kerana kefahaman ini tidak memurnikan sifat yang *al-Haq* (Allah) dengan *al-Halq* (makhluk). Allah S.W.T. tidak menjelma di dalam hati manusia tetapi yang wujud di dalam hati ialah keimanan kepadaNya lalu manusia perlu mengakuinya.<sup>296</sup> Oleh kerana itu penting bagi manusia mengetahui batas keupayaan makhluk dan memahami ilmu yang dianugerahkan oleh Allah bagi memperteguhkan keimanan kepada Allah.

Huraian terhadap doktrin monoteisme Saivisme juga dipengaruhi oleh pengiktirafan *marga* atau jalan-jalan keagamaan yang pelbagai bertitik tolak daripada keupayaan pemikiran manusia yang dianggap mempunyai tahap-tahap tertentu terhadap keyakinan kepada tuhan walaupun menjurus kepada tuhan yang satu di samping wujudnya pelbagai amalan keagamaan. Tanggapan bahawa manusia mempunyai keupayaan diri yang berbeza dan ada pula yang terbatas terutamanya dari aspek kekuatan akal telah menyebabkan wujud pengiktirafan bahawa setiap penganutnya berhak untuk melakukan *marga* atau jalan-jalan yang bersesuaian dengan keupayaan diri masing-masing. Oleh kerana itu juga, terdapat pengkaji Islam seperti al-Biruni dan al-Syahrastani mengkategorikan penganut Hindu keseluruhannya kepada beberapa kumpulan berdasarkan aspek perbezaan tersebut walaupun secara umumnya menyatakan bahawa mereka mempercayai wujudnya tuhan yang satu.<sup>297</sup> Al-Biruni misalnya menyatakan keyakinan penganut Hindu terbahagi kepada golongan elit

---

<sup>296</sup> Al-Tūsi, Abu Nasr ,Abdullah ibn ,Ali al-Sarraj (t.t.). *al-Lumā' fī al-Tārīkh al-Tasawwuf al-Islāmi*. ,Imad Zaki al-Barudiyyi (*tahqiq*). Qaherah: al-Maktabah al-Tawfiqiyyah. h. 444

<sup>297</sup> “The Hindus believe with regard to God that He is one, eternal, without beginning and end, acting by freewill, almighty, all-wise, living, giving life, ruling, preserving; one who in his sovereignty is unique, beyond all likeness and unlikeness, and that he does not resemble anything nor does anything resemble him. In order to illustrate this we shall produce some extracts from their literature, lest the reader should think that our account is nothing but hearsay.” Dipetik dari Edward C. Sachau (1910). *Opcit*. Namun demikian, di dalam ulasannya terhadap karya al-Biruni, beliau merumuskan bahawa al-Biruni merujuk kepada sumber-sumber dari ajaran aliran Vaisnavisme berpandukan teks rujukan agama Hindu yang dinyatakan oleh al-Biruni sendiri dalam karyanya.

(*khawwas*) dan awam (*ammah*).<sup>298</sup> Menurut al-Syahrastani pula, pengikut Hindu terbahagi kepada beberapa kumpulan iaitu *al-Barāhimah*, *Ashāb al-Ruhāniyat*, *Ashāb al-Haikal*, „*Ibādah al-Asnām* dan *al-Ḥukamā*“.<sup>299</sup> Kefahaman ini – yang menerima pelaksanaan berbeza-beza sebagai kaedah memahami bentuk-bentuk tuhan dan sebagai jalan penyerahan diri kepada tuhan – terus dipertahankan penganutnya sehingga kini.

Berdasarkan konsep keesaan kepada Allah, manusia harus menumpukan seluruh kehidupannya kepada kehendak dan perintah Allah S.W.T. sebagaimana yang diketahui melalui wahyuNya. Telah jelas mengenai perintah dan larangan tersebut terutamanya dalam hal peribadatan. Hakikatnya, Islam juga mengiktiraf perbezaan dari aspek keupayaan manusia, oleh kerana itu wujud konsep *taklif* yang menjadi pengukur kepada pertanggungjawaban dalam hal agama. Namun ia tidak sekali-kali menjelaskan keyakinan tentang keesaan Allah seperti kefahaman terhadap kewujudanNya, sifatNya, kekuasaanNya, dan lain-lain lagi. Bahkan ia menyatakan keyakinan manusia melalui ketaatan kepada Allah S.W.T.

Keyakinan terhadap kewujudan tuhan yang satu seharusnya dapat dizahirkan dalam kehidupan manusia meliputi penghayatan rohani dan jasmani. Keyakinan bahawa Allah wujud secara tunggal dapat dizahirkan melalui beberapa perkara iaitu **pertama**, mengesakan Allah pada zatNya iaitu tidak syirik, tidak menyekutukan Allah dan menyucikan keyakinan dari menjisimkan Allah; **kedua**, mengesakan pada sifatNya iaitu memahami dan meyakini sifat-sifat yang dijelaskan oleh Allah sendiri di dalam al-Qur'an sebagai kefahaman akal untuk mengetahui sifatNya yang khusus tanpa

---

<sup>298</sup> Lihat huraianya dalam Edward C. Sachau (1910). *Opcit.* & Hilman Latief (2006). *Opcit.*

<sup>299</sup> Abi al-Fath Muhammad ibn ,Abd al-Karim al-Syahrastani (2009) *Al-Milāl wa al-Nihāl*. Lubnan: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah. h. 705

meletakkan ukuran atau bentuk-bentuk tertentu iaitu sebagaimana melihat kewujudan di dalam alam; **ketiga**, mengesakan perbuatanNya iaitu meyakini bahawa setiap kewujudan adalah ciptaan Allah dan ia disertai aturan yang tersendiri dengan izin dan kehendakNya; **keempat**, mengesakan melalui ibadah kepadaNya iaitu melaksanakan ibadah hanya untukNya sahaja kerana penyembahan kepada sesuatu selainNya haruslah mencapai syarat bahawa sesuatu yang dijadikan sembahannya haruslah sempurna tanpa ada kekurangan pun dan perlu ada pada diri yang disembah sumber-sumber kehidupan manusia seperti memberi nikmat, memberkati serta mengawasi setiap masa; dan **kelima** mengesakan dari aspek penguasaan hukum termasuklah mengesakanNya sebagai penguasa yang mutlak, mengesakannya dalam ketaatan terhadap setiap hukum dan mengesakan Allah sebagai pembuat hukum melainkan ada kedah-kaedah lain yang telah Allah nyatakan di dalam al-Qur'an seperti konsep *syūra* dan ketaatan kepada Rasulullah S.A.W.<sup>300</sup>

Ia amat berkait rapat dengan penyerahan diri sepenuhnya kepada Allah selaras dengan hadis nabi S.A.W. ketika malaikat Jibril bertanya kepada baginda mengenai rukun Islam, Iman dan Ihsan.<sup>301</sup> Ia merupakan asas ajaran Islam yang menjadi tonggak keimanan. Pelaksanaan rukun Islam bersama keyakinan terhadap rukun Iman haruslah disertai dengan sikap Ihsan bagi memastikan keyakinan dan segala tingkah laku manusia terarah kepada Allah semata-mata. Allah juga berfirman bahawa Dia sentiasa dekat dengan manusia untuk menilai perbuatan masing-masing:

---

<sup>300</sup> Ahmad Bahjat (1983). *Allah fi al-„Akīdah al-Islāmiyyah: Risālah al-Jadīdah fī al-Tawhīd*. Qaherah: Muassasah al-Ikhram.

<sup>301</sup> Hadis ini menjelaskan mengenai prinsip dalam agama Islam meliputi rukun Iman, Islam, Ihsan dan hari akhirat dalam bab *Bayan annahu la yadhulu al-jannah illa al-mu'minūn*. Lihat (T.N.)(t.t.), *Sahīh Muslim. Al-Juz' al-Awwal*. Mesir: Ḥabib al-Bābi al-Jalābi wa Syirākatuhu. h. 41-42

هُوَ الَّذِي خَلَقَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ فِي سِتَّةِ أَيَّامٍ ثُمَّ  
 أَسْتَوَى عَلَى الْعَرْشِ يَعْلَمُ مَا يَلْجُ فِي الْأَرْضِ وَمَا تَخْرُجُ  
 مِنْهَا وَمَا يَنْزِلُ مِنَ السَّمَاءِ وَمَا يَعْرُجُ فِيهَا وَهُوَ مَعْلُومٌ أَيْنَ مَا  
 كُنْتُمْ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ  
ؑ

Dialah yang telah menciptakan langit dan bumi dalam enam masa, kemudian Dia bersemayam di atas Arasy; Dia mengetahui apa yang masuk ke bumi serta apa yang keluar daripadanya; dan apa yang diturunkan dari langit serta apa yang naik padanya. dan ia tetap bersama-sama kamu di mana sahaja kamu berada, dan Allah Maha melihat akan apa yang kamu kerjakan.<sup>302</sup>

### 3. Nama dan Sifat Tuhan Menurut Saivism: Analisis Menurut Perspektif Islam

Nama-nama tuhan merupakan perbincangan yang penting bagi memahami konsep monoteisme menurut aliran Saivism. Keseluruhan nama tersebut diyakini oleh penganutnya dimiliki oleh Siva melalui perkaitan yang dibuat bersumberkan teks agama mereka iaitu *sruti* dan *smrti*. Setiap nama tuhan merupakan pengenalan kepada sifat-sifat Siva yang khusus. Kefahaman mereka tentang perkara ini meliputi nama-nama Siva yang paling agung, sifat-sifat serta kekuasaan yang dimilikinya dan bentuk kewujudannya di alam ini berdasarkan nama-nama tersebut. Tidak dapat dinafikan, kefahaman penganutnya tentang nama dan sifat Siva juga telah mewujudkan keyakinan yang banyak di samping ritual keagamaan penganutnya yang pelbagai. Menurut ajaran Islam, kefahaman terhadap nama-nama tuhan sebagaimana dinyatakan di dalam al-Qur'an dapat memandu manusia mengenali hakikat ketuhanan dengan lebih sempurna dan kefahaman yang salah dapat diperbetulkan. Oleh kerana itu, ajaran Islam sejak

---

<sup>302</sup> Surah al-Hadid (57): 4

sekian lama mampu memperbaiki sebarang kefahaman yang bercanggah dengan hakikat ketuhanan.

Penganut aliran Saivisme meyakini ketuhanan Siva dengan merujuk teks agama yang menyatakan bahawa Siva adalah tuhan yang agung serta mempunyai kekuasaan. Ia sebagaimana dipetik daripada *Rigveda* yang bermaksud:

*With humble adoration show this day your song of praise to mighty Rudra, Ruler of the brave: With whom, the Eager Ones, going their ordered course, he comes from heaven Self-bright, auspicious (Siva), strong to guard.<sup>303</sup>*

Bertitik tolak dari petikan tersebut juga, penganut Saivisme meyakini bahawa nama tuhan yang lain yang terdapat di dalam semua teks agamanya merupakan milik Siva seperti Rudra, Agni, Vayu dan lain-lain lagi. Kefahaman ini amat kukuh bagi mereka kerana terdapat *hymn* lain di dalam *Rigveda* yang menyatakan bahawa tuhan yang satu boleh dipanggil dengan pelbagai nama.<sup>304</sup> Mereka juga tidak menolak keyakinan lain yang mengutamakan nama-nama lain selagi ia berkait rapat dengan ketuhanan Siva seperti Shakti, Ganapati dan sebagainya.

Menurut ajaran Islam, persoalan mengenai nama dan sifat tuhan merupakan asas yang perlu diketahui dan diyakini bagi mengukuhkan keimanan. Allah telah menjelaskan mengenai nama-namanya di dalam al-Qur'an dan melalui hadis yang disampaikan oleh nabi Muhammad S.A.W agar manusia dapat mengenal Allah dengan tepat dan sempurna. Perkhabaran Allah ini selaras dengan keperluan manusia untuk mengenali hakikat ketuhanan kerana keupayaan diri manusia yang terbatas. Allah telah menyatakan melalui firmanya bahawa Dia adalah tuhan yang esa iaitu:

---

<sup>303</sup> *Rigveda* 10: 92: 9

<sup>304</sup> *Rigveda* 1.164.46; 10.114.5

Katakanlah (Wahai Muhammad): “(Tuhandaku) ialah Allah Yang Maha Esa.”<sup>305</sup>

اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ لَا تَأْخُذُهُ سِنَةٌ وَلَا نَوْمٌ  
 لَهُ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ مَنْ ذَا الَّذِي يَشْفَعُ  
 عِنْدَهُ إِلَّا بِإِذْنِهِ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ  
 وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِنْ عِلْمِهِ إِلَّا بِمَا شَاءَ وَسَعَ كُرْسِيُّهُ  
 السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ وَلَا يَعُودُهُ حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ

الْعَظِيمُ

Allah, tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, Yang tetap hidup, yang kekal selama-lamanya mentadbirkan (sekalian makhlukNya), yang tidak tidur, yang memiliki segala yang ada di langit dan yang ada di bumi, tiada sesiapa yang dapat memberi syafaat (pertolongan) di sisiNya melainkan dengan izinNya, yang mengetahui apa yang ada di hadapan mereka dan apa yang ada di belakang mereka, sedang mereka tidak mengetahui sesuatu pun dari (kandungan) ilmu Allah melainkan apa yang Allah kehendaki (memberitahu kepadanya). Luasnya Kursi Allah (ilmuNya dan kekuasaanNya) meliputi langit dan bumi; dan tiadalah menjadi keberatan kepada Allah menjaga serta memelihara keduanya dan Dialah Yang Maha Tinggi (darjat kemuliaanNya), lagi Maha Besar (kekuasaanNya)<sup>306</sup>

Melalui ayat di atas juga dapat menjelaskan bahawa nama tuhan yang paling agung hanya merujuk kepada Allah sahaja. Selain itu, Allah telah menyatakan bahawa Dia juga mempunyai nama-nama lain yang baik.<sup>307</sup> Melalui nama-nama tersebut, manusia boleh mengenali sifat-sifat yang dimilikiNya dan melalui pengetahuan tentang

<sup>305</sup> Surah al-Ikhlas (114): 1

<sup>306</sup> Surah al-Baqarah (2) : 255

<sup>307</sup> Lihat surah al- A’raf (7): 180; al-Isra”(17): 110 & Taha (20): 8

sifat tersebutlah membolehkan manusia memohon sesuatu daripada Allah. Menurut hadis Nabi Muhammad S.A.W, Allah mempunyai 99 nama sebagaimana riwayat al-Bukhāri, Muslim dan Tarmizi daripada Abu Hurairah R.A. bahawa Rasulullah S.A.W. telah bersabda :

Sesungguhnya Allah S.W.T. mempunyai 99 nama... Dan Allah adalah tunggal (ganjil) dan Dia suka perkara yang ganjil.<sup>308</sup>

Nama yang layak bagi tuhan hanyalah nama-nama yang agung bagi membuktikan kekuasaannya dalam segala perkara. Tidak wujud persamaan bagi sifat yang ada pada diriNya dengan sebarang makhlukNya. Allah turut menjelaskan perumpamaan bagi membandingkan keagungannya dengan sifat-sifat yang lemah melalui firmanNya iaitu:

لِلَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِالْآخِرَةِ مَثَلُ أَلْسُوْءِ وَلِلَّهِ الْمَثَلُ الْأَعْلَىٰ  
وَهُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ

Bagi mereka yang tidak beriman kepada hari akhirat itu, sifat yang buruk, dan bagi Allah jualah sifat yang tertinggi; dan Dialah jua Yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.<sup>309</sup>

Dalam hal penetapan nama-nama dan sifat yang agung bagi tuhan, ajaran Saivism juga meyakini bahawa tuhan haruslah mempunyai nama yang agung dan baik. Siva yang membawa maksud kebaikan juga diiringi oleh nama-nama lain yang baik dan hebat serta sifat-sifat yang menunjukkan kekuasaan seperti pemusnah, pemelihara dan sebagainya menurut kefahaman penganutnya. Namun merujuk kepada teks agama

<sup>308</sup> Hadis riwayat al-Bukhāri, Muslim dan Al-Tarmizi daripada Abu Hurairah bahawa Rasulullah S.A.W. bersabda sebagaimana berikut. Lihat Abi Bakr ibn al-Husain ibn „Ali al-Baihaqi, (2003). *Al-Asmā' wa al-Sifat. Tab'ah al-Ūla*. Nasir ibn Al-Najjar al-Dimiyati. (*tahqiq*). (T.T.P.): Dār Ibnu Rajab.

<sup>309</sup> Surah al-Nahl (16): 60.

Hindu yang pelbagai khususnya *Veda*, nama Siva merupakan salah satu daripada sifat-sifat yang dipunyai oleh tuhan. Malah sebagaimana telah dijelaskan dalam bab sebelum ini, Siva adalah antara sifat yang disandarkan kepada Rudra yang mempunyai pelbagai nama dan sifat lain lagi seperti *Agni*, *Surya*, *Prajapati*, dan sebagainya menjadikan nama Siva yang dianggap agung tidak lagi bersifat mutlak. Hal ini berbeza menurut ajaran Islam kerana Allah adalah tuhan yang agung dan mutlak serta dapat dibuktikan ketinggianNya melalui segala aspek yang ada pada sifatNya. Oleh kerana itu, Allah telah melarang manusia daripada melakukan kesalahan menyebut, mentafsir dan memahami namaNya.<sup>310</sup>

Tidak dapat dinafikan bahawa terdapat juga kefahaman terhadap nama dan sifat Siva yang pelbagai dan berkekalan hingga ke hari ini merupakan ajaran dari tradisi yang disampaikan secara turun temurun. Ia diajarkan dari satu generasi ke generasi seterusnya agar dapat diingati dan dikenali setiap masa. Hal ini dapat dilihat melalui penceritaan lagenda-lagenda terutamanya merujuk kepada teks selepas *Veda* seperti *Ramayana*, *Mahabharata*, *Siva Purana* dan pelbagai lagi. Malah, keyakinan terhadap nama tuhan yang tertentu akan diwarisi dalam sesebuah keluarga melalui amalan keagamaan yang dipersembahkan kepada tuhan-tuhan tersebut. Namun, tiada sebarang sandaran dari teks agamanya yang menekankan agar penganutnya mengikuti ajaran tradisi melebihi ajaran yang terdapat di dalam teks awal iaitu *Veda*.

Pengetahuan yang bersandarkan kepada keyakinan yang dibawa secara turun temurun semata-mata dalam persoalan berkaitan ketuhanan merupakan perkara yang amat bertentangan dengan hakikat penciptaan manusia menurut ajaran Islam. Allah telah menegaskan kepada manusia agar menghindarkan diri daripada mengikuti jejak

---

<sup>310</sup> Lihat surah al-A'raf (7): 180

langkah orang-orang yang terdahulu tanpa sebarang dalil khususnya mengenai keimanan kepada tuhan termasuklah perkara yang berkaitan nama-nama tuhan. Oleh kerana itu, Allah menjelaskan segala nama yang layak untukNya melalui wahyu yang disampaikan kepada para nabi. Ibnu Qayyim al-Jawziyyah berpendapat bahawa Allah memberitahu mengenai namaNya dalam tiga keadaan iaitu **pertama**, Allah menamakan diriNya sendiri lalu diberitahu kepada sesiapa yang dikehendakiNya seperti malaikat dan rasul tetapi tidak dinyatakan ke dalam ayat al-Qur'an; **kedua**, Allah menamakan dirinya lalu dinyatakan ke dalam ayat al-Qur'an; dan **ketiga**, Allah merahsiakan namaNya dan tidak diberitahu kepada sesiapa.<sup>311</sup> Pemberian nama-nama kepada tuhan sedangkan ia tidak terdapat dalam ajaran agama pula merupakan suatu kesesatan. Ia berdasarkan firman Allah iaitu:

مَا تَعْبُدُونَ مِنْ دُوْنِهِ إِلَّا أَسْمَاءً سَمَّيْتُمُوهَا أَنْتُمْ  
وَإِبْرَاهِيمَ كُمْ مَا أَنْزَلَ اللَّهُ بِهَا مِنْ سُلْطَنٍ إِنَّ الْحُكْمُ إِلَّا لِلَّهِ  
أَمْرًا إِلَّا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ ذَلِكَ الَّذِي أَنْذَلَ الْقَيْمُ وَلَكِنَّ أَكْثَرَ  
النَّاسَ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٤٠﴾

Apa yang kamu sembah selain daripada Allah, hanyalah nama-nama yang kamu menamakannya, kamu dan datuk nenek kamu, Allah tidak pernah menurunkan sebarang bukti yang membenarkannya. Sebenarnya hukum (yang menentukan amal ibadat) hanyalah Allah. Dia memerintahkan supaya kamu jangan menyembah melainkan Dia. Yang demikian itulah agama yang betul, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui.<sup>312</sup>

<sup>311</sup> Dipetik daripada Kamarul Shukri Mohd Teh (2008). *Pengantar Ilmu Tauhid*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distribution Sdn Bhd. h. 39

<sup>312</sup> Surah Yusuf (12): 40. Lihat juga surah al-Najm (53): 23

Perkembangan dalam ajaran Saivism mengenai nama-nama tersebut sama ada merujuk kepada teks agamanya yang pelbagai maupun ajaran yang dibawa secara turun temurun telah menghasilkan beberapa konsep lain dalam memahami hakikat ketuhanan. Antaranya ialah kefahaman terhadap konsep antropomorfisme iaitu dengan mewujudkan gambaran terhadap setiap nama dan sifat tuhan dengan gambaran-gambaran tertentu yang menyamai makhluk ciptaan tuhan dalam alam ini khususnya untuk mengenali zat tuhan. Terdapat pernyataan yang jelas dalam teks agama mereka bahawa tuhan tidak mempunyai sebarang bentuk seperti yang terdapat dalam *Upanishad*:

*“Having no hand and feet, he can reach fast and can grasp; (without a mind) He knows what is to be known; there is knower of his; (they) speak of Him as the first, perfect and might being.”<sup>313</sup>*

Bagaimanapun, terdapat teks lain yang bertentangan dengan petikan di atas yang memberikan gambaran serta memperincikan bentuk wajah dan tubuh badan Siva, wajah Ganapati dan sifat-sifat yang lain lagi. Gambaran seperti manusia dan haiwan ini telah menyebabkan ciri-ciri yang ada pada keduanya seperti mempunyai anak beranak, makan, minum dan sebagainya turut disandarkan kepada sifat-sifat tuhan. Sifat Ganapati contohnya dirakam sebagaimana berikut:

*He has one tusk and four arms, two of His hand hold a noose and a hook, while the other hand show the gestures of removing fear and granting boon. A mouse has seen in his flag, Red, Obese. He has ears like winnowing baskets; he has dressed in red, with limbs painted with red sandalpaste.”<sup>314</sup>*

Kefahaman dan keyakinan terhadap setiap nama Siva mempunyai sifat-sifat yang khusus juga telah menyebabkan penganutnya meyakini kepada sifat-sifat tertentu

---

<sup>313</sup> *Svetasvatara Upanishad* 3: 19

<sup>314</sup> *Ganapati Upanishad* 11, 12, 295

sahaja. Walaupun mereka mempercayai segala kekuasaan tuhan dan menyatakan bahawa penyembahan yang dilakukan di hadapan tuhan tertentu tetap menjurus kepada Siva, namun penyembahan dilakukan di hadapan sifat yang memenuhi keperluan dalam kehidupan mereka sahaja. Jika mereka mengkehendaki kejayaan dalam pelajaran, maka pemujaan dikhkususkan kepada Dewa Ganapati atau Ganesha, begitu pula jika tinggal di kawasan hutan, maka pemujaan dikhkususkan kepada Dewi Shakti dan begitulah pula jika selainnya. Hal ini juga telah menyebabkan wujud beberapa amalan ritual pemujaan yang dipersembahkan kepada tuhan yang tertentu sahaja.

Kewujudan simbol-simbol yang dikaitkan dengan nama dan sifat tuhan sebagai simbolik kepada kekuasaan Siva juga bertentangan dengan teks yang menekankan tuhan tidak berwajah atau berbentuk. Tuhan juga diberikan warna-warna tertentu sebagai simbolik. Ia bukan sahaja bersalahan dengan penafian bentuk-bentuk tuhan dalam teksnya bahkan pemujaan yang dilaksanakan dihadapan simbol-simbol tersebut tidak dapat menggambarkan seluruh kekuasaan yang dimiliki oleh tuhan.

Menurut ajaran Islam, kefahaman tentang keesaan tuhan diseiringkan dengan mentanzihkan Allah dari sifat-sifat yang tidak layak bagiNya. Persamaan yang dibuat terhadap ciri ketuhanan dengan sifat-sifat makhluk amat ditegah. Allah telah menegaskan bahawa tidak ada sesuatu pun yang boleh menyamai sifat-sifat tuhan berdasarkan firmanya iaitu:

فَاطِرُ الْسَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ جَعَلَ لَكُم مِّنْ أَنفُسِكُمْ أَزْوَاجًا  
وَمِنَ الْأَنْعَمِ أَزْوَاجًا يَذْرُؤُكُمْ فِيهِ لَيْسَ كَمِثْلِهِ شَيْءٌ  
وَهُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ

Dialah yang menciptakan langit dan bumi; Dia menjadikan bagi kamu pasangan-pasangan dari jenis kamu sendiri, dan menjadikan dari jenis binatang-binatang ternak berpasang-pasangan (bagi bintang-bintang itu); dengan jalan yang demikian dikembangkannya (zuriat keturunan) kamu semua. Tiada sesuatu pun yang sebanding dengan (ZatNya, sifat-sifatNya, dan pentadbiranNya) dan Dialah Yang Maha Mendengar, lagi Maha Melihat.<sup>315</sup>

وَلَمْ يَكُنْ لَهُ كُفُواً أَحَدٌ

Dan tidak ada sesiapapun yang serupa denganNya.<sup>316</sup>

Bertitik tolak dari ayat tersebut juga, wujudnya larangan *tasybih* (menyerupakan Allah) dan *tajsim* (menjisimkan Allah). Ia telah dirungkai melalui firman Allah di dalam surah al-Ikhlas apabila timbulnya pertanyaan mengenai sifat-sifat Allah.<sup>317</sup> Terdapat ulama“ yang mentafwidkan ayat-ayat mengenai sifat-sifat Allah dan ada pula yang mentakwilkannya dengan merujuk ayat-ayat Allah yang lain. Oleh kerana itu, lahirnya ulama“ *mutakallimīn* yang menghuraikan persoalan nama dan sifat tuhan bagi meletakkan keimanan yang jelas dengan mengithbatkan dan mentanzihkan Allah dengan pendekatan bersederhana (*wasatiyah*) dari sifat yang tidak layak bagiNya seperti Imam al-Asy“ari dan Imam al-Maturidi melalui pembahagian sifat yang wajib, mustahil dan harus bagi Allah.

---

<sup>315</sup> Surah al-Syura (42): 11

<sup>316</sup> Surah al-Ikhlas (114): 4

<sup>317</sup> Menurut riwayat daripada Ubay bin Ka“ab R.A. menceritakan mengenai seorang dari kaum musyrikin meminta penjelasan tentang sifat-sifat Allah kepada Rasulullah saw. dengan berkata: "Jelaskan kepada kami sifat-sifat Tuhanmu." Lalu Allah menurunkan surah al-Ikhlas untuk menjawab persoalan tersebut. Begitu juga sebagaimana diriwayatkan daripada Jabir R.A. dan Ibn Mas“ud R.A. Menurut riwayat Sa“id R.A. pula, seorang Yahudi telah datang kepada Rasulullah S.A.W dan bertanya "Wahai Muhammad, Allah telah menciptakan sesuatu, maka siapakah pula yang mencipta Allah." Pertanyaan tersebut telah membuatkan wajah Rasulullah S.A.W bertukar warna lalu datang Jibril A.S menenangkannya dan menyampaikan wahyu Allah dari surah al-Ikhlas tersebut. Lihat al-Tabari, Abi Ja“far Muḥammad ibn Jarir (1968). *Jami“ al-Bayan ,an Ta‘wīl aiy al-Qur‘ān. Tab‘ah al-Thālithah.* Juz 30. Mesir: Matba“ah Mustafa al-Bābi al-Jalabi wa Awladuhu. h. 326-327; Al-Fakhr al-Rāzi, (t.t.) *Al-Tafsīr al-Kabīr. Al-Tab‘ah al-Ūla.* Juz 31. Mesir: al-Tazam ,Abd Rahman Muhammad. h. 175 & Ibn Kathir, Abi al-Fida“ Ismā“il (tt). *Tafsīr al-Qur‘ān al-„Azm.* Qaherah: al-Matba“ah al-Fanniah. h. 566

#### **4. Ritual Penyembahan Menurut Saivism: Analisis Menurut Perspektif Islam**

Ritual keagamaan dalam aliran Saivism dapat dikategorikan kepada beberapa jenis amalan iaitu *Jnana*, *Yoga*, *Bhakti* dan *Karma* yang merupakan jalan (*marga*) yang dibenarkan dalam aliran Saivism. Kajian ini hanya difokuskan kepada analisis terhadap ritual penyembahan kepada tuhan sahaja. Ia dibuat atas beberapa sebab iaitu **pertama**, penganutnya melakukan amalan ritual keagamaan atas pilihannya sendiri. Oleh kerana ada dalam kalangan penganutnya yang menekankan ritual penyembahan berbanding amalan yang lain, maka amat wajar analisis ini juga difokuskan kepada ritual penyembahan sahaja; **kedua**, melihat kepada pelaksanaan ritual penyembahan kepada tuhan, walaupun penganutnya memahaminya sebagai satu penyerahan kepada tuhan yang satu selaras dengan konsep monoteisme, namun kepelbagaiannya kaedah dan praktikal yang dilaksanakan telah mempengaruhi wujud pelbagai kefahaman terhadap konsep tuhan yang satu dan perkara ini membuka ruang kepada analisis mengenai keselarasannya dengan konsep monoteisme dibuat. Malah, pengkategorian yang dibuat oleh para pengkaji agama yang mengklasifikasikan penganut agama Hindu secara keseluruhannya meyakini konsep politeisme, panteisme, henoteisme dan lain-lain lagi adalah berdasarkan kepelbagaiannya amalan penyembahannya; dan **ketiga**, merujuk kepada aspek keperluan sesuatu objek sebagai perantara kepada tuhan dalam ritual penyembahan berbanding amalan-amalan atau jalan lain menurut pandangan agamawan Saivism dan begitu juga aliran lain dalam Hinduisme adalah bersesuaian untuk golongan-golongan yang tertentu sahaja iaitu yang tidak berupaya menanggapi unsur ketuhanan tanpa sebarang objek seterusnya menjadikan ia sebagai langkah pertama untuk mengenali tuhan. Oleh kerana itu, amat wajar analisis terhadapnya dilaksanakan kerana kefahaman manusia yang betul harus dibentuk dalam usaha mengenali tuhan

yang satu dan perbezaan tanggapan harus dihapuskan agar konsep keesaan tuhan yang sebenar dapat direalisasikan.

Umumnya, setiap penganut sesebuah agama melakukan sesuatu amalan yang ditujukan kepada tuhan dengan tujuan yang tertentu. Selain daripada melaksanakannya sebagai memenuhi tuntutan dalam beragama, ia juga dilaksanakan untuk memohon kebaikan daripada tuhan serta dijauhkan dari segala keburukan. Tujuan ini juga sama sebagaimana yang difahami oleh penganut dalam aliran Saivism. Namun, mereka juga telah menanam keyakinan bahawa pelaksanaan sebarang ritual mampu untuk mencapai penghayatan yang lebih tinggi iaitu mencapai ke tahap penyatuan dengan tuhan walaupun dalam masa yang singkat agar dapat melepaskan ikatan-ikatan yang membelenggu diri manusia untuk mencapai tujuan hidup iaitu *mokhsa*.

Walaupun pelbagai amalan boleh dilaksanakan untuk ditujukan kepada tuhan, manusia tetap mempunyai batasan untuk sampai kepada penyatuan dengan tuhan. Kefahaman terhadap penyatuan diri dengan tuhan merupakan konsep yang bertentangan dengan hakikat penciptaan manusia yang dijadikan oleh tuhan sebagai makhluknya dan dijadikan di dunia dengan tujuan yang tertentu. Oleh kerana itu menurut ajaran Islam, konsep ibadah kepada tuhan merupakan suatu bentuk penyerahan diri kepadaNya yang merupakan ibadah dan akan mendapat ganjaran yang setimpal di hari akhirat jika dilakukan dengan penuh ketakwaan.<sup>318</sup>

Menurut aliran Saivism, ritual penyembahan dilaksanakan melalui amalan *pooja* diyakini sebagai satu manifestasi terhadap konsep monoteisme. Hal ini merujuk kepada keyakinan yang mengkhususkan sembahannya terhadap tuhan yang satu iaitu Siva

---

<sup>318</sup> Muhammad Kamil Hassan. (1989). *Al-„Ibādah fī al-Qur'ān al-Karīm*. Lubnan: al-Maktab al-,Alimi li al-Taba"ah wa al-Nashr.

walaupun ritualnya dilakukan di hadapan dewa pelbagai. Bagi mengukuhkan bahawa semua amalan-amalan tersebut membawa penganutnya kepada tuhan yang satu, maka wujud pelbagai tafsiran, huraian dan perkaitan antara setiap amalan-amalan tersebut oleh agamawannya. Mereka menegaskan bahawa simbol atau bentuk-bentuk yang disembah sekadar perantara antara manusia dengan tuhan. Penjelasan mengenai ritual-ritual keagamaan yang ditujukan kepada tuhan dalam aliran Saivism sebagaimana telah dihuraikan sebelum ini dipersembahkan kepada tuhan melalui pelbagai bentuk. Ada yang dibuat di hadapan simbol tertentu seperti *lingga* atau *phallus*, patung-patung dewa yang pelbagai seperti patung Siva, Sakti, Murugan, dan sebagainya serta gambar-gambar dewa. Dari aspek kepelbagaian bentuk objek sembahannya sahaja, kefahaman terhadap kewujudan tuhan yang satu amat kompleks untuk ditanggapi.

Setiap ritual yang dilaksanakan bersandarkan kepada sumber-sumber yang tertentu dan masing-masing menganggapnya benar dan absah tanpa menafikan kebenaran amalan berlainan. Mereka juga merujuk kepada amalan yang dibawa secara turun temurun. Sesetengah penganutnya meneruskan amalan yang dilaksanakan oleh golongan yang awal dari kalangan mereka. Mereka juga meyakini bahawa terdapat segolongan penganutnya yang telah berjaya mencapai hakikat ilmu ketuhanan Siva. Perkara ini merujuk kepada kumpulan teks *Tirumurai* yang mengandungi penceritaan pengalaman-pengalaman orang yang telah mencapai tahap tersebut dan ajaran berkaitan ritual keagamaan. Teks ini telah menjadi sandaran panganutnya untuk mengikuti jejak langkah tokoh-tokoh tersebut walaupun masing-masing merasai pengalaman yang berlainan. Oleh kerana itu juga, tidak terdapat suatu ketetapan tentang cara dan kaedah yang bertepatan dengan prinsip-prinsip yang terdapat di dalam teks awal terutamanya

*Veda* kerana lebih memfokuskan kepada pengalaman-pengalaman orang yang terdahulu tanpa menilai dari teks agama.

Bagi ajaran Islam, Allah telah menjelaskan dan menegaskan konsep peribadatan yang sempurna sebagai satu kaedah yang dapat memandu keyakinan dan keimanan manusia terhadap keesaan Allah dan secara tidak langsung dapat menangkis kefahaman yang menyebabkan terpesong daripada mentauhidkan Allah.

Ibadah yang dituntut dalam Islam terutama yang khusus seperti solat adalah bersandarkan kepada sumber yang kukuh. Terdapat perintah Allah yang mewajibkan seluruh umat Islam melaksanakan ibadah solat. Seterusnya, Allah telah mengutuskan rasulNya untuk membimbing manusia melakukan ibadah dengan sempurna.<sup>319</sup> Oleh kerana itu, umat Islam sentiasa terpandu lurus melaksanakan tuntutan Allah tanpa berbeza rukun-rukun asasnya. Malah, Allah turut menegaskan agar ibadah yang dilaksanakan harus bersandarkan kepada dalil yang kukuh dan menurut perintah Allah. Allah telah berfirman di dalam al-Qur'an dengan mempersoalkan amalan yang tidak berpandukan perintahnya iaitu:

قُلْ أَرَأَيْتُمْ مَا تَدْعُونَ<sup>١</sup> مِنْ دُونِ اللَّهِ أَرْوَفِي مَاذَا حَلَقُوا  
مِنَ الْأَرْضِ أَمْ هُمْ شَرِكُوْفِي الْسَّمَوَاتِ أَتَتُوْنِي بِكِتَابٍ مِنْ  
قَبْلِ هَذَا أَوْ أَثْرَةٍ مِنْ عِلْمٍ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ

Katakanlah (Wahai Muhammad kepada orang-orang musyrik yang menentangmu): "Sudahkah kamu mengetahui kekuasaan dan kelayakan makhluk-makhluk yang kamu seru dan sembah yang lain dari Allah? Tunjukkanlah kepadaKu apakah yang

<sup>319</sup> Terdapat banyak hadis telah dihimpunkan mengenai ibadah solat di dalam kitab-kitab hadis. Antaranya lihat *Sahih Muslim* dalam *Kitab al-Solāh*, *Sahīh Bukhārī* dalam *Kitab al-Solāh*, *Sunan al-Tirmidī* dalam *Kitab al-Solāh* dan lain-lain lagi.

mereka ciptakan dari bahagian bumi ini? Atau adakah mereka mempunyai sebarang perkongsian (dengan Allah) dalam mencipta dan menguruskan langit? Bawalah kamu kepadaKu sebuah kitab (dari tuhan) yang lain dari al-Qur'ān ini, atau sebarang keterangan yang berdasarkan ilmu (peninggalan orang-orang yang telah lalu) kalau betul kamu orang-orang yang benar (tentang dakwaan kamu itu)!"<sup>320</sup>

Perkara ini juga berkait rapat dengan ritual-ritual yang dipersembahkan di hadapan simbol-simbol tertentu. Terdapat sebahagian daripada ajaran Saivism yang mengambil pendekatan untuk menggunakan simbol dan objek tersebut untuk membantu penganutnya mengenali aspek ketuhanan. Buktinya terdapat bentuk dan objek yang khusus untuk menggambarkan sifat tuhan seperti patung yang gagah, mempunyai warna-warna tertentu, mempunyai senjata yang khusus dan pelbagai lagi. Walaubagaimanapun, perkara ini amat bertentangan dengan prinsip kewujudan tuhan yang ditekankan di dalam teks agamanya bahawa tiada gambaran untuk tuhan.<sup>321</sup> Lebih jauh dari itu, mereka bukan sahaja menggunakan objek tersebut untuk mengenali sifat-sifat tuhan, bahkan mengadakan ritual di hadapannya. Tanggapan bahawa ia sebagai simbolik kekuasaan tuhan juga tidak dapat diterima kerana sudah pasti benda yang dicipta tidak dapat menyamai kekuasaan tuhan.

Menurut ajaran Islam, Allah telah melarang manusia menyembah selainNya kerana Dialah tuhan yang esa dan berkuasa mutlak. Allah juga melarang daripada melakukan sembahyan kepada benda-benda tertentu dengan tanggapan menyembah tuhan yang berkuasa. Bahkan manusia juga harus meyakini bahawa setiap benda yang ada di muka bumi ini juga merupakan ciptaan Allah. Firman Allah di dalam al-Qur'ān:

---

<sup>320</sup> Surah al-Ahqaf (46): 4

<sup>321</sup> *Yajurveda* 32: 3

وَمِنْ ءَايَتِهِ الْلَّيلُ وَالنَّهَارُ وَالشَّمْسُ وَالقَمَرُ لَا تَسْجُدُوا

لِلشَّمْسِ وَلَا لِلْقَمَرِ وَاسْجُدُوا لِلَّهِ الَّذِي خَلَقَهُمْ إِنْ

كُنْتُمْ إِيَّاهُ تَعْبُدُونَ ﴿٣﴾

Dan di antara tanda-tanda kekuasaannya ialah malam dan siang, serta matahari dan bulan. janganlah kamu sujud kepada matahari dan janganlah pula sujud kepada bulan, dan sebaliknya hendaklah kamu sujud kepada Allah yang menciptakannya, kalau betullah kamu hanya beribadat kepada Allah.<sup>322</sup>

Panduan kepada manusia amat jelas bersumberkan wahyu Allah yang dapat memandu akal untuk menentukan sifat kesempurnaan tuhan yang layak disembah dan secara tidak langsung dapat menafikan tanggapan-tanggapan manusia terhadap sifat ketuhanan yang sebenarnya menyimpang dari kebenaran. Ini kerana terdapat segolongan manusia yang berusaha mendekatkan diri kepada tuhan tetapi mengambil sesuatu benda atau objek untuk disembah. Allah telah menegaskan bahawa yang layak disembah hanya tuhan yang berkuasa menghidupkan dan mematikan serta memberi manfaat dan memberi kemudarat. Maka, jika benda atau objek yang disembah tidak mempunyai ciri-ciri tersebut, sudah pasti ia tidak layak untuk dipuja dan disembah. Allah berfirman menjelaskan perkara tersebut:

فَاطِرُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ جَعَلَ لَكُم مِّنْ أَنفُسِكُمْ أَزْوَاجًا

وَمِنَ الْأَنْعَمِ أَزْوَاجًا يَذْرُؤُكُمْ فِيهِ لَيْسَ كَمِثْلِهِ شَيْءٌ

وَهُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ ﴿١١﴾

Dialah yang menciptakan langit dan bumi; Dia menjadikan bagi kamu pasangan-pasangan dari jenis kamu sendiri, dan

<sup>322</sup> Surah Fussilat (41): 37. Lihat juga surah al-Qashash (28): 8

menjadikan dari jenis binatang-binatang ternak berpasang-pasangan (bagi bintang-binatang itu); Dengan jalan yang demikian dikembangkannya (zuriat keturunan) kamu semua. tiada sesuatu pun yang sebanding dengan (ZatNya, sifat-sifatNya, dan pentadbiranNya) dan Dialah Yang Maha Mendengar, lagi Maha Melihat.<sup>323</sup>

وَيَعْبُدُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ مَا لَا يَضُرُّهُمْ وَلَا يَنْفَعُهُمْ  
وَيَقُولُونَ هَؤُلَاءِ شُفَعَوْنَا عِنْدَ اللَّهِ قُلْ أَتَنْسِعُونَ اللَّهَ  
بِمَا لَا يَعْلَمُ فِي السَّمَاوَاتِ وَلَا فِي الْأَرْضِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى  
عَمَّا يُشْرِكُونَ



Dan mereka menyembah yang lain dari Allah, sesuatu yang tidak dapat mendatangkan mudarat kepada mereka dan tidak dapat mendatangkan manfaat kepada mereka dan mereka pula berkata: "Mereka (yang kami sembah itu) ialah pemberi-pemberi syafaat kepada kami di sisi Allah". Katakanlah (Wahai Muhammad): "Adakah kamu hendak memberitahu kepada Allah akan apa yang ia tidak mengetahui adanya di langit dan di bumi (padahal Allah mengetahui segala-galanya)? Maha suci Allah dan tertinggi keadaannya dari apa yang mereka sekutukan."<sup>324</sup>

Untuk mengenali tuhan dan seterusnya mengetahui hakikat ketuhanan juga tidak memerlukan simbol-simbol atau objek-objek yang tertentu. Jelas bahawa setiap yang wujud di dalam dunia ini merupakan ciptaan Allah dan segala-galanya merupakan bukti kewujudan dan kekuasaan Allah. Oleh kerana itu Allah melarang manusia menyamakannya dengan sesuatu. Begitu juga penggunaan simbol-simbol tertentu sahaja untuk menggambarkan diri tuhan dan menggambarkan kekuasaan tuhan. Pandangan Islam begitu jelas bersandarkan firman Allah iaitu:

<sup>323</sup> Surah al-Syura (42): 11. Terdapat juga ayat al-Qur'an yang menceritakan hujah Nabi Ibrahim ke atas Raja Namrud yang mengaku boleh menghidupkan dan mematikan tetapi digagalkan setelah dicabar menerbitkan matahari dari barat melawan kuasa Allah yang menerbitkan matahari dari timur bagi membuktikan tiada yang dapat menandingi kuasa tuhan sebenar iaitu Allah. Lihat surah al-Baqarah (2): 258

<sup>324</sup> Surah Yunus (10):18. Lihat juga surah Al-Ra'd (13): 16

لَيْسَ كَمِثْلِهِ شَيْءٌ وَهُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ

Tiada sesuatu pun yang sebanding dengan (ZatNya, sifat-sifatNya, dan pentadbiranNya) dan Dialah Yang Maha Mendengar, lagi Maha Melihat.<sup>325</sup>

Bagi penganut Saivism lagilah, mereka menafikan bahawa amalan pemujaan yang dilaksanakan di hadapan patung atau simbol tertentu menunjukkan mereka sedang menyembah berhala atau simbol semata-mata kerana mereka mempercayai bahawa penyembahan ditujukan kepada tuhan yang hadir ke dalam bentuk-bentuk tersebut. Mereka yakin bahawa sembahannya tersebut ditujukan kepada tuhan yang satu iaitu Siva walaupun sembahannya tersebut dalam pelbagai bentuk. Sandaran kepada teks-teks agama dalam aliran Saivism yang menegaskan bahawa Siva meliputi seluruh alam telah meyakinkan penganutnya bahawa setiap ritual yang dilakukan terhadap apa jua benda sekalipun adalah menuju kepada Siva.

Begitu juga amalan yang menjadikan objek sebagai perantara kerana keyakinan tuhan wujud dalam bentuk material iaitu objek dan spiritual iaitu roh merupakan teras dalam amalan penyembahan mereka. Pemujaan terhadap objek yang dipersembahkan kepada roh tuhan dibuktikan melalui upacara yang dilaksanakan bermula dengan mengejutkan roh tuhan sehingga tamat. Kemudian terdapat juga kisah mengenai patung yang boleh menghabiskan air susu berlaku di India telah ditanam ke dalam keyakinan penganutnya sejak kecil. Perkara ini juga bertentangan dengan hukum akal manusia kerana menganggap roh tuhan yang bersifat maha besar telah meresapi ke dalam sesuatu yang tidak bersifat kekal. Secara tidak langsung tuhan telah merendahkan

---

<sup>325</sup> Surah al-Syura (42): 11. Terdapat juga ayat al-Qur'an yang menceritakan hujah Nabi Ibrahim ke atas Raja Namrud yang mengaku boleh menghidupkan dan mematikan tetapi digagalkan setelah dicabar menerbitkan matahari dari barat melawan kuasa Allah yang menerbitkan matahari dari timur bagi membuktikan tiada yang dapat menandingi kuasa tuhan sebenar iaitu Allah. Lihat surah al-Baqarah (2): 258

taraf kewujudannya untuk masuk ke dalam bentuk ciptaan manusia. Namun, oleh kerana kepercayaan bahawa roh ketuhanan mampu wujud di dalam patung-patung amat ditekankan dalam ajaran Saivism, maka mereka meyakininya dengan sepenuh hati.

Ajaran Islam menegaskan bahawa tuhan yang berkuasa wujud secara sendiri tanpa memerlukan sebarang perantara atau pembantu untuk melakukan sesuatu perkara sama ada berupa makhluk yang bernyawa ataupun tidak. Hal ini kerana tidak ada satu pun kejadian di muka bumi ini yang setanding denganNya. Terdapat peristiwa di dalam al-Qur'an yang menceritakan mengenai kisah Nabi Musa ingin bertemu Allah. Kisah tersebut menjadi bukti bahawa tidak ada sesuatu pun yang mampu menahan kekuasaan Allah sehingga gunung yang besar juga boleh hancur. Begitulah kehebatan tuhan sebagaimana ayat yang menjelaskan kisah tersebut iaitu:

وَلَمَّا جَاءَ مُوسَىٰ لِمِيقَاتِنَا وَكَلَمَهُ رَبُّهُ قَالَ رَبِّ أَرِنِّي أَنْظُرْ  
إِلَيْكَ قَالَ لَنْ تَرَنِي وَلَكِنْ أَنْظُرْ إِلَى الْجَبَلِ فَإِنِّي أَسْتَقْرَ  
مَكَانَهُ فَسَوْفَ تَرَنِي فَلَمَّا تَحَلَّى رَبُّهُ بِلِلْجَبَلِ جَعَلَهُ  
ذَكَّارًا وَخَرَّ مُوسَىٰ صَعِقًا فَلَمَّا أَفَاقَ قَالَ سُبْحَانَكَ تُبَتْ  
إِلَيْكَ وَأَنَا أَوَّلُ الْمُؤْمِنِينَ



Dan ketika Nabi Musa datang pada waktu yang kami telah tentukan itu, dan tuhannya berkata-kata dengannya, maka Nabi Musa (merayu dengan) berkata: "Wahai Tuhan! perlihatkanlah kepadaku (ZatMu Yang Maha Suci) supaya aku dapat melihatMu". Allah berfirman: "Engkau tidak sekali-kali akan sanggup melihatKu, tetapi pandanglah ke gunung itu, maka kalau ia tetap berada di tempatnya, nescaya engkau akan dapat melihatKu", setelah tuhannya "Tajalla" (menzahirkan kebesarannya) kepada Gunung itu, (maka) "TajalliNya" menjadikan gunung itu hancur lebur dan Nabi Musa pun jatuh pengsan. Setelah ia sedar semula, berkatalah ia: "Maha suci

Engkau (Wahai Tuhanaku), aku bertaubat kepadaMu, dan Akulah orang yang awal pertama beriman (pada zamanku)<sup>326</sup>

Firman Allah tersebut juga menjadi hujah menolak dakwaan yang menyatakan terdapat roh ketuhanan di dalam setiap kewujudan kerana sesuatu yang dicipta sudah pasti tidak dapat menempati penciptanya.<sup>327</sup> Bahkan ia menjelaskan segala kewujudan yang ada di alam ini menjadi bukti kewujudan pencipta.

Hakikatnya, tahap pemikiran dan penghayatan keagamaan menjadi faktor berlakunya kefahaman mengenai amalan penyembahan ini. Ia jelas mengasingkan pelaksanaan sembahana dalam kalangan penganutnya kerana bagi mereka yang telah mencapai tahap pemikiran yang tinggi tidak lagi memerlukan gambaran atau bentuk-bentuk tertentu untuk memahami tuhan sebaliknya bagi penganut yang masih tidak mampu menanggapi sifat ketuhanan yang kebanyakannya kanak-kanak perlu diajar dan ditunjukkan dengan gambaran-gambaran ketuhanan tersebut. Akhirnya, amalan keagamaan bertentangan dengan prinsip ketuhanan itu sendiri kerana sifat-sifat tuhan telah digambarkan seperti manusia dan haiwan. Dalam hal ini, tidak dapat dinafikan wujud jurang perbezaan dalam kalangan penganutnya walaupun mereka cuba menafikan wujudnya sistem *kasta* dalam kehidupan mereka. Begitu juga mengenai keyakinan yang mengutamakan golongan *Brahmin* untuk melakukan ritual pemujaan kepada Siva.

Hakikat perbezaan yang wujud bagi diri setiap insan termasuk dalam pengetahuan Allah kerana Dia lebih memahami keadaan makhlukNya. Malah Allah yang telah menyuruh manusia agar saling kenal-mengenali dan sentiasa bersikap baik

---

<sup>326</sup> Surah al-A'raf (7): 143

<sup>327</sup> Perbahasan mengenai sifat Allah khususnya sifat *Qiyāmuhu bi nafsihi* dapat menjelaskan dua perkara iaitu pertama, Allah tidak memerlukan suatu tempat dan kedua, Allah tidak memerlukan sesuatu yang mengkhususkannya. Lihat Ibrahīm al-Baijuri (2009). *Op. Cit.* h. 87-88

antara satu sama lain kerana Allah telah mengetahui aturan ciptaanNya. Perbezaan tersebut bukan sahaja pada sifat zahir manusia tetapi juga sifat batinnya. Ia boleh dirujuk melalui Firman Allah iaitu:

يَأَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُم مِّنْ دَرَّكِ وَأَثْنَى وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا  
وَقَبَائِلٍ لِتَعَارِفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتَقْنَىكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ

حَبِيرٌ

Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya di antara kamu, (bukan kemuliaan keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha mendalam pengetahuannya (akan keadaan dan amalan kamu).<sup>328</sup>

وَمَا وَجَدْنَا لِأَكْثَرِهِم مِّنْ عَهْدٍ وَإِنْ وَجَدْنَا آكْثَرَهُمْ

لَفَسِقِينَ

Dan Kami tidak mendapati bagi kebanyakan mereka sebarang janji (yang ditepati), dan Kami tidak mendapati kebanyakan mereka melainkan orang-orang yang fasik.<sup>329</sup>

إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ مَنْ يَضْلُّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ

بِالْمُهَتَّدِينَ

Sesungguhnya Tuhanmu, Dialah yang lebih mengetahui akan sesiapa Yang sesat dari jalannya, dan Dialah yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat petunjuk.<sup>330</sup>

<sup>328</sup> Surah al-Hujurat (49): 13

<sup>329</sup> Surah al-A'raf (7): 102

Berdasarkan firman Allah tersebut juga menunjukkan Allah lebih mengetahui tahap-tahap keyakinan dan keimanan manusia kepadaNya. Maka, bertitik tolak dari perbezaan tersebut, Allah telah membimbing manusia agar sentiasa menetapkan keyakinan seterusnya beriman dengan keesaan Allah berdasarkan ajaran yang benar dan tepat. Sama ada bimbingan tersebut berdasarkan ketetapan Allah yang tidak boleh diubah-ubah mahupun perutusan para nabi dan rasul serta panduan-panduan lain agar manusia berfikir dan menggunakan segala keupayaan yang dianugerahkan Allah termasuklah penciptaan alam semesta dan segala isinya.

Maka, manusia perlu sentiasa berusaha untuk memahami hakikat keesaan tuhan berdasarkan ketetapan dan ketentuanNya agar dapat mencapai pengetahuan terhadap perkara tersebut dengan penuh ketaatan dan ketakwaan. Usaha tersebutlah yang mendarangkan manfaat kepada manusia selagi manusia dapat mengekalkan ketakwaan kepadaNya. Keyakinan dan keutuhan iman kepada Allah melalui konsep takwa menghasilkan ganjaran daripada Allah atas usaha-usaha yang dilaksanakan. Konsep takwa tidak membezakan manusia pada tahap-tahap dan golongan-golongan tetentu. Asasnya bersandarkan kepada firman Allah yang menegaskan mengenai keutamaan pandangan Allah S.W.T. terhadap manusia. Selain itu, Allah juga tidak membezakan penerimaan ibadah seseorang melainkan takwa. Firman Allah S.W.T.:

وَلَيْسَ الْبِرُّ بِأَنْ تَأْتُوا الْبَيْوَكَ مِنْ ظُهُورِهَا وَلَكِنَّ الْبِرَّ مِنْ  
أَنْتَقُوا وَأَتُوا الْبَيْوَكَ مِنْ أَبْوَابِهَا وَأَنْتُقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ

تُفْلِحُونَ

---

<sup>330</sup> Surah al-An'am (6): 117

Dan bukanlah perkara kebijakan: kamu memasuki rumah dari bahagian belakangnya (ketika kamu berihram) akan tetapi kebijakan itu ialah perbuatan orang yang bertakwa; dan masuklah ke rumah (kamu) itu melalui pintunya, serta bertakwalah kamu kepada Allah supaya kamu berjaya."<sup>331</sup>

## 5. Kesimpulan

Keyakinan terhadap konsep monoteisme menurut aliran Saivism mempunyai sumber yang pelbagai sama ada daripada teks agama mahupun ajaran secara tradisi turun temurun. Walaupun secara teori terdapat penjelasan dan penekanan bahawa tuhan hanyalah satu, namun terdapat pelbagai bentuk amalan keagamaan melalui ajaran-ajaran yang telah sebatи dalam keyakinan penganutnya terutama dalam amalan pemujaan tuhan. Hubungan terhadap teori dan amalan yang membuktikan bahawa mereka meyakini konsep monoteisme dikaitkan dengan kefahaman bahawa roh tuhan wujud meliputi seluruh kewujudan dalam alam semesta. Manakala kepelbagaiannya juga dikaitkan dengan huraiyan nama dan sifat Siva yang pelbagai.

Berdasarkan penjelasan terhadap konsep ketuhanan dalam aliran Saivism tersebut juga dapat menentukan bentuk keyakinan yang tidak menepati hakikat kewujudan tuhan yang satu. Berdasarkan ajaran Islam melalui konsep tauhid yang telah jelas menepati hakikat keesaan tuhan dan bersumberkan wahyu dari Allah sendiri, keyakinan yang wujud dalam aliran Saivism tersebut dapat dinilai kesahihannya. Penjelasan mengenai pelbagai tanggapan terhadap sifat dan ciri ketuhanan dapat diperteguhkan dan kesilapan-kesilapan dapat dibersihkan. Akhirnya, melalui ajaran Islam, manusia dapat memperteguhkan kefahaman dan keyakinan serta melaksanakan amal perbuatan yang bertepatan dengan keesaan Allah secara mutlak.

---

<sup>331</sup> Surah al-Baqarah (2): 189

## **BAB 5**

### **KESIMPULAN DAN SARANAN**

#### **1. Kesimpulan**

Perkembangan ajaran agama Hindu melalui suatu perjalanan sejarah yang amat panjang meliputi fasa yang banyak dan setiap fasa perkembangan tersebut amat penting dalam membentuk ajaran agamanya termasuklah dalam persoalan keyakinan kepada tuhan. Wujud pelbagai pergerakan yang bertujuan menyatukan kefahaman penganutnya ke arah memperutuhkan keyakinan terhadap tuhan secara komprehensif dari semasa ke semasa termasuklah kelahiran ajaran daripada aliran Saivism yang mengkhususkan kepercayaan terhadap ketuhanan Siva. Penganutnya juga telah sekian lama dihidangkan dengan pelbagai tafsiran dalam ajaran agamanya yang dianggap sebagai satu kebenaran. Tradisi penerimaan dan penolakan juga wujud dalam ajaran agamanya dengan tanggapan membersihkan kefahaman dan memperbaiki penghayatan konsep ketuhanan yang jelas berkembang berlandaskan ukuran yang bersifat anjal dan relatif kerana merujuk kepada tafsiran manusia semata-mata. Namun di samping perbezaan tersebut, ternyata wujud beberapa asas keselarasan dalam elemen ketuhanan seperti kefahaman terhadap kewujudan roh tuhan, kepelbagaian sifat tuhan yang satu dan lain-lain lagi. Elemen ini menjadi landasan pandangan dan pemikiran menurut aliran Saivism bagi menghuraikan konsep ketuhanan sehingga segala ajaran-ajaran yang terdapat dalam teks agama yang pelbagai dan tradisi yang dibawa turun temurun dari pelbagai latar belakang dapat dihubungkaitkan secara tuntas.

Secara keseluruhannya, kajian ini dapat mengupas mengenai doktrin ketuhanan yang ditekankan dalam aliran Saivism melalui rujukan terhadap teks agamanya yang pelbagai. Selain daripada teks yang menjadi pegangan seluruh penganut agama Hindu

meliputi teks dalam kategori *Smrti* dan *Sruti*, terdapat juga kumpulan teks khusus yang hanya menjadi rujukan penganut Saivism sahaja hingga kini yang dinamakan *Tirumurai*. Di dalamnya terdapat juga amalan keagamaan yang ditujukan kepada tuhan berasaskan adat turun temurun dijadikan sebagai panduan dan rujukan. Terdapat juga amalan yang dianggap mampu mencapai kesempurnaan hakikat ketuhanan iaitu sebagaimana terdapat dalam teks *Periya Puranam* dijadikan contoh dan ikutan penganutnya. Jelas bahawa keyakinan terhadap konsep ketuhanan yang satu merupakan ajaran yang dihimpunkan daripada pelbagai sumber dan penyatuan ajaran-ajaran yang dibuat secara komprehensif oleh agamawan dan ilmuwannya.

Penelitian utama terhadap asas kepercayaan dan keyakinan kepada tuhan bagi penganut Saivism ialah memperakui kekuasaan tuhan dalam segala perkara. Malah, keyakinan bahawa Siva menguasai keseluruhan penciptaan di alam ini – meliputi kekuasaan mencipta, memelihara, memusnahkan dan sebagainya – memperkuuhkan ketuhanan Siva sebagai tuhan yang berkuasa mutlak. Kefahaman ini juga berkait dengan keyakinan terhadap sifat-sifat mutlak tuhan yang tiada tandingan seperti Maha Mendengar, Maha Melihat, Maha Mengetahui dan sebagainya. Ia merupakan fitrah yang tertanam di dalam diri manusia untuk mengakui kerendahan diri dan kelemahannya di samping kepercayaan terhadap kewujudan kuasa mutlak yang mengatur perjalanan alam. Namun begitu, kekuasaan tuhan yang diyakini menurut aliran Saivism mempunyai pelbagai interpretasi sehingga penganutnya memfokuskan penyembahan kepada dewa dan dewi tertentu yang dianggap sebagai sebahagian kuasa Siva seperti Dewi Sakti dan Dewa Ganesha.

Berdasarkan kajian dan hujah-hujah yang dipetik daripada ajaran berkaitan konsep ketuhanan yang terdapat dalam aliran Saivism sebagaimana yang telah

dihuraikan juga dapat disimpulkan bahawa ajarannya menekankan kepercayaan bahawa hanya terdapat tuhan yang satu sahaja yang memiliki, menguasai serta mengatur segala kejadian di muka bumi ini yang ditanggapi sebagai satu bentuk keyakinan bersifat monoteisme. Ia turut menjadi titik tolak kepada kelahiran golongan agamawan dan ilmuwannya yang berusaha memperkuuhkan hujah tentang konsep kewujudan tuhan yang satu tersebut. Walaupun penganut Saivism mempertahankan bahawa keyakinan terhadap kewujudan tuhan yang satu adalah keyakinan yang bersifat universal dan harus dimiliki oleh setiap insan, huraian terhadap konsep ketuhanan yang satu menurut pandangan mereka berbeza sama sekali dengan ajaran yang ditekankan dalam agama lain terutamanya ajaran Islam lebih jelas dalam menekankan keyakinan kepada keesaan Allah S.W.T.

Huraian dan penjelasan terhadap konsep monoteisme menurut Saivism sememangnya menunjukkan pandangan penganutnya yang meyakini bahawa Siva adalah tuhan yang satu. Namun demikian, dari sudut ajarannya, terdapat pelbagai huraian dan hujah mengenai keyakinan terhadap tuhan sehingga konsep monoteisme tersebut turut bercampur dengan elemen-elemen yang tidak menepati konsep tuhan yang satu serta tidak dapat menghuraikan konsep ketuhanan Siva secara mutlak. Malah, para ilmuwan dan agamawannya turut mengiktiraf kepelbagai tafsiran manusia terhadap ketuhanan Siva tersebut. Oleh kerana itu wujudnya pelbagai falsafah ketuhanan seperti *Dvaita*, *Advaita* dan lain-lain lagi. Selain itu, wujud perbezaan pada penghayatan keagamaan terutamanya dipengaruhi oleh faktor tanggapan wujudnya perbezaan keupayaan diri dan akal sama ada pada tahap yang tinggi atau rendah dalam memahami hakikat ketuhanan sehingga amalan yang berlainan iaitu pemujaan, *Yoga*, *Bhakti* dan *Jnana* mempunyai tempatnya yang tersendiri dan absah dalam agamanya. Konsep

monoteisme Siva adalah gabungan dari kepelbagaian bentuk kefahaman penganut Saivismé dan pengiktirafan pelbagai bentuk amalan keagamaan seperti ritual penyembahan, ritual penyerahan diri dan sebagainya.

Kepelbagaian kefahaman dalam asas agama inilah yang menyebabkan keyakinan terhadap kewujudan tuhan yang satu berbeza antara ajaran Islam dan Saivismé. Ajaran Islam menekankan asas yang kukuh melalui konsep tauhid iaitu keesaan Allah dapat difahami dalam aspek pemikiran dan dapat dihayati dalam kehidupan. Keyakinan terhadap ketuhanan menurut Islam sentiasa bersandarkan kepada dalil-dalil yang berteraskan wahyu Allah iaitu Al-Qur'ān dan juga hadis yang disampaikan oleh Nabi Muhammad S.A.W. kerana batasan keupayaan manusia menanggapi persoalan ketuhanan. Elemen-elemen yang bercanggah dengan hakikat ketuhanan juga dapat dibersihkan seterusnya menghasilkan keimanan yang tulen dan diterima Allah S.W.T. Doktrin monoteisme menurut Saivismé pula dipengaruhi oleh penerimaan pelbagai bentuk kefahaman dan keyakinan terhadap hakikat ketuhanan di samping kewujudan elemen-elemen yang bertentangan dengan hakikat ketuhanan. Malah, ajaran-ajaran yang pelbagai dan kemudian digabung jalin mewujudkan percanggahan yang ketara terhadap konsep ketuhanan khususnya bagi membuktikan konsep monoteisme.

Kajian ini juga dapat merumuskan mengenai beberapa elemen yang penting dalam ajaran Saivismé sehingga agamanya dianggap selaras sebagai agama monoteisme. Ia wujud dalam kefahaman penganutnya terhadap bentuk ketuhanan Siva dan kefahaman yang terbentuk melalui kepelbagaian nama-nama Siva, manakala dari sudut ritual keagamaan dapat dinilai dari amalan pemujaan yang pelbagai. Elemen tersebut telah membentuk keyakinan penganutnya terhadap konsep monoteisme Siva

sama ada dari sudut kefahaman mahu pun praktikal. Elemen-elemen tersebut juga telah dianalisis oleh pengkaji berdasarkan perspektif Islam agar dapat menjelaskan keesaan tuhan yang sebenar sebagaimana berikut:

1. Elemen yang penting dalam ajaran Saivism ialah kepercayaan kepada kewujudan roh tuhan yang satu dalam setiap kejadian di alam ini dan menjadikan keyakinan mereka utuh terhadap ajaran yang pelbagai dalam mentafsirkan bentuk-bentuk ketuhanan Siva. Elemen ini amat penting untuk difahami oleh para pengkaji kerana melaluinya keyakinan kepada kewujudan tuhan yang satu diperkuuhkan walaupun terdapat pelbagai bentuk praktikal keagamaan. Melaluinya juga, telah mewujudkan pelbagai lagi konsep-konsep yang membina pandangan hidup penganutnya terhadap konsep kehidupan dan kematian manusia seperti konsep *karma*, *mokhsa* dan *samsara*.

Kefahaman mengenai roh menurut pandangan Islam pula jelas membezakan di antara tuhan dan makhlukNya. Allah adalah Pencipta segala-galanya manakala roh yang terdapat pada setiap kewujudan adalah ciptaanNya dan bukan diriNya. Kefahaman ini jelas dapat membuktikan keesaan Allah S.W.T. yang bersih dari sebarang kecelaruan akal fikiran. Oleh kerana itu, wujud konsep pertanggungjawaban dalam kehidupan manusia di dunia dan penilaianya selepas kematian. Roh pula termasuk dalam perkara-perkara ghaib dan ia tidak dapat ditanggapi dengan mudah oleh manusia. Terdapat batasan manusia untuk mengetahui keseluruhan ilmu mengenai roh dan Allah telah memberikan panduan berkaitan perkara ini melalui wahyuNya. Allah telah menjelaskan mengenai penciptaan roh pada setiap makhlukNya

serta destinasi roh selepas ia terpisah dari jasad. Melalui penegasan tersebut, manusia dapat mensucikan keyakinan terhadap tuhan yang esa dari sebarang penyamaaan dan mengelakkan kecelaruan fahaman. Berdasarkan kefahaman yang suci terhadap konsep roh juga memudahkan kefahaman manusia terhadap konsep kehidupan dan kematian yang menjadi perkara pokok dalam membentuk keyakinan manusia kepada tuhan.

2. Kepelbagaian nama Siva turut menjadi perkara utama bagi penganutnya membentuk kefahaman terhadap konsep monoteisme walaupun masing-masing saling mempunyai cara penyerahan yang berbeza sehingga ia membentuk amalan-amalan yang memisahkan nama-nama tuhan tersebut. Perkara ini bertitik tolak dari kefahaman bahawa setiap nama-nama tersebut menunjukkan identiti yang dimiliki oleh Siva dan kepelbagaianya merujuk kepada sifat-sifat yang khusus bagi Siva. Kefahaman ini telah mempengaruhi perbezaan dalam persoalan ketuhanan bagi keseluruhan penganut dalam agama Hindu khususnya dalam aliran Saivism. Ia juga telah menyebabkan wujud amalan keagamaan yang pelbagai kerana setiap nama mempunyai ritual yang khusus dan tersendiri. Lebih jauh lagi, sifat-sifat tersebut diuraikan dengan lebih mendalam untuk mengenali zat ketuhanan dengan memberikan gambaran-gambaran yang khusus atau juga dikenali sebagai antropomorpisme yang menyebabkan wajah tuhan digambarkan dengan wajah manusia dan binatang.

Ajaran Islam membentuk keyakinan bahawa tuhan yang esa ialah Allah secara mutlak. Di samping itu, Allah juga mempunyai nama-nama lain yang menunjukkan kebesaranNya dan kesucianNya. Ia juga menunjukkan sifat-

sifat yang dimiliki oleh Allah seperti Maha Mendengar, Maha Melihat, Maha Pengasih, Maha Penyayang dan sebagainya. Namun kefahaman terhadap nama-nama Allah tidak mempengaruhi pengenalan terhadap zat Allah kerana bersandarkan kepada firman Allah yang menjelaskan bahawa tidak ada sesuatu pun yang menyamaiNya. Maka, kefahaman manusia dapat disucikan daripada menyamakan Allah dengan kewujudan yang lain atau menjisimkanNya seperti keadaan makhluk.

3. Amalan penyembahan penganutnya kepada tuhan pula wujud dalam pelbagai pendekatan. Pelaksanaannya ditentukan oleh penganutnya sendiri berpandukan ajaran-ajaran oleh para agamawan. Pemilihan bentuk-bentuk ritual keagamaan ini dianggap selaras dengan konsep monoteisme kerana beranggapan bahawa setiap amalan keagamaan harus berdasarkan kepada keupayaan yang dimiliki oleh setiap individu terutama dari sudut keupayaan akal sama ada tahap akal yang rendah ataupun tinggi bagi memahami hakikat ketuhanan yang satu tersebut. Bertitik tolak dari perkara itu telah menimbulkan suatu pendekatan iaitu penyembahan kepada tuhan melalui amalan pemujaan yang perlu dilaksanakan oleh penganut yang dianggap tidak mempunyai keupayaan akal yang tinggi. Amalan pemujaan atau lebih dikenali sebagai *pooja* mempunyai pelaksanaan yang khusus dengan mempersempahkan pemujaan kepada sesuatu objek atau simbol-simbol yang tertentu sebagai cara mengenali tuhan. Malah ia menjadi perantara bagi manusia untuk sampai kepada tuhan.

Ajaran Islam tegas memerintahkan umatnya agar melaksanakan amalan-amalan iaitu ibadah kepada Allah S.W.T. Namun, ajaran Islam yang

berteraskan kepada konsep ketauhidan Allah S.W.T. mengajar manusia agar membentuk kesatuan dalam perkara berkaitan ibadah tersebut. Pegangan ini menjadi asas kerana kesatuan ibadah turut mempengaruhi kefahaman dan keyakinan seseorang terhadap keesaan Allah S.W.T. dan ia dapat menilai keimanan seseorang kepadaNya. Oleh yang demikian, perbezaan dari sudut keupayaan manusia dapat disatukan ke arah kefahaman yang tepat dan murni mengenai keesaan Allah seterusnya dapat menghindarkan manusia dari kefahaman yang terseleweng. Malah ia dapat membentuk akal yang sejahtera dan membina kekuatan akal dengan sempurna. Allah telah menegaskan agar menuruti segala perintahNya dan meninggalkan segala laranganNya. Penerimaan amal ibadah di sisi Allah ialah berdasarkan keimanan dan ketaqwaan seseorang kepadaNya. Ibadah yang dilaksanakan menurut ajaran Islam tidak memerlukan sebarang bentuk simbol, objek atau gambaran sebagai perantara sama ada untuk mengenali Allah muh pun sebagai jalan untuk sampai kepadaNya. Perkara ini juga bersandarkan kepada dalil bahawa tidak ada sesuatu pun yang dapat menyamai Allah dan menandingiNya.

Berdasarkan keseluruhan kajian mengenai konsep monoteisme menurut Saivism, dapat dibuat kesimpulan bahawa terminologi yang digunakan dalam ilmu perbandingan agama sebagaimana yang dipopularkan daripada tradisi ilmu barat merupakan suatu istilah yang bersifat simplistik dan kabur. Ia memerlukan pensifatan yang lebih spesifik bagi memastikan kepercayaan sesebuah agama dapat disandarkan dalam kategori-kategori yang tertentu. Persoalan ini jelas dalam penguraian istilah monoteisme yang terbahagi lagi kepada beberapa bahagian iaitu monoteisme eksklusif, monoteisme inklusif dan monoteisme tulen. Terdapat kecenderungan ke arah

menyamataraikan dan menyelaraskan pelbagai agama dalam satu kategori. Malah, ajaran Islam telah diletakkan bersama-sama dengan agama lain dalam satu aliran pemikiran iaitu sebagai monoteisme. Hakikatnya, agama-agama yang dikategorikan sebagai monoteisme mempunyai asas dan dasar ajaran yang berbeza dalam kepercayaan terhadap tuhan. Melalui huraian konsep monoteisme, perbezaan-perbezaan yang wujud pada dasar ajaran setiap agama tidak menjadi penilaian utama. Perbezaan ini sebagaimana dijelaskan bahawa ajaran Saivism adalah monoteisme inklusif yang dapat menerima semua pandangan tentang konsep ketuhanan yang satu sedangkan konsep ketuhanan yang satu menurut ajaran Islam lebih mudah dicerna melalui konsep tauhid iaitu mengesakan Allah S.W.T. dengan segala kesempurnaan serta menafikan sifat-sifat yang tidak layak untukNya. Malah keyakinan terhadap konsep ketuhanan menurut Saivism bertentangan dengan konsep ketuhanan menurut ajaran Islam. Kesilapan menggunakan istilah yang tepat akan menyebabkan berlakunya kesilapan dalam penilaian terhadap sesebuah agama.

Konsep monoteisme ini juga merupakan suatu konsep yang tidak dapat meghuraikan bentuk kepercayaan kepada tuhan yang satu secara mutlak. Pengkategorian sesebuah agama sebagai monoteisme merupakan pengkategorian yang tidak dapat menghuraikan keseluruhan keyakinan penganut sesebuah agama. Malah, konsep monoteisme tersebut bersifat terbuka kerana dapat dihuraikan menurut kacamata pelbagai perspektif. Melalui konsep monoteisme, terdapat agama yang hanya meyakini kewujudan tuhan yang satu dari sudut spiritual turut dimasukkan dalam kategori tersebut sedangkan dari sudut praktikalnya tidak dapat menzahirkan kefahaman kepada kewujudan tuhan yang satu. Walaupun ia merupakan penjelasan ke atas kepercayaan terhadap tuhan, ia turut dihuraikan dengan menggunakan konotasi yang bersifat negatif.

Sandaran sifat eksklusif dan inklusif misalnya telah membezakan agama yang dikatakan mempunyai nilai-nilai toleransi atau sebaliknya. Ukuran penilaian juga menjadi subjektif kerana tidak bersandarkan kepada asas kepercayaan yang mutlak. Nilai kebenarannya diukur berdasarkan pandangan manusia semata-mata. Sebaliknya melalui konsep tauhid, yang bersumberkan wahyu Allah dan mempunyai asas huraian dan hujah yang kukuh, hakikat keesaan Allah dapat difahami dengan lebih jelas dan dapat membuktikan keesaan Allah secara mutlak di samping dapat menjelaskan bentuk-bentuk kefahaman yang menyeleweng daripada memahami konsep ketuhanan. Jelas bahawa manusia harus berusaha memahami kewujudan tuhan dan keesaanNya berdasarkan ajaran Islam berbanding ajaran agama yang lain atau kefahaman dari pemikiran yang wujud selain dari kerangka ajaran Islam.

## **2. Saranan**

Kajian yang telah dilaksanakan ini merupakan satu usaha bagi mengetahui dan menganalisis konsep ketuhanan menurut aliran Saivism. Berdasarkan kajian ini, pengkaji menyarankan agar usaha yang perlu diutamakan dalam memahami kepercayaan dan keyakinan penganut sesebuah agama terhadap konsep ketuhanan adalah penelitian yang menyeluruh terhadap keseluruhan elemen-elemen yang terdapat dalam ajaran agamanya. Oleh kerana konsep ketuhanan merupakan asas keyakinan yang paling tinggi dalam kehidupan beragama, maka seluruh pandangan hidup manusia terhadap kehidupannya akan dipengaruhi oleh keyakinannya terhadap konsep ketuhanan tersebut. Oleh yang demikian, pengetahuan terhadap asas-asas ajaran yang membentuk keyakinan dalam sesebuah agama perlu dititik beratkan agar segala usaha untuk memahami keyakinan penganutnya dapat dicapai. Usaha memahami keyakinan penganut Saivism bukan sekadar dapat mengetahui ajaran-ajarannya tetapi lebih jauh daripada itu, dapat membentuk satu penilaian yang tepat terhadap intipati keyakinan

mereka. Bahkan, ia dapat membina garis sempadan dalam memahami perbezaan-perbezaan yang terdapat dalam ajaran agama-agama yang wujud di dunia.

Kajian yang telah dilaksanakan ini juga memberikan tumpuan terhadap ajaran-ajaran berkaitan persoalan ketuhanan Siva. Terdapat pelbagai lagi ketuhanan yang dipercayai dan diyakini oleh penganut agama Hindu keseluruhannya. Bagi para pengkaji yang ingin mengkhususkan kajian terhadap ajaran Hindu, perkara ini memberi ruang kepada pelaksanaan kajian selain dari ketuhanan Siva. Selain itu, elemen-elemen yang wujud dalam ajaran Saivism juga mempunyai perkaitan dengan pelbagai bentuk pemikiran lain yang masih lagi boleh dibuat kajian secara mendalam. Antaranya mengenai unsur-unsur relativisme, pluralisme dan perkaitan antara ajaran-ajarannya dengan klasifikasi terminologi perbandingan agama yang lain seperti politeisme, henoteisme dan lain-lain lagi. Huraian terhadap perkaitan-perkaitan ini dapat membentuk satu kefahaman yang menyeluruh terhadap perkembangan ajaran-ajaran Saivism secara khusus dan keseluruhan ajaran Hinduisme umumnya.

Di peringkat universiti, kajian ini merupakan salah satu usaha ke arah membentuk kefahaman para pensyarah dan mahasiswa terhadap ajaran ketuhanan menurut salah satu aliran agama Hindu iaitu aliran Saivism yang dianalisis berdasarkan perspektif Islam. Pihak universiti perlu mengembangkan lagi usaha ini dengan menggalakkan para mahasiswa melengkapkan diri dengan pengetahuan terhadap ajaran-ajaran agama yang pelbagai sama ada melalui silibus-silibus pembelajaran, program dialog keagamaan mahupun interaksi sosial. Ia bagi membina perhubungan yang baik sesama pensyarah dan mahasiswa berlainan agama agar saling memahami kepercayaan dalam agama anutan masing-masing. Ia secara tidak langsung dapat membantu mengelakkan salah faham dalam masyarakat kerana universiti merupakan nadi bagi

sesebuah negara agar dapat menjana kehidupan yang sentiasa berlandaskan keilmuan. Ia juga dapat memberi pendedahan kepada mahasiswa apabila mereka memasuki alam pekerjaan yang lebih mencabar bagi menghadapi isu-isu kemasyarakatan dan keagamaan.

Usaha memahami sesuatu konsep ketuhanan juga perlu dilaksanakan berdasarkan penilaian menurut perspektif Islam. Sesungguhnya, Allah telah memberikan panduan yang lengkap kepada manusia memahami hakikat ketuhanan meliputi wahyuNya yang disampaikan kepada Nabi Muhammad S.A.W., perutusan para rasulNya sebagai pembimbing manusia yang menjadi rahmat kepada seluruh alam dan juga kelebihan-kelebihan yang dianugerahkanNya kepada manusia berbanding makhluk yang lain terutamanya akal. Penilaian hasil pemikiran dan kefahaman selain dari kerangka ajaran Islam juga boleh menyebabkan manusia menuju ke arah kesesatan. Malah, Allah telah menjelaskan bahawa hanya Islam agama yang diterima di sisiNya.

Selain itu, amat penting bagi setiap individu yang berusaha memahami persoalan ketuhanan memperakui beberapa perkara, iaitu:

1. Setiap orang yang berusaha memantapkan keimanan harus mengetahui bahawa terdapat pelbagai cara dan kaedah yang boleh dilakukan dalam usaha mengenali tuhan. Namun, tidak semua usaha tersebut menuju kepada tuhan yang sebenar iaitu Allah S.W.T. Malah terdapat pula keyakinan yang akhirnya membawa kepada kesesatan kerana menurut ajaran Islam, syaitan sentiasa berusaha menyuruh manusia melakukan perbuatan yang keji dan mungkar serta mengharapkan manusia agar terseleweng dari jalan yang telah ditetapkan oleh Allah S.W.T. Maka, kesedaran terhadap usaha ke arah

memperolehi petunjuk dan dibentangkan pengetahuan yang tepat dan sempurna perlu sentiasa dilaksanakan.

2. Selain itu, setiap individu haruslah menetapkan suatu usaha di dalam hati dengan jujur dan ikhlas agar sentiasa ditunjukkan berada di atas jalan yang benar bagi mencapai pengetahuan yang sebenar mengenai hakikat ketuhanan. Oleh kerana itu menurut ajaran Islam, walaupun kita telah menyatakan keimanan kepada Allah, haruslah sentiasa berdoa kepada Allah agar ditetapkan di atas jalan yang lurus dan tidak tersesat berpandukan firman Allah juga di dalam surah al-Fatiha (1): 6-7. Allah menyatakan bahawa manusia sentiasa mengakui bahawa setiap kejadian di dunia ini dikuasai olehNya berdasarkan ayat dari surah al-Ankabut (29): 61-63, namun terdapat juga manusia yang tidak mahu menuruti jalan yang benar dan beriman kepada Allah S.W.T. Oleh yang demikian, setiap orang yang beragama perlu menanam sifat keikhlasan dan sentiasa berusaha mendapatkan ilmu yang diyakini benar-benar membantu mencapai jalan yang lurus. Ia tidak boleh semata-mata ikutan kepada warisan turun temurun sedangkan ia tidak bertepatan dengan ajaran yang sempurna.
3. Setiap individu juga harus menyedari bahawa sikap keterbukaan atau toleransi terhadap penerimaan ajaran-ajaran yang pelbagai tanpa batasan dan asas yang kukuh telah menyebabkan hilangnya sifat mutlak kebenaran dalam sesuatu perkara termasuklah dalam persoalan ketuhanan. Pemikiran ini mewujudkan kefahaman relativisme yang akhirnya memusnahkan kebenaran yang diyakini oleh setiap individu.

Begitu juga dalam usaha memahami ajaran agama-agama lain yang wujud di dunia ini, haruslah meneliti kepada beberapa perkara tersebut, iaitu:

1. Bagi menggiatkan usaha dalam bidang kajian agama, setiap pengkaji haruslah meneliti doktrin dan amalan penganut agama lain secara menyeluruh berpandukan sumber yang tepat. Terdapat pelbagai kaedah yang dianjurkan oleh para pengkaji terdahulu terutamanya kaedah fenomenologi. Penelitian ini dapat mengenal pasti titik temu dan keselarasan pelbagai bentuk amalan yang menjadi keutamaan dalam sesebuah agama dengan asas keyakinan dalam persoalan ketuhanan. Ia juga dapat membentuk kefahaman mengenai asas yang membentuk pandangan hidup penganut sesebuah agama dan pandangan mereka terhadap kehidupan di muka bumi ini. Malah, penilaian yang dibuat terhadap ajaran dalam sesebuah agama akan selaras bertepatan sebagaimana keyakinan penganutnya sendiri. Usaha ini dapat mewujudkan rasa senang hati dalam kalangan penganut berbeza agama dan menjauhkan dari berlakunya fitnah atas kesilapan memahami ajaran agama lain dengan tepat.
2. Bertitik tolak dari kefahaman yang sebenar terhadap keyakinan yang wujud dalam ajaran agama lain juga dapat membentuk sikap yang baik serta mewujudkan perasaan berkasih sayang bagi memudahkan interaksi atau dialog sebagaimana yang dikehendaki menurut ajaran Islam. Sesungguhnya agama Islam itu membawa rahmat kepada seluruh kehidupan di muka bumi ini.
3. Seterusnya, usaha-usaha pengukuhan dapat dilaksanakan bagi memantapkan diri dan mempertahankan benteng akidah umat Islam agar kefahaman dan

keyakinan terhadap ketauhidan Allah tidak tergugat dan bercampur baur dengan elemen-elemen yang tidak bertepatan dengan ajaran Islam. Malah, ia juga dapat membentuk kefahaman penganut agama yang lain terhadap ajaran Islam.

Kefahaman-kefahaman yang terbentuk dalam ajaran Saivism terhadap persoalan ketuhanan merupakan hasil pemikiran yang dibentuk oleh manusia sendiri bagi mencapai kesempurnaan dalam kehidupan. Mereka telah menghuraikan konsep ketuhanan dengan tanggapan-tanggapan pemikiran terutamanya dalam hal mengetahui sifat dan zat tuhan. Oleh kerana itu, manusia memerlukan panduan dan petunjuk dari Allah agar kefahaman yang diperolehi bertepatan dengan kehendak dan aturanNya. Manusia juga harus berusaha agar dapat mencapai kebenaran yang hakiki serta dijauhkan daripada ilmu yang tidak bermanfaat untuk mencapai keyakinan terhadap tuhan Yang Berkuasa mutlak. Bagi seorang Muslim juga perlu sentiasa berhati-hati agar sentiasa terpandu dengan pemikiran yang bersih dan suci terhadap Allah S.W.T. Hakikat kebenaran dan kesalahan dalam persoalan ketuhanan telah dihuraikan secara jelas dan sempurna dalam ajaran Islam. Maka, setiap manusia harus berusaha mencapai keyakinan yang benar-benar diterima oleh tuhan yang sebenar iaitu Allah S.W.T. dan berusaha mempertahankan keyakinan tersebut.

Selain itu, satu keperluan yang utama bagi umat Islam mendalamai ilmu-ilmu berkaitan persoalan ketuhanan. Perkembangan ajaran Islam yang dibawa oleh Rasulullah S.A.W. telah berkembang sejak lebih 1400 tahun yang lalu. Malah, ajaran tauhid yang menjadi asas keyakinan Islam telah ditanam dalam diri manusia sejak manusia pertama iaitu Nabi Adam A.S. diciptakan. Segala ajaran yang benar telah ditunjukkan oleh Allah S.W.T. melalui wahyuNya. Malah, penyelewengan dan

kesalahan dalam menanggapi persoalan ketuhanan juga turut dinyatakan oleh Allah S.W.T. Setelah kewafatan nabi Muhammad S.A.W., umat Islam terus diasak dengan pelbagai kefahaman yang menyeleweng terhadap keimanan kepada Allah S.W.T. Namun, Allah sentiasa memberikan rahmatNya dengan mengurniakan ilmu-ilmuNya melalui para ulama''. Oleh kerana itu, kita seharusnya berusaha mendekati dan menuruti langkah para ulama'' serta berusaha memahami perbahasan-perbahasan mereka yang menjelaskan hakikat kewujudan Allah yang sentiasa berpandukan sumber-sumber yang kukuh iaitu wahyu Allah agar dapat mengukuhkan keimanan manusia kepadaNya. Ia termasuklah perbahasan mengenai konsep tauhid sebagaimana diuraikan oleh Imam al-Maturidi dan Imam Al-Asy'ari serta ulama'' yang menuruti kaedahnya dalam karya-karya penulisan mereka.

## BIBLIOGRAFI

### A. Al-Qur'ān

1. „Abdullah Muḥammad Basmeih (1968). *Tafsir* pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian al-Qur'ān 30 Juz'. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri
2. Al-Rāzi, Fakhr al-Dīn Muḥammad ibn 'Umar (1938). *Tafsīr al-Kabīr li al-Imām Fakhr al-Rāzi. Juz al-Khamīs. Taba'"dh al-Ūla.* Mesir: al-Matba`ah al-Bahiyah al-Misriyah
3. Al-Ṭabari, Abi Ja'far Muḥammad ibn Jarīr (1968). *Jami'"al-Bayān „an Ta'wīl aiy al-Qur'ān. Tab'"ah al-Thālithah.* Juz 30. Mesir: Matba`ah Mustafa al-Bābi al-Jalābi wa Awladuhu
4. Ibn Kathīr, Abi al-Fida Ismā'il (t.t.). *Tafsīr al-Qur'ān al-,Aṭīm.* Qaherah: al-Matba`ah al-Fanniah
5. \_\_\_\_\_ (2008), *Lubāb al-Tafsīr.* M. Abdol Ghofar (terj.). Indonesia: Pustaka Imam Syafie

### B. Kitab Hadis

1. (t.n.)(t.t.), *Sahīh Muslim. Al-Juz'" al-Awwal.* Mesir: Ṭaba'"ah ,Iṣa al-Bābi al-Jalābi wa Syirakatuḥu

### C. Teks Suci Agama Hindu

1. (t.n)(1977). *Kamika Agamam.* The South Indian Archakar Association
2. Deussen, Paul. (1980). *Upanishads.* Delhi: Motilal Banarsidass

3. Devi Chand (1980). *The Yajurveda. 3<sup>rd</sup> Edition.* New Delhi: Munshiram Manoharlal Publishers Private Limite
4. Griffith, R. T. K. (1896). *The Hymns of the Rigveda.* (Trans) 2nd edition Kotagiri: Nilgiri

#### **D. Bahasa Arab**

1. Abi Aḥmad Muḥammad Diya“ al-Dīn al-Rahman al-Azomi (2008). *Dirāsah fī al-Yahūdiyyah wa al-Masīhiyyah wa Adyān al-Hind. Tab”ah al-Rabi”ah* Riyadh: Maktabah al-Rusyd
2. Ahmad Bahjat (1983). *Allah fī al-„Akīdah al-Islāmiyyah: Risālah al-Jadīdah fī al-Tawhīd.* Qaherah: Muassasah al-Ikhram.
3. Al-Asy’ari, Abu Hassan „Ali bin Ismail (1977). *Al-Ibānah „an Usul al-Diyānat.* Fauqiyah Husain Mahmud (*Tahqiq*). Mesir: Dār al-Anṣar
4. \_\_\_\_\_ (t.t). *Maqālat al-Islāmiyyin wa Ikhtilaf al-Muṣallīn.* Jil. 2. Mesir: Maktabah al-Nahdah
5. Al-Baihaqi, Abi Bakr ibn al-Husain ibn „Ali (2003). *Al-Asmā”wa al-Šifat. Tab”ah al-Ūla.* Nasir ibn Al-Najjar al-Dimiyati (*tahqiq*). (T.T.P.): Dār Ibn Rajab.
6. Al-Syahrastani, Abi al-Fath Muḥammad ibn ,Abd al-Karīm (2009). *Al-Milal wa al-Nihāl.* Lubnan: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah
7. Al-Ṭūsi, Abu Nasr ,Abdullah ibn „Ali al-Sarraj (t.t.). *al-Lumā”fī al-Tārīkh al-Tasawwuf al-Islāmi.* ,Imad Zaki al-Barudiyyi (*tahqiq*). Qaherah: al-Maktabah al-Tawfiqiyyah

8. Al-Tabari, Abi Ja'far Muḥammad ibn Jarīr (1119). *Tārīkh al-Rusul wa al-Muluk. Taba'ah al-Thāniyah*. Muḥammad Abu al-Fadl Ibrahīm (tahqiq). Mesir: Dār al-Ma'arif
9. Ibn Manzur, Abi al-Fadl Jamal al-Dīn Muḥammad ibn Mukram ibn Manzur al-Afriqi al-Miṣri (1955). *Lisān al--,Arab*. jil.15. Beirut: Dār al-Sader & Dār al-Beirut
10. \_\_\_\_\_(1968). *Lisān al--,Arab*, jil. 12, Beirut: Dār al-Sader wa Dār al-Beirut
11. Muhammad Kamil Hassan (1989). *Al-„Ibādah fī al-Qur'ān al-Karīm*. Lubnan: al-Maktab al-„Alimi li al-Ṭaba'ah wa al-Nashr

#### **E. Bahasa Inggeris**

1. Alain Danielou (1964). *Hindu Polytheism*. London: Routledge & Kegan Paul Ltd
2. Assman, J. (2010). *The Price of Monotheism (trans.)*. California: Stanford University Press
3. Basham, A.L. (1967). *The Wonder That Was India*. London: Sidgwick & Jackson.
4. Bhattacharya, B. (1975). *Saivism and The Phallic World*. Vol. 2. New Delhi: Mohan Primlani, Oxford & IBH Publishing Co.
5. Bhattacharyya, G. (1961). *Studies in Nyaya-Vaisesika Theism*. Calcutta: Sanskrit College
6. Bidhinatha Veylanswami (2007). *What Is Hinduism?* USA: Himalayan Academy
7. Brandon, S. G. F. (1970). *A Dictionary of Comparative Religion*. London: Weindenfeld & Nicolson
8. Capetz, P. E. (2003). *A Brief History of God*. (T.P.)

9. Chaganlal Lala (1989). *Philosophy of Bhakti*. Delhi: B. R. Publishing Corporation
10. Davis, R. H. (t.t.) *Worshiping Siva in Medieval India: Ritual in an Oscillating Universe*. India: Nanendra Prakash Jain
11. Devapooty Nadarajah (1986). *The Strength of Saivism*. Kuala Lumpur: The Selangor /Wilayah Persekutuan Ceylon Saivite Association
12. Devasenapathy, V. A. (1963). *Of Human Bondage and Divine Grace*. India: Annamalai University
13. Elmore, W. T. (1995). *Dravidian Gods In Modern Hinduism*. Madras: Asian Educational Services
14. Erndl, K. M. (2007). *The Hindu World*. New York: Routledge
15. Gerald Gaillard (1997). *The Routledge Dictionary of Anthropologist*. New York: Armand Collin Publisher
16. Hans Kochler (1982). *The Concept of Monotheism in Islam and Christianity*. Austria: Wilhem Braumuller
17. Henry More (n.d). *The Theological Work of the Pious and Learned Henry More*. Joseph Downing (Ed.). Bartholomew: (N.P)
18. Jadunath Sinha (1970). *Schools of Saivism*. Calcutta: Sinha Publishing House Pvt. Ltd.
19. John Bowker (Ed.) (1997). *The OxFORD Dictionary of World Religions*. New York: Oxford University Press
20. Klostermaier, K. K. (2000). *Hinduism: A Short History*. USA: Oneworld Publication

21. Kurian Mathoutu (1974). *The Development of the Concept of Trimurti in Hinduism*. India: Sebastian Vayahil
22. Leela Mullatti (1989). *The Bhakti Movement and the Status of Women*. New Delhi: Abhinav Publications
23. Mahadevan, T. M. P. (1968). *The Philosophy of Advaita*. Madras: Ganesh & Co. (Madras) Private Ltd.
24. \_\_\_\_\_ (1984). *Outlines of Hinduism*. Bombay: Chetana Pvt. Ltd
25. Marshall. Et.al. (1998). *Designing Qualitative Research*. London: Sage Publication
26. Mc Leod, John (1994). *Doing Counselling Research*. London: Sage Publication
27. Mialaret, J. (1969). *Hinduism in Singapore: A Guide to the Hindu Temples of Singapore*. Singapore : Asia Pacific Press
28. Moti Lal Pandit (1987). *Saivism, A Religio-Philosophical History*. New Delhi: Theological Research and Communication Institute
29. Muller, F. M. (1893). *Introduction to the Science of Religion*. England: Longmans, Greens & Co.
30. Nandimath, S. C. (1979). *A Handbook of Virasaivism*. India: Motilal Banarsidass
31. Niebuhr, H. R. (1960). *Radical Monotheism and Western Culture: With Supplementary Essays*. USA: Library for Theological Ethics
32. O'Malley, L. S. S. (1935). *Hinduism: The Religion of the Masses*. Jodhpur: Scientific Publishers

33. Plott, J. C. (1974). *A Philosophy of Devotion*. India: Motilal Banarsidass
34. Pranab Bandyopadhyay (1995). *Gods and Goddesses in Hindu Mythology*. Calcutta: United Writers
35. Ramachandran, T. P. (1976). *Dvaita Vedanta*. India: Arnold-Heinemann Publishers
36. Rodrigues, P. H. (2006). *Introducing Hinduism*. New York & London: Routledge Taylor & Francis Group
37. Ruma Chaudhury (2004). *Srikantha's Philosophy of the Monotheistic Vedanta*. Delhi: Global Vision Publishing House
38. Sachau, E. (1910). *AlBeruni's India*. London: Kegan Paul, Trench, Trubner & Co. Ltd.
39. Sarma, D.S. (1956). *Hinduism Through The Ages*. Bombay: Bharatiya Vidya Bhavan
40. Sarma, S.(2006). *A Study of Deities of Rig Veda*. India: Abhinav Publications
41. Schneider, L. C. (2008). *Beyond Monotheism: A Theology of Multiplicity*. London: Routledge
42. Siddhantashastree, R. K. (1975). *Saivism Through the Ages*. New Delhi: Munshiram Manoharlal Pub. Pvt. Ltd.
43. Sivaraman, K. (1973). *Saivism in Philosophical Perspective: A Study of the Formative Concepts, Problems and Methods of Saiva Siddhanta*. India: Motilal Banarsidass
44. Subramaniam, K. R. (1985). *The Origin of Saivism and its History in the Tamil Land*. New Delhi: Asian Educational Services

45. Tyonbee, A. (1956). *An Historians's Approach to Religion*. United Kingdom: Oxford University Press
46. Vyas, R. N. (1994). *Hindu Philosophy of Religion*. Jaipur: Printwell
47. Satguru Sivaya Subramuniyaswami (1997). *Saivite Hindu Religion 2*. Kuala Lumpur: Uma Publication
48. \_\_\_\_\_ (2003). *Dancing With Siva: Hinduism's Contemporary Catechism. 6<sup>th</sup> Edition*. USA: Himalayan Academy Publication
49. Shakunthala Jagannathan (1992). *Ganesha, The Auspicious... the Beginning*. Bombay: Vakils, Feffer & Simons Ltd.
50. Sigmund Freud (1939). *Moses and Monotheism*. Hogarth Press and The Institute Of Psycho-Analysis
51. Srisa Chandra Vidyarnava (1991). *The Daily Practice of the Hindus*. New Delhi: Munshiram Manoharlal Publishers Pvt. Ltd.
52. Sudhakar Chattopdhayaya (1970). *Evolution of Hindu Sects*. New Delhi: Munshiram Monharlal
53. Sukumari Bhattacharya (2000). *The Indian Theogony: Brahma, Visnu & Siva*. India: Penguin Book
54. Swami Abhenanda (1996). *Religion, Revelation and God*. Calcutta: Ramakrishna Vedanta Math
55. Swami Parmeshwaranand (2004). *Encyclopaedia of the Śaivism*. New Delhi: Sarup & Son

## **F. Bahasa Malaysia**

1. Abdul Karim Zaidan (2002). *Islam dan Dakwah*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd.
2. Ahmad Shalaby (2001). *Agama-Agama Yang Terbesar Di India*. Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd.
3. Darlene Geis (1968). *Mari Kita Melawat India*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka
4. H. Mohd Rifai (1965). *Perbandingan Agama*. Jakarta: Penerbit P.T. Djajamurni
5. H.O.K Rahmat (1979). *Dari Adam Sampai Muhammad*. Kota Bahru: Pustaka Aman Press
6. Husainy Ismail (t.t), *Konsepsi-Konsepsi Dasar Agama* (T.P).
7. Ibrahim al-Baijuri (2009). *Tuhfāt al-Murīd Syārḥ Jawhar al-Tawhīd*. Nuruzzaman MZ (terj.). (T.T.N.): Darul Busyra
8. Imam Barnadib (1982). *Arti dan Metode Sejarah Penyelidikan*. Yogyakarta: Yayasan Penerbitan FIP-IKIP
9. Kamarul Shukri Mohd Teh (2008). *Pengantar Ilmu Tauhid*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distribution Sdn. Bhd.
10. M. Rajantheran (1997). *Kepercayaan Orang India*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

11. Mohd Rosmizi Abd Rahman (2004). *Empat Agama Monotheisme*. Kuala Lumpur: PTS Publication
12. Noresah Baharom (2004). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
13. S. Singaravelu (2006). *Pengajian India: Bicara Pelbagai Perspektif*. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya

#### **G. Tesis**

1. M. Subramanian (1995). *Agama dan Kepercayaan Di Kalangan Pengikut Hindu : Satu Kajian Kes Di Daerah Kuala Selangor*. (Disertasi, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya)

#### **H. Kertas Kerja @ Makalah**

1. Brian A. Hatcher (2006). “Remembering Rammohan: An Essay on The (Re-) Emergence of Modern Hinduism” dlm *Journal of History of Religions*. Vol. 46. No.1 August 2006.
2. Chriss Klassen (2008). “Research Note: Rejecting Monotheism? Polytheism, Pluralism, and Battlestar Galactica” dlm *Journal of Contemporary Religion*. Vol. 23, no. 3, October 2008. United Kingdom: Cambridge
3. Douglas L. Berger, (2006). „The Poorest Form of Theism“: Schopenhauer, Islam and the Perils of Comparative Hermeneutics,” dlm Irfan A.Omar, *Islam and Other Religions: Pathways to Dialogue*. New York: Routledge Taylor and Francis Group

4. G. Sivabalan (1996). “Religious Beliefs among Ancient Tamils As Potrayed In Patiruppatu” dlm J. Rabindra Daniel. *et. al. Jurnal Pengajian India*. Jil. 6. Kuala Lumpur : Universiti Malaya
5. H. Burhanuddin Daja. “Sejarah Agama-agama (Beberapa Pengertian).” dlm Djam“anunuri (ed.) *Agama Kita: Perspektif Sejarah Agama-agama*. Yogyakarta : Kurnia Kalam Semesta
6. Hilman Latief (2006). “Comparative Religion in Medieval Muslim Literature” dlm *The American Journal of Islamic Social Science* Vol. 23: 4. USA: American Muslim Social Scientist
7. Julius Lipner (2004). “On Hinduism and Hinduisms: The Way of the Banyan” dlm Sushil Mittal *et. al. The Hindu World*. New York & London: Routledge Taylor & Francis Group
8. Laurie L. Patton (2004). “Veda and Upanisad” dlm Sushil Mittal *et. al. The Hindu World*. New York & London: Routledge Taylor & Francis Group
9. M. Rajantheran & M. Subramaniam (2006). “Konsep Ketuhanan Masyarakat Beragama Hindu Luar Bandar,” dlm Singaravelu Sachithanantham, *Pengajian India: bicara Pelbagai Perspektif*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya
10. \_\_\_\_\_ (2006). “Sejarah dan Perkembangan Agama Hindu di India dan Malaysia: Satu Tinjauan Ringkas” dlm Singaravelu Sachithanantham, *Pengajian India: bicara Pelbagai Perspektif*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya

11. Michael L. Fitzgerald. “The Witness of Monotheistic Religion,” dlm Irfan A.Omar, *Islam and Other Religions: Pathways to Dialogue*. New York : Routledge Taylor and Francis Group
12. Micheal Levine (2007). “Non-Theistic Conceptions of God,” dlm Chad Meister *et. al.* *The Routledge Companion to Philosophy of Religion*. Oxon : Routledge
13. N. Khanthasamy (1996). “Early Religious Scriptures” dlm. *Jurnal Pengajian India* Jil. 6. Universiti Malaya: Jabatan Pengajian India
14. R. Balasubramaniam (1997). “Advaita Vedanta: Its Unity With Other Systems And Its Contemporary Relevance.” dlm Swami Lokeshwarananda, *Indian Philosophical Systems*. Calcutta: The Ramakrishna Mission Institute of Culture
15. Razaleigh Muhamat@ Kawangit (2003). “Kepercayaan Monoteisme Di Dalam Agama Hindu” dlm *Jurnal Usuluddin*. Bil. 17, J.Awwal 1423/ Julai 2003. Kuala Lumpur: Universiti Malaya
16. S. Bhattacharyya (1997). “The Indian Philosophical Systems: Their Basic Unity” dlm Swami Lokeshwarananda, *Indian Philosophical Systems*. Calcutta: The Ramakrishna Mission Institute of Culture
17. S.N. Kandaswamy (1984). “The Concept of God In Śaiva Siddhānta,” dlm D. Nadarajah *Jurnal Pengajian India* Jil.2. Kuala Lumpur
18. Vineetha Sinha (2008). ““Hinduism” and „Taoism“ in Singapore: Seeing Points of Convergence,” dlm Yong Mun Cheong, *The Journal of Southeast Asian Studies*. Singapore: Cambridge University Press

## **I. Temubual**

1. Ustaz Hj Abd Latiff Satharan Abdullah, Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia.  
Temubual pada 3 Ogos 2011, jam 8.30 malam di Sungai Buloh
2. Balrama Applanaidu (Dr.), Pensyarah di Universiti Nottingham. Temubual pada 11 November 2011, jam 10.00 pagi di Universiti Nottingham, Semenyih
3. M. Rajenthaleran (Dr.), Pensyarah Jabatan Pengajian India, Universiti Malaya. Perbualan dalam talian pada 27 Julai 2011
4. N.S. Rajendran (Prof Dr.), Pengurus Persatuan Hindu Mamandram. Temubual pada 1 Ogos 2011, jam 9.00 pagi di Universiti Pendidikan Sultan Idris Tanjung Malim, Perak
5. Encik R. Kanagaratman, Setiausaha Persatuan Hindu Dharma Malaysia. Temubual pada 11 Ogos 2011, jam 8.00 malam di Pantai Dalam, Kuala Lumpur
6. Encik Syah Kirit Kalkulal Govindji, Pengarah Pusat Institut Islam. Temubual pada 23 Ogos 2011, jam 2.00 petang di Bangunan Sentral Satu, Kuala Lumpur

## **J. Laman Sesawang**

1. <http://en.wikipedia.org/wiki/Monotheism> (10hb Februari 2011)